



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 01 OGOS 2016 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.* Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 1 Ogos 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

I. BACAAN DOA.

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 01 Ogos hingga 05 Ogos 2016 dan 08 Ogos hingga 12 Ogos 2016 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 06 hari bulan Jun 2016.

TUAN SPEAKER: Salam Sejahtera dan Selamat Datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Selamat datang ke Mesyuarat Yang Kedua ini bagi Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas. Saya ingin

memaklumkan bahawa saya telah menerima permohonan daripada Yang Berhormat Tuan Loh Chee Heng Ahli Dewan Negeri Kawasan Telok Datok yang tidak dapat menghadiri persidangan kali ini dan permohonan cuti beliau telah saya luluskan. Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas kemenangan Yang Berhormat Sungai Panjang sebagai Ahli Parlimen Sungai Besar. Sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan urusan mesyuarat pada pagi ini.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2016
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2015 Siri 1.

- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2016
 - Cadangan Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Kertas Mesyuarat Bilangan 19 tahun 2016 Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor *Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor* (JPKSAS) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Kuantiti Status Terkini Projek-Projek Loji Rawatan Air Labuhan Dagang, Logi Rawatan Air Semenyih Dua Dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air.

- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2016
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan *Special Select Committee on Competence Accountability and Transparency SELCAT* bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Wabak Denggi Di Negeri Selangor.

- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 tahun 2016
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Mekanisme Penentuan Dan Penilaian KPI Di Tahap PBT.

- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 22 tahun 2016
- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor *Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor* (JPKSAS) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Kuantiti Status Terkini Bekalan Air Mentah Dan Air Terawat Di Negeri Selangor, Status Projek-Projek Aktif Dan Isu Insiden Paip Pecah.

-

IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan no.1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan perkembangan terkini pembinaan RMM Selangorku.
 - b) Sila nyatakan apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi.
 - c) Sila kemukakan perbandingan harga dan proses pembinaan Rumah Selangorku dengan RMM PRIMA di Negeri Selangor.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan. Tuan Speaker, untuk menjawab soalnya, pada tahun 2015 kita telah melancarkan program insentif pembinaan rumah Selangorku yang telah mendapat sambutan yang baik daripada pemaju-pemaju. Pada tahun tersebut sehingga hari ini terdapat 14 projek yang telah diluluskan di bawah insentif tersebut. Dan ini merangkumi 20,008 unit daripada 14 projek tersebut yang siap dibina 1 projek dan dalam pembinaan adalah 11 projek dan belum dibina adalah 2 projek. Fokus kami adalah untuk memastikan bahawa kesemua 14 projek ini dapat dibina menurut perancangan dan kita akan mendapat 20,000 unit Rumah Selangorku di dalam pasaran. Walau bagaimanapun terdapat Projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan sebelum ini iaitu daripada

2010 iaitu ketika itu ia adalah di bawah Skim 2010 belum lagi kita melancarkan Rumah Selangorku dan daripada 138 projek telah kita luluskan iaitu 62,519 unit yang siap adalah 5 projek dalam pembinaan adalah 13 projek yang lain itu belum lagi dibina ada bercampur-campur dari segi status. Ada yang memohon untuk tukar daripada 2020-10 kepada rumah Selangorku ada yang telah mendapat kebenaran merancang dan ada yang kita sedang dalam proses untuk mengambil tindakan. *Insyallah* jawatankuasa saya akan memasukkan satu kertas EXCO ke dalam MMKN beberapa selepas ini iaitu akan ada tindakan yang perlu dilakukan kepada pemaju-pemaju yang ingkar membina rumah Selangorku walaupun kita telah memberi kelulusan. Seterusnya adalah dari segi apakah kekangan yang paling besar adalah kenaikan harga barangan pembinaan. Kita tahu bahawa rumah Selangorku adalah dibina melalui *Cross Subsidy* atau pun Silang Sumbang jadi bermakna sekiranya harga pembinaan itu makin tinggi bermakna bahawa pemaju perlu *cross subsidize* dengan izin dengan harga yang lebih tinggi. Itu adalah perkara yang paling utama yang menyebabkan peningkatan kos. Selain daripada itu adalah tentang caj-caj bayaran caruman ada 30 bayaran caj dikenakan kepada pemaju dan juga yang dikenakan oleh *service provider* dengan izin iaitu seperti SYABAS dan TNB. Untuk Kerajaan Negeri pada tahun 2015, kita telah mengurangkan premium dan kita telah mengurangkan caj pembangunan. Ini adalah usaha Kerajaan Negeri apa yang bawah Kerajaan Negeri kita boleh laksanakan tapi kalau luar kuasa Kerajaan Negeri kita tidak boleh laksanakan. Kita telah dalam perbincangan sama ada untuk pengurangan premium dan caj pembangunan ini hendaklah kita teruskan sebab kita hanya beri pada tahun 2015. Kemungkinan kalau keadaan semakin gawat mungkin kita terpaksa *extend* dengan izin pengurangan premium dan juga caj pembangunan ini kepada 2016 dan seterusnya. Ada persoalan tentang perbezaan rumah mampu milik daripada Rumah Selangorku daripada PRIMA ialah dari harga setakat ini maksimum Rumah Selangorku adalah RM250,000 sementara maksimum harga tertinggi PRIMA adalah sehingga 400,000. Ini adalah dua perkara sebab kita ada juga pihak prima yang hendak membina di negeri Selangor hendak mendapat nikmat atau manfaat seperti mana Rumah Selangorku iaitu mereka mahu bina rumah PRIMA tapi mereka mahu di antara yang kita bagi insentif iaitu densiti naik kepada 120 unit 1 ekar. PRIMA ada mintak. Kita boleh bersetuju tetapi ada dua syarat. Yang pertama harganya kena ikut harga rumah Selangorku tak boleh lebih dari 250,000. Yang kedua, nama separuh daripada nama kena datang daripada Kerajaan Negeri iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tak boleh semua dari Kerajaan Persekutuan. Yang ketiga, nama projek kena tukar tak boleh nama PRIMA tetapi kena nama Selangorku PRIMA. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan sekarang dalam kegawatan ekonomi dan kita nampak pembinaan Selangorku semakin giat kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana berusaha untuk membantu golongan rakyat marhaen. Saya nak tanya bagaimana dengan pemaju-

pemaju yang mendapat kelulusan membina Rumah Selangorku berapa jangka tempoh yang kita kenakan supaya mereka mesti mematuhi. Yang kedua apakah tindakan dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pemaju.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Rumah Selangorku kita beri daripada kelulusan EXCO kita minta dalam masa 6 bulan mereka kena buat permohonan untuk Kebenaran Merancang. Itu yang penting sekali. Tetapi yang paling penting adalah kita minta mereka bina Rumah Selangorku dulu ataupun bersekali dengan rumah-rumah kos bebas, kos-kos lain jadi bermakna yang ini kita telah panjangkan kepada pihak berkuasa tempatan jadi bermakna kalau mereka bina Rumah Selangorku atau mereka tidak boleh bina kos bebas terlebih dahulu baru mereka bina rumah Selangorku jadi bermakna bahawa ini memang kita tetapkan. Kena bina bersekali atau bina terlebih dahulu. Kita telah minta kepada Pihak apa ini, Pihak Berkuasa Tempatan, Kebenaran Merancang bagi kalau mereka belum lagi membina Rumah Selangorku, kalau mereka ada projek-projek lain memang kita telah minta dan memang ada halang, supaya mereka mendapat kebenaran merancang bagi projek lain, kalau mereka tidak bina Rumah Selangorku.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Yang Berhormat EXCO, saya hendak bertanya apakah bentuk-bentuk tindakan yang boleh diambil atau pun yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju-pemaju yang sudah mendapat kebenaran merancang tapi masih tidak melaksanakan skim Rumah Selangorku ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tindakan kita adalah mereka tidak boleh membuat permohonan Kebenaran Merancang tidak diluluskan bagi projek-projek lain, itulah tindakan kita. Mereka tidak boleh buat projek lain.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan. Betullah mereka disekat untuk projek yang lain, tapi kadang-kadang pemaju ini pun pandai juga. Sekat yang ini dia tukar nama lain, pengarah yang lain tapi masih beroperasi orang yang sama kan. Jadi isu kita ialah bagaimana kita hendak menangani kekurangan isu Rumah Selangorku itu. Saya ingat mesti ada satu cara yang Kerajaan Negeri boleh beri sama ada penalti atau juga bentuk, maknanya kalau misal kata kalau ada kebenaran lain selain dari Rumah Mampu Milik atau pun Rumah Selangorku dibina dahulu, atau pun dengan izin *concurrent* apa ini pembangunan yang lain.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Telah kita maklumkan bahawa kita boleh akan tarik balik kelulusan untuk Rumah Selangorku. Bermakna kalau kita dah beri kalau mereka tidak bina yang pertama kita boleh apa ini, tahan projek lain, Kebenaran Merancang bagi projek yang lain, memang benar bahawa mereka kadang-kadang ada banyak projek yang menggunakan syarikat-syarikat yang lain.

Tapi apa yang telah kita maklumkan ada pihak Lembaga Perumahan dah panggil pemaju-pemaju yang terlibat bahawa kita akan batalkan kelulusan untuk mereka *convert* daripada 20:20:10 kepada Rumah Selangorku, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya hendak tanya EXCO, sekarang nampaknya memang kelulusan untuk Rumah Selangorku itu sudah banyak sekali. Tetapi saya dengar di bawah-bawah ada masalah pinjaman atau pun *loan* untuk didapatkan oleh pembeli-pembeli dan susah untuk diluluskan. Dan ramai pemaju kata tidak ada cukupnya orang yang boleh dapat *loan*. Adakah Kerajaan Negeri telah bincang dengan bank-bank tentang isu ini. Nombor dua ialah tentang kuota jualan Rumah Selangorku ini, adakah Lembaga Perumahan ada kuota yang lain dengan PTG kuota yang lain yang itu soalan saya, adakah 70% untuk bumiputera dan 30% untuk bukan Bumiputera. Ini selaras di Negeri Selangor sebagai satu kuota, di semua kawasan di dalam Negeri Selangor atau adakah kawasan-kawasan yang tertentu ada kuota-kuota lain. Atau pun Jabatan Perumahan di Negeri Selangor kuota dia lain dari peraturan PTG kuota yang lain, terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat, dari segi kuota dasarnya kita perlu ikut kuota yang ada pada *Blue Print* Perumahan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, apa saja kuota yang ditetapkan kita ada *release* mekanisme, mekanisme perlepasan yang boleh dibuat secara cepat di Negeri Selangor ini. Untuk pinjaman, memang pihak Lembaga pernah panggil Bank Negara tetapi Bank Negara kata dia tak datang sebab mereka kata mereka not *unsereable to the state* dengan izin. Dan memang ada masalah antara perkara yang baru kita bincang baru-baru ini adalah sekiranya ada satu projek 60% daripada mereka yang mohon pinjaman ditolak oleh bank. Dan daripada 60% tersebut separuh daripada mereka telah di *black list*, sebab apa mereka telah ditolak oleh sebab pinjaman PTPTN. Jadi kita hendak mencadangkan baru-baru ini ada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap, kita hendak berjumpa menegaskan kepada Bank Negara supaya PTPTN ini tak perlulah kita masuk mereka ke dalam *ccriss* supaya dilepaskan untuk boleh mendapat pinjaman. Ada program 60% memang tidak dapat 60% tak dapat pinjaman. Dan daripada 60% itu adalah separuh sebab masalah PTPTN. Jadi bermakna kita minta memang kita akan saya rasa dah tulis surat dah cakap dengan pihak Lembaga untuk memberitahu Bank Negara supaya dilonggarkanlah syarat *black list* PTPTN. Apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bahawa sekarang kita ada 2 program iaitu kita ada Smart Sewa, kita ada DanaSel dan kita ada apa yang dipanggil sebagai Selangor *Smart Home Buyer*. Untuk DanaSel di mana skim sewa beli telah kita laksanakan, sekarang ini contohnya di projek Ken Rimba iaitu bekas peneroka bandar Rimba Jaya, mereka telah menikmati skim Dana Sel ini 84 pembeli kita telah masukkan dalam skim

DanaSel. Jadi mereka bayar sewa kepada Kerajaan Negeri dan akhirnya apabila cukup sewa mereka itu boleh menampung akan sebahagian daripada sewa itu boleh menampung harga rumah, mereka akan terus akan mendapat rumah tersebut.

Kita juga ada Selangor *Smart Home Buyer* di mana Kerajaan Negeri membayarkan deposit bagi penduduk bagi pembeli untuk mendapat pinjaman perumahan. Yang ini kita dalam peringkat akhir sebab kita kena mendapati beberapa akta-akta bank, jadi bermakna ada 3 program *Smart Sewa* dan Dana Sel dan juga Selangor *Smart Home Buyer* di mana Kerajaan Negeri membayar deposit bagi mereka yang tidak ada cukup wang untuk membuat pinjaman, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah bas *Smart* Selangor yang telah beroperasi dan nyatakan laluan yang terlibat.
- b) Berapakah kos operasi yang telah dibelanjakan sehingga akhir Jun 2016?
- c) Adakah kerajaan berhasrat untuk terus menyediakan perkhidmatan bas *Smart* Selangor ini secara percuma?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan tujuh soalan yang lain iaitu No. 19 daripada Kuala Kubu Baharu, No. 53 daripada Kajang, No. 65 daripada Batang Kali, No. 152 daripada Dengkil, No. 170 daripada Sekinchan, No. 176 daripada Kota Anggerik dan No. 222 daripada Selat Kelang. Tuan Speaker sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016, perkhidmatan Bas *Smart* Selangor telah beroperasi di sebelas (11) daripada 12 kawasan PBT. Manakala bagi kawasan Petaling Jaya, Majlis Bandar raya Petaling jaya juga telah menyediakan perkhidmatan bas percuma iaitu *PJ City Bus* sebanyak 22 buah bas. Bagi laluan tambahan terbaru pada tahun 2016, Bas *Smart* Selangor telah beroperasi di kawasan pentadbiran Ampang Jaya, Kajang, Sepang, Kuala Langat, Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor. Sejak dilancarkan Bas *Smart* Selangor kini berjumlah 34 buah yang

digunakan di semua sebelas (11) laluan yang diperkenalkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri setakat ini telah membelanjakan sebanyak RM12,317,278.64 bagi pelaksanaan Bas *Smart* Selangor di sebelas (11) kawasan pentadbiran PBT di negeri Selangor. Keseluruhan kos tersebut adalah meliputi kos sewaan bagi 34 buah bas *Rapid*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan sebanyak 6% bagi tempoh 12 bulan atau setahun. Kos sewaan seunit pula adalah sebanyak RM800.00 sehari termasuk kos penyelenggaraan dan urusan pengoperasian bas tersebut. Manakala bagi bas komuniti PJ *City Bus* pula bagi tahun 2015 Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membelanjakan sebanyak RM2.92 juta manakala untuk tahun 2016 MBPJ telah memperuntukkan sebanyak RM6,599,000.00.

Bagi menjawab pertanyaan Kuala Kubu Baharu, kos pelaksanaan Bas *Smart* Selangor di luar bandar sahaja pada tahun 2016 yang melibatkan enam (6) kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Selayang, Sepang, Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor adalah sebanyak RM4,363,532.64. Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016, penumpang Bas *Smart* Selangor telah menjangkau sehingga 1,951,530 penumpang. Oleh yang demikian, berdasarkan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor setakat ini dan permintaan-permintaan untuk menambah lagi jumlah perkhidmatan tersebut yang banyak diterima, Kerajaan Negeri percaya bahawa masyarakat menerima baik perkhidmatan ini di samping mengharap supaya perkhidmatan ini diperluaskan ke kawasan lain. Antara maklum balas orang awam terhadap perkhidmatan ini adalah ia memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam lain yang berinteraksi dengan laluan bas ini seperti komuter dan transit aliran ringan atau LRT.

Peningkatan jumlah Bas *Smart* Selangor yang hampir menjangkau 2 juta sejak dilancarkan telah memberi isyarat bahawa sambutan penerimaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan percuma Bas *Smart* Selangor adalah sangat memberangsangkan. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri turut mensasarkan supaya perkhidmatan percuma Bas *Smart* Selangor ini dapat menggalakkan masyarakat kepada penggunaan pengangkutan awam di samping membantu golongan berpendapatan rendah yang bergantung kepada sistem pengangkutan awam bagi melaksanakan pelbagai urusan harian. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan akan sentiasa melaksanakan pemantauan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah pada tahap yang terbaik dan berterusan.

Pecahan statistik penumpang mengikut PBT adalah seperti berikut :

1. MBSA 591,000
2. MBSJ 444,000
3. MPK 227,000

4. Ampang Jaya 243,000
5. Kajang 344,000
6. Selayang 66,000
7. Sepang 4,200.00
8. Kuala Langat 9,400.00
9. Sabak Bernam 6,300.00
10. Kuala Selangor 4,185.00
11. Hulu Selangor 10,263.00

Dan angka ini akan saya berikan butir-butirnya secara bertulis kepada Adun yang berkenaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 99,628 penumpang adalah penumpang bagi perkhidmatan Bas *Smart* Selangor luar bandar yang melibatkan 6 PBT bermula pada Mei dan Jun 2016.

Walau bagaimanapun, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Selat Kelang, buat masa ini tiada perkiraan terperinci dibuat bagi jumlah pangsapuri kos rendah di Selangor secara keseluruhannya. Namun begitu, laluan Bas *Smart* Selangor di semua PBT yang terlibat telah mengambil kira sasaran penumpang di kawasan penduduk berpendapatan rendah khususnya di kawasan pangsapuri-pangsapuri yang berdekatan. Sejak dilancarkan 11 laluan telah diperkenalkan di semua daerah kecuali Petaling Jaya. Jumlah laluan di Ampang Jaya, Kajang, Sepang, Kuala Langat, Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor serta satu tambahan bas, ya tambahan sebuah bas penambahbaikan laluan di Klang bermula pada tahun ini. Dalam penyediaan laluan Bas *Smart* Selangor, cadangan laluan akan terlebih dahulu dibentangkan dan dinilai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dengan penglibatan semua PBT yang berkaitan dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Laluan-laluan yang dicadangkan oleh PBT dipertimbangkan dengan mengambil kira pandangan dan kajian keperluan laluan di samping mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri sangat komited untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Negeri Selangor. Tidak dapat dinafikan memang terdapat permintaan untuk menyediakan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor di kawasan yang tidak mempunyai akses kemudahan awam, pusat bandar dan perkara ini sedang dalam perhatian dalam Kerajaan Negeri bergantung pada faktor-faktor tertentu seperti kewangan dan sebagainya. Kerajaan Negeri akan melihat tahap pencapaian perkhidmatan Bas *Smart* Selangor berdasarkan peningkatan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut, di mana di semua PBT.

Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan oleh PBT akan memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memberikan kepuasan dan keselesaan kepada penumpang. Namun begitu, kajian terperinci kepuasan penumpang boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Inisiatif Kerajaan Negeri

dalam melaksanakan program Bas *Smart* Selangor bukanlah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan sebaliknya objektif Bas *Smart* Selangor ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam oleh semua lapisan masyarakat di samping dapat mengurangkan bebanan kewangan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menggunakan perkhidmatan awam di semua urusan harian.

Oleh yang demikian berdasarkan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor setakat ini sebanyak 1.9 juta penumpang dan permintaan-permintaan untuk menambah lagi jumlah perkhidmatan tersebut yang banyak diterima, Kerajaan Negeri percaya bahawa masyarakat menerima baik perkhidmatan ini di samping mengharapkan perkhidmatan ini diperluaskan ke kawasan lain. Kelangsungan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor juga bergantung pada komitmen yang diberikan oleh PBT dan Kerajaan Negeri serta faktor kewangan terutama untuk menyelia dan mengekalkan lebih banyak laluan operasi Bas *Smart* Selangor di semua PBT, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat EXCO atas penjelasan. Cuma bila saya teliti tadi jumlah sejak bas ini dilaksanakan, jumlah pengunjung atau pun penumpang lebih daripada 2 juta penumpang. Dari segi pecahannya pun kita dapat daripada baca tadi dapat lihat dan perhatikan, saya sempat mencatat. Kalau kita pecahkan daripada setiap bulan operasi bas itu sendiri, ada yang minimum bas itu menerima penumpang sebanyak 60 penumpang dalam sebulan lebih kurang dan paling tinggi pun dalam 25,000 penumpang sebuah bas atau pun laluan. Jadi apakah kerajaan tidak melihat bahawa ini adalah merupakan suatu kos yang besar yang terpaksa kerajaan tanggung dan akhirnya mungkin perkhidmatan ini tidak dapat diteruskan dengan baik di masa akan datang. Jadi apakah strategi kerajaan dalam untuk mengurus kos operasi sistem pengangkutan bas percuma ini supaya rakyat lebih selesa dan kerajaan tidak menerima tohmahan-tohmahan di masa akan datang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat Tanjung Sepat. Sebenarnya kalau kita melihat angka-angka ini juga kita kena berhati-hati kerana untuk kawasan luar bandar baru kita laksanakan, tak cukup tiga bulan. Jadi angka itu memang rendah kalau kita ambil hanya tiga bulan berbanding dengan angka yang kita perolehi daripada Shah Alam, Subang Jaya, Klang dan sebagainya. Jadi angka itu perlu dilihat. Keduanya kita juga melihat kepada kepadatan penduduk di luar bandar, memang penduduk tidak sepadat seperti di bandar. Jadi sudah tentu jumlah penumpang tidak setinggi di kawasan bandar. Yang ketiganya adalah sebenarnya kita memperluaskan ke kawasan luar bandar atas desakan daripada ADN-ADN itu sendiri. Jadi kalau angka itu tidak

memuaskan kita batalkan sahaja, jangan ADN minta beri bagi pula kata tak ada penumpang, kalau tak ada kita batalkan. Tambahkan di kawasan bandar, kawasan Puchong perlukan lagi, Seri Serdang perlukan lagi. Jadi kalau itu kritikan itu ada kalau kita ambil kritikan itu kita tutup semua itu. Jadi saya berharaplah walau bagaimanapun, banyak juga kita merancang untuk promosikan ini juga. Jadi termasuk juga kita telah membincangkan kemungkinan kita akan mengadakan aktiviti tertentu untuk menarik perhatian orang ramai bahawa wujudnya perkhidmatan ini termasuk juga mungkin ada *treasure hunt* dengan menggunakan Bas Selangorku supaya menarik perhatian orang ramai wujudnya perkhidmatan ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya Yang Berhormat EXCO, tahniah kerana Selangor telah berjaya melaksanakan Bas Selangorku yang begitu mendapat sambutan ya. Daripada bandar dan luar bandar, saya Sekinchan juga ucapkan terima kasih kerana Sekinchan, Tanjung Karang, Kuala Selangor, Sabak Bernam begitu menghargai dengan sambutan Bas Selangorku ini. Saya hendak tahu oleh sebab sambutan terlalu menggalakkan rakyat merasakan mereka perlu tetapi ada pemandu-pemandu teksi dan persatuan-persatuan teksi mereka membuat demonstrasi baru-baru ini ya, tentang wujudnya Bas Selangorku ini apakah pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu bantahan daripada teksi-teksi ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat Sekinchan. Sebenarnya Tuan Speaker di peringkat Kerajaan Negeri belum pun satu surat aduan diterima oleh Kerajaan Negeri. Saya sedia maklum bahawa saya juga lihat siaran TV berita semasa pilihan raya kecil Sungai Besar. Itu menunjukkan bahawa sebenarnya itu gimik-gimik politik, jadi kalau betul dia menjejaskan begitu teruknya keadaan pemandu teksi, kita akan batalkan di kawasan Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor kalau itu keadaan sebenarnya. Jadi saya tidak nampak bahawa itu adalah keadaan sebenar kerana laluan yang dipilih itu telah pun dikaji oleh SPAD itu sendiri iaitu laluan tidak melalui laluan komersial atau laluannya tidak ada bas perkhidmatan sekarang. Jadi kalau kita hendak sediakan bas perkhidmatan komersial kita bagikan tapi bila bas komersial pergi, dia tidak dapat mendatangkan keuntungan. Bila tak ada keuntungan maka tidak ada perkhidmatan, jadi Kerajaan Negeri Selangor kita menjaga kebajikan rakyat. Kita sediakan bas perkhidmatan Bas *Smart* Selangor ini. Saya tidak kira dia akan banyak menjejaskan pemandu teksi dan sekarang pemandu teksi yang dia bantah juga pada Uber, kepada *Grab Car* ya, itu yang atau *Grab* Teksi tidak sebenarnya secara rasmi belum ada lagi bantahan daripada pihak pemandu.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Bas *Smart* Selangor ini telah banyak beri kemudahan kepada rakyat Negeri Selangor, saya ingin tahu sama ada, ada tidak permintaan untuk berkongsi pengalaman Negeri Selangor daripada negeri lain untuk wujudkan bas percuma?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Tuan Speaker, pertamanya saya sebenarnya hendak maklumkan Dewan ini bahawa penduduk di kawasan Taman Medan itu yang banyak mendapat manfaat daripada *PJ City Bus* kerana ramai pelajar-pelajar daripada Taman Medan mengambil bas untuk ke sekolah. Jadi itu adalah antara laluan yang paling popular di seluruh Selangor. Yang keduanya, sebenarnya sudah ada rombongan lawatan daripada Korea yang lawat ke Majlis Perbandaran Subang Jaya sebanyak dua kali untuk melihat bagaimana kita melaksanakan dan dalam juga lawatan saya ke luar negara bila membincangkan pembangunan projek di Selangor, antara yang menarik perhatian dan kepujian adalah bas perkhidmatan percuma ini. Jadi kita tak usah war-warkan dah ada orang sudah datang ke sini. Jadi saya berharap ini dapat di war-warkan di kalangan rakyat kita. Kalau orang luar sudah tahu kalau rakyat kita tak tahu, maka itu menjadi tanggungjawab bersama kita untuk mewar-warkan kepada penduduk di Selangor ini.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : MENANGANI ISU BANJIR DI KAJANG

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah cadangan untuk menaiktarafkan sungai di sekitar Kajang seperti Sungai Langat, Sungai Merbau, Sungai Balak dan Sungai Jernih yang sering melimpah akibat hujan lebat?
- b) Apakah status pemantauan yang dilakukan terhadap projek MRT yang didapati sebagai antara punca banjir di Kajang?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.* Tuan Speaker dan terima kasih kepada Kajang yang bertanya berkenaan dengan cadangan untuk menaiktaraf beberapa sungai di

sekitar Kajang seperti Sungai Langat, Sungai Merbau, Sungai Balak dan Sungai Jernih yang dikhabarkan sering melimpah akibat hujan lebat. Berkaitan dengan Sungai Balak di sana ada cadangan untuk membina RTB Sungai Balak yang menggunakan Caruman Parit berjumlah RM5 juta dan dijangkakan akan diiklankan pada Ogos 2016 pada bulan ini, *insya-Allah*. Berkaitan dengan Sungai Langat di sana ada kerja-kerja menaiktaraf yang diperuntukkan RM1.6 juta, ini bajet *Federal* yang 2 sebut harga dalam pelaksanaan dan 3 sebut harga dalam proses penyediaan. Manakala bagi Sungai Jernih menaiktaraf digunakan peruntukan mengurus antaranya kerja-kerja awalan cuci gali Sungai Jernih telah dilaksanakan oleh JPS Daerah Hulu Langat pada awal Januari hingga Februari 2016. Dan kejadian banjir baru-baru ini disebabkan paras air Sungai Langat yang tinggi serta Projek Pembinaan Depot – MRT Kajang yang masih dalam pelaksanaan dan juga struktur tapak pembinaan Depot Kajang tinggi dari paras Sungai Jernih.

Maka untuk projek MRT ini ia dipantau bersama oleh MPKj, JPS dan juga JKR. Pemantauan bersama diadakan setiap bulan manakala laporan oleh pihak MRT dihantar setiap 2 minggu sekali kepada MPKj. Walau bagaimanapun, hasil daripada siasatan masih lagi kurang memuaskan khususnya dari sudut penyelenggaraan, *onside*, *detension* dan juga longkang-longkang tepi jalan *roadside drain* dan sebagainya. Dan mengikut keperluan *task force* tebatan banjir juga akan membuat sekiranya diperlukan dari masa ke semasa.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker, terima kasih EXCO yang menjawab. Ini adalah satu masalah yang berterusan dan saya kira selagi MRT belum siap memang itu akan menjadi masalah. Tetapi apakah ada kerjasama antara jabatan-jabatan JPS, JKR dan juga PBT kerana apabila kita pergi ini masalah PBT, ini masalah JPS dan itu menyebabkan penduduk-penduduk di situ merasa resah dan apabila saya mendapati bahawa Sungai Jernih penduduk kata sungai dah tak jernih lagi dah. Dulu kalau ada banjir memang ada ya, dari dulu ada masa MCA pernah masuk dalam TV3 banjir Kajang, masa itu tetapi masa itu airnya jernih. Sekarang ini apabila ada masalah air yang kotor naik dan berlumpur, apakah tindakan kepada MRT itu sendiri untuk pemantauan supaya mereka mengambil langkah-langkah sebelum banjir itu berlaku dan penyelenggaraan *maintenance* dengan izin dengan lebih baik lagi. Kalau boleh pihak EXCO, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Kajang, seperti mana yang saya sebutkan tadi sekarang ini kita ada pemantauan secara bersama oleh MPKj, JPS dan JKR. Begitu juga saya kira keterlibatan Adun Kajang itu sendiri dan sekiranya ada permasalahan dari sudut komunikasi atau pun mungkin kita boleh istilahkan sebagai menuding jari satu jabatan ke satu jabatan yang lain, boleh guna pakai platform *task force* tebatan banjir. Memang banyak projek-projek yang kita

telah pun panggil semua agensi termasuk Adun untuk dibincangkan secara bersama sekali yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Dan baru-baru ini pun untuk semua projek-projek yang telah selesai kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak perunding, juru ukur dan *consultant* dan sebagainya kita panggil Adun-adun untuk datang dan kita *share* persembahkan kepada Adun projek-projek yang akan dilaksanakan di peringkat kawasan masing-masing, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker soalan No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : BANTUAN SMART SELANGOR *FOOD STAMP*

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah program ini dapat membantu usaha pembasmian kemiskinan rakyat Selangor?
- b) Berapakah kos pengurusan berbanding kos sebenar bantuan keperluan asas yang diterima oleh penerima?
- c) Apakah rancangan jangka panjang kerajaan bagi program ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker Hulu Kelang bertanya tentang bantuan *Smart Selangor Food Stamp*. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin berkenaan kebajikan rakyat Selangor khususnya yang berpendapatan rendah dan menghadapi kos sara hidup yang tinggi. Dengan itu satu program baru iaitu *Smart Selangor Food Stamp* telah dilaksanakan. Ini adalah sejajar dengan hasrat YAB. Dato' Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2016. Program *Smart Selangor Food Stamp* telah dilancarkan pada 20 Mei 2016 dan ia dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Penerima bagi program *Food Stamp* ini adalah terdiri daripada 100 buah keluarga miskin daripada 56 Dun di seluruh Negeri Selangor di mana Kerajaan Negeri telah mendapatkan senarai nama-nama peserta program ini daripada Pejabat Pihak Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat. Kerajaan Negeri Selangor berhasrat dengan pelaksanaan program *Smart Selangor Food Stamp* ini dapat membantu keluarga miskin dan seluruh dari seluruh Negeri Selangor yang sangat memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup rakyat yang kian meningkat.

Pelaksanaan program ini juga dapat membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan kepada mereka dengan menerima bantuan makanan asas secara bulanan. Jadi maknanya pendapatan atau pun gaji mereka boleh disalurkan untuk memenuhi keperluan mereka atau pun keluarga dan keperluan yang lain. Kriteria penerima bantuan makanan asas ini ada empat. Iaitu rakyat Selangor, lahir di Selangor dan atau bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun, terbuka kepada semua kaum, berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dan pengundi di DUN tersebut. Barangan makanan asas yang diberikan adalah berupa beras 10kg, minyak masak 2 kilo, gula pasir 1 kilo, tepung gandum, bihun dan juga susu pekat manis 2 unit dan nilai barangan ini adalah bernilai RM50.00 ya, setiap set dan ia dibekalkan kepada 5,600 keluarga yang melibatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri sejumlah RM2,116,800.00 bagi tahun 2016. Manakala kos pengurusan sebanyak 8% berjumlah RM156,800.00 adalah bagi menampung kos logistik penghantaran dan juga pekerja yang bertugas.

Pihak HIJRAH juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan yang terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke pejabat pusat khidmat masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum hari *Food Stamp* yang telah ditetapkan pada hari Jumaat minggu ketiga setiap bulan. Untuk (c) Kerajaan Negeri Selangor berhasrat meneruskan projek *Smart Food Stamp* ini pada tahun-tahun akan datang dan ia tertakluk dengan keperluan semasa. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan kupon ataupun *voucher* berbanding dengan membekalkan beras secara langsung yang ada kalanya membebaskan penerima?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Kelang. Saya kira ia tidak membebaskan penerima tetapi membebaskan, mungkin Pusat Khidmat sebab ada lebih kerja-kerja tambahan. Sebenarnya, Kerajaan Negeri menyediakan kupon untuk program ini dan kita menetapkan barangan yang diberikan iaitu barangan makanan asas jadi bila kita membuat kajian barangan makanan asas yang diperlukan adalah sememangnya beras, gula, susu, tepung, minyak masak dan ini lah dalam nilai RM50.00. Jadi, saya kira apa yang kita buat diharap ia dapat memberikan, membantu kepada keluarga yang mendapat bantuan ini.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Puan Speaker, Soalan No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah status terkini rundingan bersama SPLASH?
 - b) Apakah faktor penyebab proses rundingan mengambil masa yang panjang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BERSAR: Terima kasih, Yang Berhormat Permatang. Yang Berhormat Permatang ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri berhubung status rundingan bersama SPLASH dan persoalan yang kedua ialah faktor penyebab proses rundingan ini yang didakwa oleh Yang Berhormat Permatang telah mengambil masa yang panjang. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini, rundingan bagi pengambilalihan SPLASH oleh AIR Selangor masih berjalan dan ia adalah bertepatan dengan tempoh yang telah ditetapkan di dalam perjanjian utama. Beberapa perkara sedang diteliti oleh kedua-dua pihak untuk memastikan terma-terma komersial bagi pengambilalihan oleh AIR Selangor ini tidak akan membebankan rakyat dan rundingan ini akan diteruskan dengan kerajaan persekutuan untuk melihat keupayaan Pengurusan Aset Air Berhad atau PAAB untuk membiayai pengambilalihan tersebut.

Bagi persoalan yang kedua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, perjanjian utama telah pun menggariskan bahawa Air Selangor diberi tempoh setahun daripada tarikh perjanjian utama dimuktamadkan iaitu sehingga Oktober 2016 untuk menyelesaikan pengambilalihan SPLASH terima kasih.

TUAN SPEAKER: Telok Datok, ya, Meru.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya, di bawah Peraturan Tetap 24 (2), saya ingin ambil soalan No. 6 dah tutup dah tu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : AJARAN SESAT *MILITAN ISLAMIC STATE (IS)*

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan Ahli *Islamic State* tidak sebarkan konsep jihad atas nama Agama Islam demi kestabilan ekonomi negeri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri setuju tindakan PDRM menggunakan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (pindaan dan pemeluasan) 2013 dalam tangkapan Ahli Miliran IS?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DAESH

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan dan strategi Kerajaan Negeri untuk berhadapan dengan penyebaran falsafah DAESH atau ISIS di negeri Selangor?

TUAN SPEAKER: Saya benarkan, silakan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Puan Speaker. Telok Datok bertanyakan berkaitan dengan ajaran sesat *Militan Islamic State* ataupun *IS* dan saya ingin menjawab soalan ini secara bersama dengan soalan daripada Bukit Gasing 145 yang berkaitan dengan DAESH. Isu ajaran sesat *Militan Islamic State* atau *IS* melibatkan keselamatan negara. Justeru tindakan menanganinya, penyebaran ideologi tersebut melibatkan penguatkuasaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Di peringkat negeri, bahagian Hal Ehwal Agama Islam mengambil pendekatan secara bersepadu yang melibatkan jabatan-jabatan yang berkaitan terutamanya Jabatan Agama Islam, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan kita mengambil prinsip pendekatan *amar ma'aruf nahi munkar* untuk menangani isu ajaran sesat *Militan Islamic State* ini. Dengan memperkukuhkan ajaran *Ahli Sunnah Wal Jemaah* dan juga membanteras pergerakan ajaran sesat itu.

Di peringkat Jabatan Mufti Negeri Selangor, langkah-langkah menangani penyebarannya telah dilaksanakan. Antaranya adalah mengeluarkan fatwa gerakan militan, dakwah *Al Dakwah Al Islamiya Fi Iraq Wal Al Sham (DAESH)* atau *Militan Islamic State In Iraq And SyamS (ISIS)* atau *Militan Islamic State (IS)* yang telah diwartakan pada 3 Februari 2016. Yang kedua, khutbah Jumaat berkenaan *IS* dan konsep jihad yang telah dibaca di setiap masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di seluruh negeri Selangor pada 27 November 2012 bertajuk **IS** pengganas

bertopengkan Islam. Ketiga, Program Bicara Fatwa Selangor dalam program ini, pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor akan menjelaskan fatwa-fatwa secara umum termasuklah juga fatwa berkaitan dengan *IS* di beberapa tempat ataupun sasaran termasuklah di masjid-masjid, sekolah-sekolah dan juga surau dan juga premis-premis yang lain. Yang keempat siaran di akhbar nasional Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, Utusan, Selangorkini dan sebagainya. Kelima, Program Turun Padang, Dialog Dakwah, Mesra Umat Bersama Jabatan Mufti Negeri Selangor, program ini dilaksanakan di masjid-masjid terpilih di negeri Selangor dan di dalam program oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor akan menjelaskan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan secara umum dengan mengadakan sesi dialog dan soal jawab berkaitan fatwa yang telah dijelaskan dan isu-isu yang berkaitan hukum syarak di lokasi-lokasi masjid sama ada melalui program-program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam melalui Program 3K ataupun yang dilakukan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor secara langsung. Beberapa masjid yang telah kita lakukan adalah Masjid Ijtimak Teluk Pulai, Masjid Al-Bakri Bukit Naga, Masjid As-Syakirin Dengkil, Masjid Ubudiyah Kerling, Masjid Rinching Hilir Semenyih, Masjid Ara Damansara Petaling, Masjid Bukit Antarabangsa, Bukit Antarabangsa. Dengan harapan apabila kita adakan program-program seperti ini maka rakyat akan melihat betapa pentingnya ataupun kerajaan mengambil berat tentang isu Militan yang berlaku di negara kita.

Radio, ataupun Selangor.fm, slot di Selangor.fm dua kali seminggu iaitu pada hari Khamis dan Jumaat bermula 6.15 petang hingga 6.45 petang. Dalam slot ini, pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor tentang fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan termasuklah fatwa dengan yang berkaitan dengan *IS*. Dan yang terakhir melalui laman *web* Jabatan Mufti Negeri Selangor. Ini Selangor secara, kita berpegang kepada prinsip keadilan melalui perbicaraan walau bagaimanapun, akta-akta yang kita ada, yang diluluskan di Parlimen sama ada POTA ataupun POCA kita akur dengan penggunaan akta tersebut ataupun yang lebih tepat dalam menangani isu tangkapan ahli militan *IS* ini saya kira POTA adalah akta yang kita boleh persetujui. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku, soalan seterusnya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bukan soalan tambahan maka, Puan Speaker, selamat pagi. Kampung Tunku, Soalan 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RIZAB KEWANGAN PBT

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rizab dan prestasi kewangan setiap PBT di Selangor pada tahun 2013, 2014 dan 2015?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Kampung Tunku. Secara keseluruhannya rizab tunai di semua PBT telah meningkat melebihi 100% perbandingan bagi tahun 2013 dan 2014 daripada RM626.28 juta kepada RM1,439 juta. Bagi data rizab tunai PBT tahun 2015, data masih lagi dalam semakan Jabatan Audit Negara. Butiran semua rizab PBT Negeri Selangor akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis nanti. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menyasarkan agar kutipan cukai taksiran semasa oleh PBT Selangor mencapai 90% manakala kutipan tunggakan cukai taksiran pula mencapai 70%, terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Adakah Kerajaan Negeri ada satu garis panduan supaya PBT tidak mengumpul terlalu banyak rizab supaya boleh membelanjakan cukai yang pintu kepada kebajikan rakyat.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Damansara Utama. Isu ini telah kita bincang dalam mesyuarat MMKN baru-baru ini dan pihak Kerajaan Negeri akan menggariskan satu garis panduan untuk semua PBT untuk bagaimana mereka boleh menggunakan rizab masing-masing dengan lebih berkesan. Sekian.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROJEK JAMBATAN KE 3 KLANG FASA 2

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah projek fasa ke-2 Jambatan ke-3 Klang bermula?
- b) Berapakah kos yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Selat Kelang berkaitan dengan projek Jambatan Ketiga Klang Fasa Kedua ini. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk berbincang dengan kerajaan persekutuan supaya untuk mengguna pakai peruntukan kerajaan persekutuan bagi membiayai kos projek Jambatan Ketiga Klang Untuk Fasa Yang Kedua. Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah bagi projek ini diteruskan dan dijangka selesai pada tahun 2017 dan kos pampasan akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor. Bagi RMK-11 kos yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM320 juta.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Saya bertanya yang disebutkan oleh EXCO tadi di mana pengambilan tanah ini akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri. Pembinaan Jambatan Ketiga oleh *Federal* jadi, soalan saya kepada Kerajaan Negeri adalah, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan satu solusi yang holistik yang mengambil kira isu-isu yang apabila terjadinya pengambilan tanah ini dan perobohan gerai-gerai yang sudah wujud ini akan memberikan, membuatkan perbincangan dengan semua *stakeholders*, dengan izin, supaya isu-isu gerai-gerai ini diambil kira dan ia juga mengambil kira keperluan akan datang oleh komuniti setempat khususnya gerai-gerai MPK, dua tempat yang akan dirobuhkan dan ditempatkan, tempat pengambilan tanah itu sebahagian daripada Jambatan Ketiga Klang. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Selat Klang. Saya pasti Kerajaan Negeri akan mengikuti segala prosedur-prosedur yang ditetapkan dan yang lebih dipentingkan adalah *engagement*, perbincangan dengan penduduk dengan Ahli Dewan Negeri, kawasan dan sudah pasti kita akan memastikan beberapa bangunan-bangunan yang bersifat umum seperti masjid, balai raya dan sebagainya akan dicadangkan di tempat-tempat yang strategik dan itu pun setelah dibincangkan dengan Adun kawasan dan juga pihak rakyat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan No. 9
Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah menerima sumbangan dan jumlah yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor dari 2008 sehingga kini.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Sumbangan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah satu bentuk program bantuan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha membantu NGO-NGO berdaftar di bawah *Registrar of Society* untuk terus melakukan aktiviti-aktiviti kebajikan dan membantu menaikkan nama negeri Selangor untuk terus dikenali sebagai negeri berkebakjian. Di bawah program ini, sumbangan akan diberikan kepada mana-mana NGO yang berdaftar di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengikut objektif program yang dirancang. Sumbangan yang diberikan adalah berbentuk cek dan jumlah sumbangan adalah ditentukan berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Sumbangan kepada badan bukan kerajaan yang diurusetiaikan oleh pihak Seksyen Sektoral. Bermula tahun 2014, hak maksimum bagi setiap permohonan NGO adalah sebanyak RM5,000.00. Bagi tempoh setahun bergantung pada objektif program yang dianjurkan bagi tujuan pengawalan, peruntukan sedia ada. Di bawah program ini kelulusan sesuatu permohonan adalah berdasarkan kelayakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan di persetujui Ahli Jawatankuasa. Untuk makluman Yang Berhormat Seri Andalas Program Pemberian Sumbangan kepada NGO mula diwujudkan pada tahun 2011 melalui awal penubuhan program ini Kerajaan Negeri telah membantu sebanyak 550 NGO dengan membelanjakan peruntukan berjumlah RM 1,689,990.00 berikutan adalah merupa saya juga sediakan jadual penerima secara individu kepada setiap NGO. Memandangkan 505 saya akan serahkan *list* itu kepada yang berhormat Seri Andalas.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, Soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO MOHD SAHMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PELUANG PEKERJAAN DI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pelabur-pelabur di Selangor pada tahun 2016.
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah peluang pekerjaan di Selangor?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 sebanyak 51 Projek Perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor. Daripada projek yang diluluskan ini sebanyak 2933 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam Sektor Pengindustrian. Bagi meningkatkan peluang pekerjaan Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri telah meningkatkan program promosi pelaburan bagi memperkenalkan peluang-peluang pelaburan di Selangor untuk menarik lebih ramai pelabur bagi melabur di Negeri Selangor. Antara Program Promosi Pelaburan yang dirancang dan di laksanakan adalah seperti berikut. Meningkatkan Program Promosi Pelaburan di dalam dan luar negara, Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI dan MIDA, Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara, Program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit, Program pertemuan dengan pihak Kedutaan dan Dewan-dewan Perniagaan Asing, Penyertaan dalam pameran-pameran yang berkaitan dalam dan luar negara, memantau kemajuan serta membantu mempercepatkan proses kelulusan, cadangan-cadangan projek pelaburan melalui mesyuarat penyelarasan projek yang dipengerusikan oleh EXCO, mengadakan mesyuarat IPMC atau *industrial park management committee* secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu-isu infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian melalui Mesyuarat IPMC yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan. Meningkatkan program engagement bersama *Stakeholder*, inisiatif *E - Commerce* bagi membantu usahawan tempatan bagi melebarkan pasaran *product* keluaran mereka, *Invest Selangor Talent Initiative* kerja sama strategik bersama institusi pendidikan, membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang di perlukan, *Invest Selangor Initiative* menjalinkan kerjasama strategik dengan penyelia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan pada pelabur.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker Soalan 11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: RIZAB KERAJAAN NEGERI

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rizab Kerajaan Negeri Selangor setakat ini?
- b) Bagaimanakah Rizab ini dikendalikan?
- c) Berapakah yang boleh ditunaikan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon izin daripada Yang terhormat Tuan Speaker untuk menjawab soalan daripada Yang terhormat Damansara Utama bersekali dengan Ahli-ahli Yang terhormat daripada Kajang, Taman Medan, Permatang, Batang Kali, Lembah Jaya dan Sekinchan kerana ke semuanya menyentuh perkara yang sama. Yang terhormat Sekinchan soalan 291, Yang terhormat Lembah Jaya soalan 195, Yang terhormat Kajang soalan 87, Yang terhormat Taman Medan soalan 168, Yang terhormat Permatang 182, dan Yang terhormat Batang Kali nombor 243. Saya juga ingin memohon izin Yang terhormat Puan Speaker oleh sebab ramai yang bertanya soalan yang sama mungkin saya memerlukan sedikit masa untuk memberikan penjelasan. Ahli-ahli yang terhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa Rizab Negeri terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 Jun 2016 dan 15 Julai 2016 adalah masing-masing berjumlah RM3.88 bilion dan RM3.95 bilion. Kumpulan Wang Disatukan yang berjumlah RM3,950 juta pada 15 Julai 2016 adalah terdiri daripada akaun hasil disatukan berjumlah RM2,598 juta dan akaun amanah disatukan berjumlah RM1,352 juta. Kedudukan Rizab Negeri bagi tahun 2010 sehingga 2015 adalah seperti berikut. Pada tahun 2010 Rizab Negeri mencatatkan RM1.6 bilion. RM6 bilion 2011, RM1.9 bilion, 2012, RM2.6 bilion, 2013, RM2.9 bilion, 2014 RM3.2 bilion, 2015 RM3.3 bilion. Bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2016 Rizab Negeri pada 15 Julai 2016 telah meningkat sebanyak 21.24% iaitu daripada 3.258 juta, RM3,258 juta pada 31 Disember 2015 kepada RM3,950 juta pada 15 Julai 2016. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebih akaun hasil di satukan sebanyak RM1,200,000 juta. Akaun semua urus niaga terima hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Hasil mengikut penjenisannya adalah seperti berikut. Hasil cukai contohnya cukai tanah dengan kutipan sebanyak RM427 juta iaitu 90.63% daripada anggaran hasil 2016 ini satu pencapaian yang cukup

memuaskan. Bagi hasil bukan cukai contohnya premium tanah dengan kutipan sebanyak 974.87 juta iaitu 90.4% daripada anggaran dari hasil tahun ini dan terimaan bukan hasil ianya termasuk pemberian Persekutuan. Manakala Perbelanjaan Mengurus 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM756.45 juta iaitu 52.53% dari belanjawan 2016. Kerajaan Negeri tidak dikecualikan daripada dikenakan cukai barang dan perkhidmatan atau GST, GST yang dikenakan adalah bagi perolehan kerja perkhidmatan perunding dan perkhidmatan bukan perunding. Impak pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor adalah di mana jumlah di GST telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi satu tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 berjumlah RM15,737,962.02 juta dan bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016 berjumlah RM10.2 juta. Selain daripada Akaun Hasil Disatukan komponen kumpulan wang disatukan termasuk Akaun Amanah Disatukan, Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran Wang Amanah mengikut kehendak Undang-Undang, Akta-Akta Amanah dan Surat Ceraian Amanah, Arahan Amanah dan Perjanjian Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Rizab Tunai Negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang memberi pulangan tetap ataupun *fixed income* di Bank-bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Peratusan pulangan hasil simpanan tunai tersebut setiap bulan adalah berdasarkan kadar faedah simpanan tetap dan pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh Bank-Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan mengikut tempoh dan jenis *Conventional* atau *Islamic* Pelaburan yang dibuat iaitu di antara 3.3% sehingga 4.5% setahun bagi tempoh sehingga Julai 2016. Jumlah keuntungan dan faedah yang di jana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek mulai 1 Januari 2016 sehingga 15 Julai 2016 adalah sebanyak RM49.98 juta. Jumlah keuntungan dan faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan STMMMD pada tahun 2015 adalah sebanyak 109.3 juta ringgit. Peningkatan jumlah rizab ataupun Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah disumbangkan oleh faktor-faktor berikut secara ringkas peningkatan hasil premium tanah, peningkatan tunai hasil hutan, peningkatan hasil caruman parit dan perwujudan jawatankuasa pengurusan tunai Kerajaan Negeri. Pelaksanaan operasi bersepadu mengutip hasil tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri, semua Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat sebagai satu pasukan ataupun Ops Kutip juga telah dilaksanakan dan sekali lagi saya tidak berhasrat untuk memperincikan langkah-langkah yang diambil dan kita boleh kemukakan secara bertulis Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa untuk memastikan terdapat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhempah dan langkah-langkah tambahan Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan telah pun mengeluarkan beberapa Pekeliling Perbendaharaan yang bertujuan untuk memastikan penggunaan dan perbelanjaan dibuat secara berhempah dan tidak berlaku ketirisan dalam penggunaan hasil negeri yang saya nyatakan tadi. Saya bercadang untuk kemukakan jawapan ini secara bertulis Yang Berhormat Tuan

Speaker kebenaran ia melibatkan dasar-dasar yang kita luluskan sendiri dalam dewan tetapi kita boleh kemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya mereka memerlukan perincian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Speaker, soalan nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK: SKIM TUNAS

12. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat kelewatan pembayaran kepada pengusaha-pengusaha tadika dan kenapakah perkara ini masih berlaku?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak Setia. Tuan Speaker proses kelulusan permohonan Skim TUNAS dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Rantaian Mesra Sdn. Bhd, RMSB dengan kerjasama Unit Pendidikan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pada masa ini proses tersebut perlu melalui beberapa peringkat di mana setiap permohonan oleh pengusaha tadika kepada RMSB akan diproses untuk kelulusan. Senarai pengusaha tadika yang telah diluluskan oleh RMSB akan dikemukakan kepada UPEN dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri Selangor untuk pertimbangan bayaran secara *direct grant* dengan izin. Peringkat akhir adalah pengeluaran cek bayaran oleh Unit Kewangan Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat SUK Negeri Selangor. Semua proses ini perlu melalui beberapa peringkat untuk memastikan agihan kelulusan dan bayaran Skim TUNAS dilaksanakan secara telus. Walau bagaimanapun RMSB bersama – sama Unit Pendidikan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sentiasa berusaha untuk memastikan kelancaran kelulusan permohonan dan agihan bayaran pada setiap pengusaha tadika supaya bantuan ini diberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Permohonan bagi mendapatkan Skim TUNAS untuk setiap tahun akan dibuka pada mulai 1 November dan akan di tutup pada awal tahun berikutnya. Walau bagaimanapun 2016 Skim TUNAS telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta menjadikan peruntukan keseluruhan sebanyak skim tunas 2016 sebanyak RM5 juta. Atas faktor tersebut tarikh tutup permohonan Skim TUNAS dilanjutkan sehingga 29 Mac 2016 yang menyebabkan sedikit kelewatan proses penilaian bagi tujuan kelulusan oleh RMSB.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO saya ingin mengetahui bagaimana dengan kelewatan yang dihadapi sekarang bulan 7, bulan 8 baru mereka terima untuk suku yang pertama. Ini satu kelewatan yang sangat ketara. Bagaimana kerajaan mengatasi supaya Ganjaran Skim TUNAS ini dapat cepat salur kepada ibu bapa mereka supaya betul-betul dapat meringankan bebanan. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Ya kita sedar perkara tersebut dan kita akan berbincang dengan semua pihak untuk mengatasi untuk mendapatkan cara terbaik bagi mengatasi masalah ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ini tentang kelewatan juga saya difahamkan mekanismenya adalah setiap satu suku baru disalurkan. Jadi, apakah kita akan sasarkan supaya dia lebih cepat setiap bulan *on time* kita bayar sebab ini adalah sebenarnya satu perbelanjaan bulanan jadi kalau kita longgokkan satu suku satu suku dia memang bebankan. Jadi adakah mekanisma yang baru yang dicadangkan adalah untuk sasaran kita bayar setiap bulan dan ada tak cadangan supaya sebenarnya proses ini boleh didelegasikan kepada RMSB untuk jalankan supaya ia lebih cepat? Sebab saya difahamkan kekangan itu berlaku disebabkan banyak kerja di kawasan Bahagian Kewangan. Itu yang sebenarnya lewatkan proses pembayaran semua itu.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Ya. Sememangnya buat masa ini ada kekangan di mana petugas yang terlibat di dalam memproses permohonan di RMSB adalah sebanyak tiga orang dan kakitangan yang terlibat dalam proses pembayaran adalah sebanyak seorang. Jadi, kita sedar tentang perkara ini dan kita tengah melihat bagaimana kita kalau boleh dapat membayar di peringkat awal bukan tunggu hujung tiga bulan tersebut tetapi di peringkat awal tiga bulan tersebut supaya dapat melancarkan proses pembayaran kepada pihak tadika.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SELENGGARA KEMUDAHAN BERSAMA PANGSAPURI KOS RENDAH

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membiayai kos selenggara kemudahan awam di pangsapuri kos rendah?
- b) Nyatakan prosedur dan syarat-syarat bagi mendapat bantuan penyelenggaraan tersebut.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Taman Medan. Taman Medan bertanya tentang kos selenggara kemudahan awam di pangsapuri kos rendah. Ingin saya menegaskan di sini dan saya mengandaikan bahawa soalan ini adalah tentang keputusan Kerajaan Negeri untuk membaik pulih jalan-jalan di dalam pangsapuri kos rendah menggunakan peruntukan MARRIS secara tidak langsung. Ingin saya tekankan di sini atau tegas atau menyatakan di sini bahawa untuk fasa pertama pada bulan Januari hingga bulan Jun 2016, keseluruhannya 34 kawasan di 10 PBT telah dipilih untuk dibaik pulih. Keseluruhannya melibatkan sebanyak RM10,684,801.00. Pecahannya adalah MBSA (3 kawasan), MBPJ (3 kawasan), MPK (2 kawasan), MPSJ (9 kawasan), MPAJ (4 kawasan), MPS (4 kawasan), MPKj (3 kawasan), MPSP (2 kawasan), MDKL (1 kawasan) dan MPHS (3 kawasan). Pemilihan dibuat adalah berdasarkan rundingan antara pihak PBT dan juga pihak Perbendaharaan bersama juga Lembaga Perumahan yang turun ke tapak untuk melihat kesesuaian cadangan-cadangan daripada pihak PBT. Fasa kedua akan dilaksanakan daripada bulan Julai hingga bulan Disember tahun ini.

Untuk soalan yang kedua tentang bantuan atau syarat-syarat mendapat bantuan penyelenggaraan ianya tertakluk kepada kawasan yang kritikal iaitu berdasarkan kepada kawasan. Dia ada dua perkara iaitu yang mana menjadi ancaman kepada nyawa. Yang ini kita dahulukan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Kerajaan Negeri memang sudah apa tu, meluluskan ataupun bersetuju untuk membantu selenggara di kawasan pangsapuri kos rendah. Hanya bilangan pangsapuri kos rendah ni begitu banyak dan sangat-sangat memerlukan perkhidmatan penyelenggaraan yang pada

kadar yang segera. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi hanya RM10 juta lebih yang dibelanjakan ataupun diperuntukkan untuk menyelenggara kawasan ini sudah, saya nampak itu jumlah yang sangat kecil berbanding bilangan pangsapuri yang memerlukan perkhidmatan penyelenggaraan ini. Dan saya juga mohon syarat-syarat pemilihan tersebut dimaklumkan kepada pihak Ahli Dewan Undangan Negeri supaya syarat-syarat flat yang memenuhi syarat saja dikemukakan ya, yang itu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita ada penambahbaikan adalah untuk pemilihan ataupun lawatan tapak dilakukan bersama Ahli Dewan Negeri pada fasa yang selanjutnya iaitu yang daripada bulan Julai hingga bulan Disember di mana kita akan minta maklum balas supaya Ahli Dewan Negeri datang bersama. Sepertimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa kita hendak menggunakan duit MARRIS secara tidak langsung untuk membaik pulih jalan-jalan atau tersebut dan sebenarnya apa yang kita lakukan adalah Kerajaan Negeri atau PBT akan membaik pulih kemudahan-kemudahan pangsapuri-pangsapuri tersebut, jalan-jalan di pangsapuri-pangsapuri tersebut berdasarkan wang yang ada di PBT. Jadi, PBT akan guna duit mereka yang sepatutnya digunakan untuk membaik pulih jalan-jalan di luar pangsapuri yang boleh digunakan peruntukan MARRIS. Jadi peruntukan itu digunakan untuk membaik pulih di dalam kawasan-kawasan pangsapuri kos rendah. Dan kemudian apabila ianya telah digunakan Kerajaan Negeri akan *reimburse* balik menggunakan MARRIS kepada pihak PBT. Jadi, bermakna kekangannya adalah kita hanya membaik pulih ataupun jumlahnya adalah bergantung kepada jumlah yang ada kepada PBT. PBT telah luluskan berapa? Jadi kita guna kelulusan, kita guna bajet itu dan kemudian dia nya akan di *reimburse* di pihak Kerajaan Negeri. Kecuali kita ada satu peruntukan yang khusus iaitu untuk membaik pulih jalan-jalan. Kalau yang ada kita guna bawah program CERIA. Yang CERIA memang ada di mana kita gunakan untuk membaik pulih di jalan-jalan di pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah. Itu peruntukan khusus. Tapi yang persoalannya, yang ini adalah daripada MARRIS yang dipertikaikan ataupun yang diminta oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya kita gunakan MARRIS, duit MARRIS untuk kita baik pulih dalam kawasan rumah pangsapuri kos rendah. Jadi, bermakna inilah caranya kita kena pusing beberapa kali.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO pun dah jadi macam panjang lebar. Jadi, itu belum proses sebenarnya. Maknanya terlalu panjang prosesnya jadi kita lihat baik pulih tu tak berlaku hanya baru kita sudah lulus akhir tahun lepas tapi yang baru mula kerjanya adalah bulan separuh tahun. Jadi, saya nampak ini proses yang terlalu panjang. Mungkin memandangkan rizab Kerajaan Negeri juga sudah meningkat mungkin boleh difikirkan bagaimana ia boleh disalurkan sebab kalau peruntukan MARRIS itu saya melihat prosedurnya begitu mengelirukan dan juga terlampau panjang. Jadi, mungkin EXCO boleh cadangkan cara lain.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kalau kita nak buat begitu kita kena ada peruntukan lain. Persoalannya baru ini yang dibincangkan yang dibangkitkan sebelum ni, macam mana kita nak guna MARRIS, duit MARRIS di pangsapuri kos rendah. Jadi, inilah caranya sebab kita memang tak boleh guna untuk sebab dia dalam kawasan JMB. Tapi kita ada cara macam mana nak guna dan inilah yang kita dapat. Memanglah benda tu panjang sebab kita nak guna duit MARRIS di dalam pangsapuri kos rendah. Tapi apa yang dicadangkan perlu ada satu peruntukan baru ataupun untuk bajet akan datang, ni belanjawan akan datang iaitu khusus daripada Kerajaan Negeri untuk baik pulih....

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya mencadangkan ditambah peruntukan ceria tersebut.

TUAN SPEAKER: Taman Medan, soalan perlu dikemukakan bukan cadangan kepada EXCO ya. Baiklah, Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : IMPAK *BREXIT*

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sejauh manakah impak *Brexit* terhadap perkembangan ekonomi negeri?
- b) Apakah mekanisme untuk mengekal tahap ekonomi negeri jika berlaku sebarang ketidakpastian ekonomi global seperti *Brexit*?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Speaker, secara dasarnya *Brexit* tidak membawa impak negatif yang besar ke atas pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor kerana impak *Brexit* lebih tertumpu pada UK dan negara-negara Eropah. Aktiviti perdagangan Malaysia lebih tertumpu pada kepelbagaian eksport ke Negara China, India dan Timur Tengah. Oleh itu, impak negatif *Brexit* kepada ekonomi Malaysia dan Selangor khususnya adalah minimum.

Berdasarkan statistik kelulusan projek-projek perkilangan di Selangor daripada tahun 1987 hingga Mac 2016, pelabur-pelabur utama yang melabur di Negeri Selangor adalah para pelabur daripada Jepun (RM24.235 bilion), Amerika Syarikat (RM14.676 bilion), Singapura (RM10.666 bilion), Jerman (RM5.695 bilion), Taiwan (RM4.027

bilion) dan Korea (RM3.735 bilion). Manakala pelabur daripada United Kingdom berada di tangga ketujuh sebagai pelabur utama di Negeri Selangor dengan pelaburan bernilai RM2.356 bilion).

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mengkaji sama ada *Brexit* akan membawa impak yang positif kepada Negeri Selangor kerana United Kingdom akan mencari ruang dan peluang pelaburan di luar Eropah selepas *Brexit*. Bagi mengekalkan tahap ekonomi dan mengekalkan sektor perindustrian dan perkhidmatan sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK Negeri, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan seperti berikut :-

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudah cara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukan MARRIS bagi menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh Y.B. EXCO.
- ix. Inisiatif *e-commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.

- x. *Invest Selangor Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xi. *Invest Selangor Advisory Network* – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur yang memerlukan.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Apakah Kerajaan Negeri ada membuat persediaan awal sekurang-kurangnya untuk *maintain* ataupun untuk mengekalkan hubungan dagangan dengan Britain ini? Adakah rundingan-rundingan awal ataupun barangkali menyemak terma-terma dagangan yang kita ada dengan pihak Britain?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Ya, Tuan Speaker. Sebenarnya pihak United Kingdom sedang sibuk untuk menyelesaikan masalah bagaimana mengeluarkan diri daripada *Brexit*. Mereka tidak ada masa untuk berbincang perkara seperti ini. Saya rasa....

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Maksud saya pedagang-pedagang kita yang ada di sini, kita tidak mahu kehilangan mereka juga. Jadi, barangkali pendekatan yang diambil oleh Britain akan menyebabkan kita punya suasana sini berubah. Jadi, ada kita mengenal pasti mereka ni siapa dan adakah rundingan-rundingan yang awal telah kita mulakan dengan mereka ni untuk mengekalkan hubungan dagangan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker. Perdagangan antarabangsa ini dia bukan soal seperti menjual kacang putih. Dia kena mengambil masa kerana mereka memerlukan masa untuk menilai keadaan dan pihak Kerajaan Negeri juga perlu mengambil masa untuk mengkaji sebab itu saya menjawab tadi kita mengkaji keadaan perkembangannya sekarang. Sebenarnya *Brexit* ini belum kita nampak impak yang negatif. Yang kita nampak...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Minta maaf Tuan Speaker, saya nak mencelah sedikit.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Belum lagi...

TUAN SPEAKER: Batang Kali

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Belum habis saya jawab...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya, sebab saya...

TUAN SPEAKER: Batang Kali, boleh tanya...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tak berapa puas hati mengatakan kita punya seolah-olah....

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Nanti lah...Tunggulah saya jawab habis..

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mengambil ringan ni. Sedangkan China dengan Amerika yang *super power house of economy* bimbang, takkan Selangor tak bimbang.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Batang Kali. 11.30 tak boleh keluarkan soalan baru. Sungai Panjang, Sungai Pinang maaf. Tolong habiskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker, sebenarnya seperti yang saya katakan Kerajaan Negeri sedang mengkaji dia perlukan masa dan Kerajaan Persekutuan juga sedang mengkaji juga. Bukan kita sahaja dan susulan itu usaha-usaha sedang dijalankan. Termasuk saya dimaklumkan satu misi pelaburan akan dianjurkan oleh pihak Kerajaan Pusat ke United Kingdom pada akhir tahun ini dan Selangor sudah menyatakan kesediaan untuk turut serta bersama. Jadi usaha sedang dijalankan, jangan bimbang. Sebenarnya Tuan Speaker, impak negatif defisit belum nampak lagi tapi impak daripada 1MDB itu memang jelas nampak.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Itu.....itu jawapan-jawapan nakal itu. Tuan Speaker, soalan jahat itu, berniat jahat itu, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, tolong duduk. Sungai Pinang, habiskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya beri fakta, yang kita nampak sekarang ni menggegarkan atau menggoncangkan keyakinan pelabur ke Malaysia termasuk ke Selangor ini adalah isu 1MDB bukan isu prinsip ini. Sebenarnya saya minta juga bantuan daripada Yang Berhormat Batang Kali, petang ini apabila Yang Berhormat hadir ke taklimat tertutup 1MDB di Negeri Sembilan di Hotel Royal, tolong bangkitkan. Selesaikan masalah 1MDB dahulu.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.32 pagi. Dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Ucapan Pujian oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

V. UCAPAN PUJIAN OLEH Y.A.B. DATO MENTERI BESAR

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada 31 Julai 2016 tepat jam 9.34 malam di Stadium Sarawak, Kuching, Selangor telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Sukan Malaysia (SUKMA) ke – 18. Selangor meraih 59 pingat emas, 73 perak, 63 gangsa menjadikan jumlah keseluruhan 195 pingat. Pasukan renang Selangor telah memonopoli acara renang di SUKMA kali ini dan merupakan penyumbang pingat terbanyak buat kontinjen Selangor dengan meraih 20 pingat emas, 15 perak dan 9 gangsa. Inilah Selangor, bumi yang sarat dengan bakat. Saya dan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda Dan Sukan bersama puluhan ribu rakyat Malaysia yang memenuhi Stadium Sarawak menyaksikan wajah-wajah riang atlet Selangor menjulang piala SUKMA. Nyata slogan “Tekad Juara” berjaya menggilap semangat kesukanan dan iltizam para atlet, jurulatih dan pegawai sukan untuk melakar kejayaan sekali gus memartabatkan nama Selangor di persada sukan negara. Maka pada hari pertama Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Ke-13 pagi ini, Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada atlet negeri Selangor yang telah berjaya membawa balik piala SUKMA negeri Selangor.

Syabas dan tahniah kepada Dato' Mohd Yasin bin Mohd Salleh, *Chef De Mission* atau pun Ketua Kontigen dan Kontigen SUKMA negeri Selangor di atas kejuaraan ini. Kerajaan Negeri amat menghargai kegigihan setiap atlet, jurulatih, pegawai sukan dan warga Majlis Sukan Negeri Selangor yang diketuai oleh Haji Mohd Zubir bin Haji Idrus menjulang panji-panji negeri Selangor dengan penuh semangat kesukanan di bumi Kenyalang.

Saya juga ingin menyampaikan titah ucapan tahniah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj untuk atlet-atlet negeri Selangor yang telah berjaya mengharumkan nama negeri Selangor dalam sukan negara. Kerajaan Negeri menjunjung kasih ke atas Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj yang telah berkenan berangkat ke Sarawak selama tiga (3) hari untuk memberi sokongan kepada para atlet dan pegawai sukan negeri Selangor. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor ke perkampungan sukan kontigen Selangor di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan berangkat menyaksikan tujuh (7) acara sukan telah merangsang semangat kesukanan para atlet dan pegawai sukan untuk mara ke hadapan dan mencipta kejayaan.

Saya juga amat tersentuh dan gembira apabila Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri turun ke Sarawak untuk menyuntik semangat para atlet ketika mereka memerlukan sokongan moral untuk menghadapi cabaran SUKMA. Inilah Selangor yang muafakat. Muafakat membawa berkat. Sebagai sebuah kerajaan yang peduli, kejayaan kontigen SUKMA 2016, Negeri Selangor wajar mendapat pengiktirafan dari Kerajaan Negeri. Untuk maksud ini, sukacita saya mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk meningkatkan pembayaran insentif kemenangan SUKMA ke-18 bagi kontigen negeri Selangor daripada RM958,000.00 kepada RM1.1 juta. Insentif tambahan ini akan memberi pengiktirafan kepada pemenang pingat emas individu bernilai RM5,000.00 seorang dan pemenang pingat emas berpasukan akan menerima insentif kemenangan sebanyak RM2,000.00 sehingga RM3,000.00 setiap orang.

Kerajaan Negeri akan meraikan kontigen SUKMA negeri Selangor di Majlis Sambutan Aidilfitri bersama warga perkhidmatan awam negeri Selangor pada hari Rabu, 3 Ogos 2016 di Dataran SUK.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kejayaan ini adalah hasil daripada perancangan yang strategik, latihan yang bersepadu, tenaga jurulatih yang mahir, kerjasama yang baik dengan persatuan-persatuan sukan dan pegawai-pegawai sukan yang mempunyai visi untuk memartabatkan sukan. Kerajaan Negeri Selangor juga memberi perhatian terhadap usaha untuk menaik taraf kemudahan sukan yang dilengkapi dengan kemudahan yang selesa dan berteknologi tinggi yang dapat mewujudkan aktiviti-aktiviti sukan yang bertaraf antarabangsa.

Kejayaan ini juga membuktikan wujudnya *renaissance* atau kebangkitan semula sukan di Negeri Selangor. Negeri ini bukan sahaja maju dari segi ekonomi tetapi juga maju dalam arena kesukanan. Negeri Selangor bertekad untuk memacu kegiatan ekonomi secara holistik selain perspektif ekonomi yang berasaskan pengeluaran produk, Kerajaan Negeri juga mahu memperdaya perspektif ekonomi lain khususnya *soft sector* seperti kegiatan sukan yang turut mencipta peluang pekerjaan dan pulangan ekonomi. Majlis Sukan Negeri Selangor telah merangka satu plan pembangunan sukan lima (5) tahun bagi tempoh 2016 hingga 2020 sejajar dengan gagasan *Smart* Selangor. Sektor sukan akan dibangunkan untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri yang sihat dan berjiwa sukan. Pada masa yang sama, sukan akan dipertingkatkan pembangunannya bagi merangsang industri *sport tourism* sekali gus menjadi destinasi pelancongan untuk peminat sukan.

Tuan Speaker, kejayaan menjuarai SUKMA 2016 dan sebelum ini Piala Malaysia telah menggilap semangat kesukanan Negeri Selangor. Kita mengucapkan tahniah kepada semua atlet Negeri Selangor. Kita akan menggembleng segala potensi

kesukanan di kalangan generasi muda dan rakyat Negeri Selangor untuk mencipta sejarah baru dalam arena kesukanan di masa akan datang. Tuan Speaker, saya merakamkan kenyataan ini dalam Dewan yang mulia ini sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri Selangor atas kejayaan kontigen SUKMA Negeri Selangor. Terima kasih.

VI. USUL

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Usul nombor 7 tahun 2016. Usul penggantian Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya menurut Peraturan 69 (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Puan Lee Kee Hiong, Ahli Dewan Negeri kawasan Kuala Kubu Baharu dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Loh Chee Heng, Ahli Dewan Negeri kawasan Telok Datok di dalam Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 69 (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Puan Lee Kee Hiong, Ahli Dewan Negeri kawasan Kuala Kubu Baharu dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Loh Chee Heng, Ahli Dewan Negeri kawasan Telok Datok di dalam Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila tak TIDAK. YA. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul nombor 8 tahun 2016. Usul cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon untuk membawa satu usul seperti berikut :-

“Bahawasanya menurut perenggan 4, Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di kertas mesyuarat bilangan 18 tahun 2016.”

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Menurut perenggan 4, Peraturan Tetap 69, usul ini tidak perlu dibahaskan lagi dan dikemukakan masalah ini kepada mesyuarat untuk keputusan sehingga Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata berhubung cadangan pindaan tersebut kepada Dewan. Oleh itu, usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan untuk dikaji dan dibincangkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“bahawasanya menurut perenggan 4, Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor, membuat ketetapan meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di kertas mesyuarat bilangan 18 tahun 2016.”

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila tak TIDAK. YA. Usul ini dipersetujui.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima pemberitahu usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing pada pagi ini mengenai usul penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pengurusan sumber air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Kuantiti, Status Terkini Projek-Projek Loji Rawatan Air Labuhan Dagang, Loji Rawatan Air Semenyih 2 Dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air. Oleh sebab urusan kerajaan telah selesai, saya menggunakan kuasa Speaker di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 76 (5) bagi membolehkan usul ini menerima penyata dibahaskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila tak TIDAK. YA. Usul ini dipersetujui. Setiausaha Dewan sila teruskan aturan urusan mesyuarat.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul nombor 9 tahun 2016. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada semua atlet dan pegawai yang terlibat dalam kejayaan SUKMA dan semoga Kerajaan Negeri Selangor terus akan membantu atlet-atlet ini supaya mencapai kejayaan yang lebih tinggi di masa akan datang.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pemilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor* (JPK-SAS) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung “Kuantiti: Status Terkini Projek-Projek Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Loji Rawatan Air Semenyih 2, dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air” yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 19 Tahun 2016”.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, JPK-SAS telah membentangkan penyata ini sebagai satu penyata berkala berkenaan status kuantiti air dan ini bukanlah kali pertama dan Jawatankuasa ini akan sentiasa meneliti status bekalan air di Negeri Selangor. Antara projek-projek utama yang dikaji dalam penyata ini adalah tiga iaitu Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air dan saya rasa maklumat di dalam Penyata ini boleh dibaca oleh Yang Berhormat -Yang Berhormat sekalian untuk mendapatkan maklumat butiran terkini cuma saya ingin menarik perhatian kepada Perkara 6.2 di muka surat 5 di mana JPK-SAS mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah merancang keperluan pengguna air sehingga tahun 2030 dan menerima baik perhatian kepada perancangan masa hadapan jadi saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana memang mengambil perhatian yang serius dan di Perkara 6.3 kami juga mengambil maklum status-status projek yang akan disiapkan dan juga graf permintaan air di Negeri Selangor dan kita lihat jika berjalan mengikut jadual bekalan air di Negeri Selangor tidak akan terputus dan tidak perlu ada catuan air. Namun demikian terdapat beberapa *point* di dalam Jadual ini di mana kita lihat bekalan air itu akan kritikal di mana rizab margin kita masih rendah. Oleh itu jawatankuasa kita hanya membekalkan satu saranan iaitu supaya Kerajaan Negeri Selangor meluluskan peruntukan yang mencukupi di dalam Bajet 2017 supaya usaha-usaha agresif penukaran paip-paip dan pengurangan NRW serta apa-apa langkah yang boleh meningkatkan bekalan air terawat di Negeri Selangor dalam masa terdekat. Perkara ini harus diberi perhatian dengan sangat serius oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan krisis kekurangan air terawat. Kita maklum baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah melancarkan projek menggantikan paip air di mana 12 *hotspot* daripada 80 *hotspot* kawasan paip air pecah yang akan digantikan dengan projek tahun ini. Kami ambil maklum bahawa terdapat 72 lagi *hotspot* di mana terdapat lebih kurang 422 kilometer paip air yang perlu digantikan supaya kita dapat menghapuskan *hotspot-hotspot* paip air yang pecah jadi Jawatankuasa berharap perkara ini diberi perhatian yang serius dan memandangkan Kerajaan Negeri telah berjaya meningkatkan rizab kewangan seperti yang diumumkan tadi di dalam sesi soal jawab mungkin kita boleh mengingatkan

kapasiti Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd supaya keseluruhan 80 *hotspot* ini boleh ditangani pada penghujung tahun hadapan dan bukan dalam masa 3 tahun seperti dalam perancangan, jadi perkara ini saya jangka akan memberi satu manfaat yang baik kepada semua penduduk di Negeri Selangor dan sangat penting supaya tidak ada pembaziran air terawat yang sangat berharga kepada semua penduduk demi menjaga kesejahteraan kehidupan kami. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Bukit Gasing. Ada Yang Berhormat menyokong?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Permatang menyokong. Yang Berhormat sekalian, usul telah disokong, saya buka untuk perbahasan. Ahli Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor*) (JPK-SAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Kuantiti : Status Terkini Projek-Projek Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2016”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya.. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila katakan Tidak. Usul Ini Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 10 Tahun 2016, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Balakong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebahagian daripada Rizab Negeri untuk tujuan menambah baik tahap kebersihan, menaiktaraf kemudahan komuniti setempat dan meningkatkan sistem keselamatan demi menjamin kesejahteraan penduduk Negeri Selangor”.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, barisan EXCO dan juga

kakitangan Kerajaan Negeri yang telah berusaha dan berjaya meningkatkan wang rizab Kerajaan Negeri Selangor sehingga mencecah jumlah 4 bilion ringgit. Ini jelas menunjukkan bahawa pentadbiran yang telus tanpa penyelewengan dan tanpa rasuah betapa penting bagi sesebuah kerajaan. Peningkatan rizab ini memang mengagumkan keseluruhan rakyat Selangor terutamanya Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang menyokong Kerajaan Negeri. Peningkatan Rizab Negeri dari RM1.4 bilion pada penghujung tahun 2008, RM1.5 bilion pada tahun 2010, RM1.9 bilion pada tahun 2011, RM2.6 bilion pada tahun 2012, RM2.9 bilion pada tahun 2013, RM3.0 bilion pada tahun 2014 dan RM3.0 bilion pada tahun 2015 sehingga RM4 bilion ringgit pada masa kini memang satu pencapaian yang sukar dicabar oleh negeri-negeri yang lain di dalam negara kita yang di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Balakong ingin membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya mengeluarkan wang dan membelanjakan sebahagian wang daripada rizab Kerajaan Negeri bagi tujuan menambah baik tahap kebersihan dan menaiktaraf kemudahan komuniti setempat dan meningkatkan sistem keselamatan demi kesejahteraan penduduk Negeri Selangor. Saya berasa bahawa warga-warga Selangor wajib diberikan ganjaran yang lebih baik selain daripada apa yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri melalui Program MES dan pelbagai lagi. Ini kerana mereka telah membuat satu keputusan yang wajar dan bijaksana pada PRU 12 dan PRU 13 kerana telah mengundi Pakatan Harapan untuk memimpin Negeri Selangor. Warga Selangor patutnya diberikan satu persekitaran pemastautin yang jauh lebih baik berbanding dengan keadaan sekarang dan juga negeri-negeri lain. Sebagai seorang wakil rakyat kita sering menerima pelbagai aduan daripada pengundi kawasan masing-masing dan melalui inilah kita semua faham bahawa perkhidmatan Kerajaan Tempatan boleh ditambah baik lagi. Saya memetik MPKj sebagai contoh, dengan pelantikan YDP yang baru, saya jelas nampak perbezaan di sekitar kawasan Pentadbiran MPKj. Ada nampak penambahbaikan dalam perkhidmatan-perkhidmatan MPKj. Banyak isu yang sebelum ini tidak dapat diselesaikan, telah pun diselesaikan. Walau bagaimanapun masih ada banyak lagi masalah-masalah yang perlu ditangani tetapi dengan kekangan kewangan yang dihadapi ia tidak dapat diselesaikan. Ini bukan saja masalah pada MPKj malah di PBT yang lain lagi. Isu tempatan merupakan isu yang dihadapi oleh semua penduduk. Kebersihan, pemandangan dan keselamatan adalah satu-satunya isu yang terdekat kepada orang awam. Sejak tahun 2015, 12 PBT yang di dalam negeri ini telah pun membelanjakan RM463 juta dalam pembersihan dan kutipan sampah. Ini merupakan satu jumlah yang sangat besar, RM59 juta yang dibelanjakan oleh MPKj pada tahun 2015 merupakan 30% daripada bajet tahunan MPKj. MPSJ pula sebagai PBT yang memperuntukkan jumlah wang yang paling tinggi di antara 12 PBT dalam Negeri Selangor telah membelanjakan RM76 juta dan diikuti oleh MBSA RM37 juta untuk menyelesaikan masalah pembersihan dan kutipan sampah. Adakah masalah kebersihan ditangani dengan berkesan walaupun jumlah yang begitu besar telah dibelanjakan. Perbelanjaan bagi pembersihan dan kutipan sampah yang menelan 1/3 daripada jumlah bajet tahunan PBT telah menyebabkan beberapa PBT tidak mampu memperuntukkan dana untuk pembangunan. Berikutan kekurangan

peruntukan untuk pembangunan beberapa PBT tidak dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk menjamin keselesaan dan mempertingkatkan sistem keselamatan di kawasan pentadbiran. Izinkan saya membaca peruntukan pembangunan landskap dan juga pembangunan lampu jalan untuk beberapa PBT untuk tahun 2015. Jumlah yang telah diperuntukkan untuk pembangunan landskap oleh 12 PBT adalah RM38 juta. Antaranya: MBSA – RM12 juta, MBPJ RM6.8 juta, MPAJ RM2.3 juta, MPK – RM570,000, MPSJ – RM7.6 juta, MPKj – RM900,000, MPS – RM1,8 juta, MPSp – RM1.2 juta, MDKL – 321,000, MDHS RM1.3 juta, MDKS – RM208,00 dan MDSB – RM2.3 juta dan untuk pembangunan lampu jalan keseluruhannya yang dibelanjakan oleh ke semua PBT di dalam Negeri Selangor hanya RM21 juta. Yang Berhormat sekalian, saya berterima kasih kepada EXCO Kerajaan Tempatan iaitu Yang Berhormat Seri Kembangan kerana telah memberi jumlah peruntukan sebanyak RM957,000 untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan di dalam DUN pada tahun 2015 dan RM4.16 juta ringgit bagi tahun ini untuk pemasangan 2,082 lampu jalan jenis LED. Walau bagaimanapun pembangunan ini adalah sangat perlahan dan ia tidak dapat membantu dengan berkesan. Sila bayangkan berapa tahun yang kita perlu untuk menukar semua ataupun menaiktaraf semua lampu-lampu jalan ke jenis LED yang jauh lebih menjimat bekalan elektrik dan juga terang dalam satu kawasan DUN jika hanya 50 biji lampu LED diperuntukkan setiap tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk ke semua PBT untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dari sekarang. Kita harus menggunakan kelebihan Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu suatu kerajaan yang mampu menjana pendapatan dan rizab yang tinggi untuk memperbaiki kekurangan-kekurangan di peringkat PBT. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberi geran khas kepada semua PBT mengikut kawasan DUN contohnya Balakong ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberi geran sebanyak RM1,000,000 kepada setiap DUN untuk lampu jalan. ADUN kawasan boleh berbincang dengan pegawai PBT masing-masing untuk menentukan lokasi pemasangan lampu LED berkenaan. Selain itu Balakong juga mencadangkan supaya RM1,000,000 peruntukan untuk pembangunan landskap di dalam DUN masing-masing, di mana ADUN menentukan jenis projek yang akan dilaksanakan. Contohnya ADUN kawasan boleh memutuskan untuk membina gelanggang futsal, pembangunan tapak permainan ataupun menanam pokok dan sebagainya. Kerajaan Negeri juga diseru untuk memperuntukkan wang untuk pembinaan satu Dewan Orang Ramai ataupun Pasar Awam yang kosnya boleh dianggarkan RM2,000,000 untuk setiap DUN. Dengan cadangan ini Kerajaan Negeri hanya membelanjakan lebih RM224 juta sahaja dengan cadangan Balakong tadi dan itu hanya 5.6% daripada rizab RM4 bilion.

Ini berkemungkinan besar belum boleh menyentuh lagi wang rizab yang kita ada kerana sekiranya kita membuat perbandingan wang rizab yang ada pada penghujung tahun 2015 sehingga kini, jelas nampak peningkatan lebih kurang RM800 juta. Kalau bandingkan dengan itu mungkin membelanjakan apa yang saya

cadangkan kita belum boleh sentuh lagi rizab kita. Itulah kelebihan Kerajaan Negeri Selangor untuk kebersihan pula, saya mencadangkan Kerajaan Negeri memberi tong sampah secara percuma kepada semua rumah kediaman dan kawasan komersial. Ini adalah untuk memupuk budaya yang positif antara penduduk. Balakong menyedari bahawa banyak rumah kediaman tidak menyediakan tong sampah dan mereka mengamalkan satu budaya yang kurang sihat iaitu suka menggantung sampah-sampah mereka di atas pokok atau pun tiang lampu di hadapan rumah masing-masing. Tuan Speaker, Balakong ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya melancarkan Bas *Smart* Selangor di 12 PBT di dalam negeri. Ini merupakan satu inisiatif yang sangat baik kerana ia meringankan beban kewangan anak-anak Selangor yang menggunakan perkhidmatan bas. Walau bagaimanapun, di samping meringankan beban kewangan pengguna bas ini, terdapat beberapa PBT yang status kewangannya bukanlah kuat sangat, sedang bimbang dengan beban kewangan yang bakal ditanggung sekiranya pihak kerajaan tidak lagi memberi ataupun memberhentikan bantuan kewangan untuk perkhidmatan ini pada tahun yang datang. Saya ingin memohon kepada pihak kerajaan supaya bukan sahaja jangan memberhentikan bantuan kewangan ini, malah kerajaan harus menambahkan lagi bantuan ini supaya bas percuma ini boleh memasuki ke keseluruhan 56 kawasan DUN di dalam Negeri Selangor. Untuk makluman EXCO yang YB Sungai Pinang, Balakong masih menunggu tarikh pelancaran Bas Smart Selangor di dalam kawasan Balakong. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan khas juga diberikan kepada Air Selangor untuk membaik pulih tangki-tangki air yang terbengkalai sejak zaman Barisan Nasional dan mempercepatkan lagi projek penukaran paip-paip yang uzur. Ini adalah kerana kekerapan gangguan bekalan air di sekitar Balakong. Terdapat peningkatan kebelakangan ini. Dua buah tangki air yang terletak di Jalan Bukit Belimbing dan Taman Putera Budiman harus dibaiki dan baik pulih dengan secepat yang mungkin supaya kawasan sekitarnya mempunyai rizab air sekiranya berlaku apa-apa permasalahan teknikal yang mengakibatkan gangguan bekalan di kawasan berikut. Itu sahajalah ucapan saya, sekian Balakong mencadang. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Balakong.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker saya menyokong. Tuan Speaker, Damansara Utama menyokong usul yang dibawa oleh Y.B. Balakong ini saya nak menyentuh beberapa perkara. Perkara yang pertama adalah dari segi air. Saya mencadangkan Kerajaan Selangor boleh menggunakan rizab untuk menambahkan satu rancangan yang baru iaitu program untuk memberi insentif kepada sesiapa yang menukar alatan air kepada *water efficient devices*. Program yang dipanggil program rebat cekap air. Program ini adalah untuk supaya bangunan-bangunan lama ataupun rumah-rumah lama yang menggunakan alatan air yang tidak cekap air boleh menukar kepada komponen-komponen yang cekap air. Antara kerajaan ada banyak Kerajaan Negeri lain di Australia ataupun Amerika Syarikat telah membuat

program sedemikian. Saya telah mengkaji sedikit sama ada ini adalah *feasible* ke tidak. So saya pergi Suruhan dan mendapati bahawa program ini adalah *feasible* untuk dibuat sebab pada sejak 2013, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah mengadakan *volunteer scheme* label cekap air yang dia panggil *webs water efficient product labeling scheme*. Iaitu kita sudah sedia ada, ada *labeling scheme* sedia ada *urea sponge* ada 3 kategori, *1 star*, *2 star* dan *3 star*. Kadar rebat ini boleh mengikut dengan *star* kategori yang di kategori oleh SPAN. So, ini memang kita boleh lakukan. Untuk pembekal-pembekal dan saya juga mengkaji sama ada, *what if* sebab yang skim itu *volunteers scheme*. Ada pembekal-pembekal alatan air yang tidak pergi label, tidak pergi label alatan-alatan air mereka seperti pancur air ataupun *toilet* dan sebagainya. Saya mengkaji dan tanya kepada SPAN berapa lama pembekal alatan air kena adakan, kena tunggu supaya mendapatkan *labeling* yang ideal. Itu adalah akan mengambil 21 hari sahaja. Jika Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuat dan *row out* program rebat cekap air ini kita boleh *row out* dan *is very-very risible in terms of operational* dan lain-lain, dengan ini saya juga berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh bukan sahaja dari segi domestik, sebab daripada 100 bekalan air terawat di Selangor, 58 peratus adalah penggunaan domestik dan 42 adalah penggunaan bukan domestik dan saya juga berharap bahawa dengan rizab yang kita ada, kita juga memberi insentif bagi industri-industri ataupun perniagaan-perniagaan supaya mereka boleh menukar infrastruktur ataupun *hardware* mereka untuk mendapatkan untuk secara *hardware* mengurangkan penggunaan air. Seperti dewan yang mulia ini mendapati bahawa kita memang ada bekalan air terawat yang *limited*. Apabila kita membuat *replace a pipe* dengan izin ataupun menubuhkan atau membina loji rawatan air ini adalah *supply management dan demand management* sentiasa kita bekalkan kita bahawa kita nak kempen jimat air. Tapi kempen jimat air ini adalah sangat panjang yang *awareness* ataupun kesedaran untuk menjimatkan air bukan satu yang boleh kita mencapai di satu tahun. Oleh itu, saya memang tengok *what is a law hanging fruits we can have to lower the water demand* yang program cekap air, program rebat cekap air ataupun insentif untuk industri ataupun perniagaan adalah sangat *feasible* sebab *you change the hardware without changing the behavior* dan yang ini kita boleh menggunakan rizab dengan baik dan *it achieve our objective in terms of our water management* dengan izin. Perkara kedua yang saya nak menyentuh ialah di mana tentang kemudahan komuniti. Saya telah bangkitkan di dewan yang lepas tentang *livable city* dan saya telah membangkitkan bahawa sekali lagi saya nak menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa untuk menengok berapa dewan serba guna, dewan orang ramai dan balai raya yang kita ada di negeri Selangor. Kalau kita tengok rancangan struktur negeri mengikut piawaian kita jauh lebih kurang daripada piawaian yang disediakan oleh rancangan struktur negeri. Secara ringkas Kerajaan Negeri perlu sekali ganda lebih banyak dewan serba guna, tiga kali lebih banyak dewan orang ramai dan enam kali lebih banyak balai raya untuk mencapai piawaian yang telah ditentukan dalam rancangan struktur negeri. Saya berasa bahawa kita kena menggunakan rizab untuk membina dewan-dewan balai raya dan sebagainya. Di Petaling Jaya ataupun di Damansara Utama, sejak 2008 kita tidak pernah ada dewan yang baru ataupun balai raya yang

baru. Saya berasa kita kena ada satu *target* di 2017 saya berharap bahawa kerajaan boleh menetapkan *target* untuk menambah 50 dewan orang ramai ataupun balai raya di seluruh negeri Selangor iaitu satu untuk setiap DUN *at least* dengan izin dan yang perkara terakhir yang saya nak sentuh kan di sini adalah tentang keselamatan. Kita telah banyak bincang dengan CCTV *hardware* dan juga sistem data dan satu lagi saya nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini yang kita belum lagi bincang adalah di mana saya telah melawat balai-balai raya, balai-balai polis dan bomba dan mendapati bahawa bangunan yang anggota keselamatan Selangor, bangunan pekerjaan mereka, balai dan kemudahan itu adalah sangat tidak memuaskan. Kalau kita pergi balai bomba ataupun balai polis kita akan dapati lif tidak boleh guna, ataupun bangunan cat sudah lama ataupun kerusi-kerusi semua tidak baik. Saya memang tahu ini adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi kita tidak boleh memperduli anggota-anggota keselamatan yang menjaga semua rakyat Selangor. Saya berharap sebab kita ada *capability*, saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh memperuntukkan, memberi satu peruntukan untuk membaik pulih bangunan-bangunan anggota keselamatan seperti Balai Bomba, Balai Polis. Saya dengan peruntukan yang dibahagikan untuk *office* saya telah memberi sedikit peruntukan untuk Balai Polis ataupun Balai Bomba yang kita ada untuk mereka menambahkan sikit, tetapi peruntukan saya tidak mencukupi. So saya berharap bahawa kita boleh ada satu yang sistematik untuk mengaudit bangunan-bangunan anggota keselamatan dan memberikan peruntukan yang baik supaya anggota-anggota keselamatan di Selangor boleh menjadi anggota yang paling dipelihara dan di *protect* Kerajaan Negeri. Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, saya anggap Damansara Utama menyokong dan membahar sama, saya nak mempersilakan pembahas yang kedua, saya bagi Hulu Bernam dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih kepada Tuan Speaker, pertama mengenai saya menyokong ya usul No.10. Saya sokong kerana beberapa fakta. Pertama tentang Bas *Smart* Selangor. Bila dibangkitkan Bas *Smart* Selangor ini, memang itu tujuan yang baik, kita tahu tujuan yang baik, tetapi kita memohon supaya Bas *Smart* Selangor ini diberi perhatian jangan sampai kita membazir dengan keadaan kena periksa *fitness* nya bas ini, bahawa ada bas yang disewa ataupun dibeli ini yang akan kerap rosak dan akhirnya kos *maintenance* yang tinggi. Jangan ketawa dulu, saya nak cakap.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Ini Berlaku, ya berlaku di Kuala Kubu Bharu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Bernam, Bukit Gasing mohon mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Kuala Kubu Baharu, mohon mencelah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi ke tak bagi?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Nanti saya selesaikan dulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Nanti dulu Bukit Gasing.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Ini berlaku di Kuala Kubu Baharu yang mana, bas baru tiga hari digunakan tersadai, rosak di tepi jalan di hadapan JPJ Kuala Kubu Baharu. Ini salah satu contoh ya, membazir wang rakyat. Itu pertama, kena dilihat dia punya *fitness*, ini saya nak nyatakan. Itu perkara pertama, yang keduanya

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sebelum, Hulu Bernam.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing minta Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Taman Medan bercakap, saya selesaikan saya punya, Taman Medan bercakap.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sebelum masuk isu baru.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Bila Taman Medan bercakap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Bernam, Bukit Gasing minta.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tak apa nanti saya sudahkan ya, bila Taman Medan bercakap.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Bagaimana dengan Kuala Kubu Baharu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Taman Medan menyoal EXCO berkenaan mengenai pangsapuri lif dan sebagainya, sebab itu kena ditambah dengan *reserve* negeri kita, Negeri Selangor ini supaya ditambah bajet kepada membantu ya, membaiki kerosakan lif-lif di perumahan kos rendah ini, bagaimana ada yang sakit, ada yang kematian terpaksa turun tangga, kena lihat nasib rakyat, kalau ada *reserve* yang banyak, apa salah kita keluarkan untuk rakyat kita sendiri yang miskin, terutama kos rendah. Saya menyokong ya usul daripada Balakong ini dan yang ketiga tentang kebersihan, memang kita sedia arif bahawa negeri Selangor adalah denggi yang tertinggi, kos denggi ya, pesakit denggi yang tertinggi memang elok sangatlah *reserve* dikeluarkan lagi, kerana untuk menentukan kebersihan terjamin, longkang-longkang dijaga dengan kebersihan, tong-tong sampah, sampah-sampah

yang orang kata tak dijaga dengan baik perlu dibaiki atau dinaik taraf kebersihannya dengan orang kata dengan tenaga dan pekerja dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Hulu Bernam, Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Timbalan Speaker. Batu Tiga ingin mengambil bahagian dalam menyokong usul yang dicadangkan. Ia nyata bahawa tujuan Pakatan dalam Pentadbiran Negeri ialah sentiasa meningkatkan kualiti ya, kualiti hidup rakyat Negeri Selangor. Jadi dengan ini, saya ingin memberikan 2 perspektif agar *reserve* Negeri Selangor ini dapat dibelanjakan dengan baik. Pertamanya saya ingin mengajukan atau pun ingin membahaskan tentang isu *infrastructure* yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan bahawa duit *reserve* yang ada itu dapat dibelanjakan dengan baik, yang ingin saya tekankan adalah isu-isu yang berbangkit sekarang ini iaitu banjir di dalam kampung-kampung, banjir di kampung-kampung dalam bandar ya. Ini bukan berlaku hanya di Batu Tiga tetapi saya yakin ianya berlaku di banyak tempat ya, di mana bangunan yang pesat berlaku dalam perbandaran ataupun bandar raya tetapi ada satu isu besar yang kita terpaksa tangani iaitu masalah banjir di dalam kampung-kampung dalam bandar ini. Jadi saya ingin menyatakan bahawa kita perlu membelanjakan duit *reserve* ini untuk memastikan bukan sahaja ianya dibelanjakan untuk peruntukan pembaikan MARRIS atau longkang-longkang di tepi jalan, tetapi perlu ada satu peruntukan yang khusus yang kebanyakannya diberikan satu tinjauan dan bagaimanakah satu olahan yang baik supaya kebanyakan tanah-tanah milik persendirian di dalam kampung-kampung ini boleh dinaiktarafkan dan dibuat satu sistem saliran yang baik sama ada yang longkang atau parit sama ada ianya dulunya tak ada longkang dibuatkan longkang atau dulunya longkang parit-parit tanah dinaiktarafkan jadi parit-parit konkrit supaya isu air ini dapat degan izin *water catchment* ini dapat disalurkan terus ke dalam longkang besar ataupun sungai-sungai yang berpatutan.

Jadi saya lihat perbincangan kita dalam isu masalah banjir, rata-ratanya adalah memikirkan tentang benda-benda yang rasa yang besar yang saya yakin ditangani iaitu masalah membuat *monsoon rain* membuat *retention pond* dengan izin tetapi isu di dalam kampung ini di mana tanah-tanah persendirian ini perlu juga diberikan perhatian. Pasti bila saya nyatakan tanah persendirian, ianya mungkin menimbulkan persoalan kenapa kerajaan ingin terlibat. Ia tetapi apa yang saya ingin nyatakan, pembangunan yang pesat di sekeliling itu, menyebabkan kampung-kampung ini tenggelam. Jadi, perlunya ada satu, satu orang kata, satunya campur tangan kerajaan tetapi dalam masa yang sama untuk menjayakan pelaksanaan menangani masalah banjir ini saya rasa perlu kita ada satu mekanisme yang wajar bukan sahaja kita tuding jari kepada pihak kerajaan tetapi kita mesti melibatkan rakyat dalam memastikan ianya dapat kita usahakan bersama. Oleh itu, saya ingin nyatakan di sini, bahawa perlunya ada pendekatan yang baik, iaitu kita perlu memastikan bahawa, rakyat juga mesti pasti, mesti dilibatkan di dalam memastikan

solusi kepada isu-isu yang berada di dalam kampung ini ditangani yang mana kita melibatkan mereka menyatakan sebenarnya apakah komitmen dia bila rakyat kerajaan menaikkan taraf longkang-longkang di kawasan bandar ini untuk mereka merasakan dengan izin *to own the problem*, maknanya mereka ini miliki masalah ini bersama dan berganding bahu dengan kerajaan dan juga tidak terlibat di dalam menyumbat atau membuatkan longkang-longkang ini tersumbat dengan membuang sampah dan sebagainya. Itu cadangan saya. Dengan ini saya mohon supaya satu peruntukan belanjawan bagi proses yang terlibat dalam naik taraf ini dilaksanakan.

Yang keduanya Timbalan Speaker, saya ingin mengambil perhatian Dewan ini tentang penggunaan duit *reserve* ini juga perlu menekankan aspek keselamatan. Apa yang ingin saya nyatakan bahawa isu pemantauan dan jaminan kepada rakyat untuk rasa selamat itu perlu diberikan perhatian. Di antaranya saya yakin ada dua cadangan yang ingin saya kemukakan, iaitu; pertamanya ia melibatkan teknologi dan keduanya ia melibatkan *advocacy* kepada rakyat yang mana teknologi mungkin melibatkan kewangan Kerajaan Negeri tetapi *advocacy* itu ia boleh melibatkan di peringkat kefahaman kepada rakyat dan juga penglibatan pihak swasta yang boleh kita laksanakan.

Apa yang ingin saya utarakan tentang untuk memelihara keselamatan rakyat Negeri Selangor ini terutama usaha-usaha *advocacy* ini dengan kita mencadangkan selain daripada program-program yang sedia ada iaitu kita sudah ada Program Rukun Tetangga, kita ada program Skim Rondaan dan sebagainya tetapi apa yang kita dapati mereka yang terlibat dalam skim-skim ini terpaksa berjaga malam ya, untuk membuat operasi rondaan dan sebagainya. Malah besoknya mereka terpaksa pergi bekerja. Jadi saya yakin bila pergi kerja dengan keadaan berjaga sepanjang malam, pastinya produktiviti mereka di tempat kerja tidak begitu baik. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada mereka yang terlibat di dalam Skim Rondaan ini diberikan pelepasan waktu bekerja keesokan harinya. Maknanya tidaklah sampai ambil cuti untuk pastikan mereka boleh bekerja pada malamnya sama ada ia boleh dibincangkan oleh EXCO yang berkenaan, dengan semua agensi kerajaan dan swasta supaya diberikan pelepasan kepada mereka supaya esoknya mereka boleh *off* daripada bekerja. Tetapi mesti ada limitasi, mungkin setahun empat kali ataupun tujuh kali sahaja mereka boleh mendapatkan pelepasan ini untuk pastikan mereka boleh melibatkan diri dalam memastikan keselamatan kampung, keselamatan taman yang mereka duduki ini dapat diberikan satu jaminan keselamatan kepada rakyat.

Yang keduanya, di samping mereka membuat rondaan, saya ingin nyatakan bahawa sekarang ini nyawa kita macam di hujung tanduk ye, kat mana-mana pun kita dah takut. Kadang-kadang nak berhenti kat *traffic light* pun kita rasa Masya-Allah kan, takut nanti kena tembak. Saya tak taulah macam mana kita nak tangani tetapi isunya, ini kita orang awam tetapi mereka yang telah pun memberi khidmat untuk menawarkan diri menjadi sistem sokongan untuk rondaan ini perlu difikirkan insurans

kepada mereka secara khusus. Insurans wajar jika berlakunya apa-apa yang berkait dengan tugas mereka. Mereka wajib diberikan pampasan untuk mereka diberikan jaminan ada sedikit kewangan yang disediakan. Kalau cedera mungkin sedikit-sedikit kos rawatan, tetapi kalau ia melibatkan nyawa mungkin dalam kos-kos yang berlainan. Itu perkara pertama yang berkaitan dengan *advocacy* ataupun bagaimana kita nak melibatkan *human resource* ataupun tenaga manusia di dalam program keselamatan.

Yang keduanya, saya ingin nyatakan kepada pihak Kerajaan Negeri tentang perlunya ada CCTV. Saya sokong apa yang dibangkitkan oleh Damansara Utama bahawa CCTV perlu dikenal pasti dan perlu tempat-tempatnya boleh dikenal pasti dan perlu diletakkan di tempat-tempat terutama kawasan jenayah yang tinggi ye. Saya ingin mencadangkan supaya program WIFI percuma yang sedia ada ini yang telah pun dimulakan untuk akses internet kepada rakyat dipertingkatkan fungsinya daripada hanya satu memberi akses kepada internet tetapi kita harap peningkatan atau penambahbaikan kepada program ini iaitu dalam satu sistem ataupun satu sistem *hotspot WIFI* yang disediakan ia boleh juga dijadikan *hotspot* CCTV dan juga *hotspot* untuk melaksanakan PA System sebagaimana negara-negara maju yang telah dilaksanakan. Jadi, perlunya ada satu peruntukan khas untuk dinaiktarafkan ye, *spot-spot WIFI* percuma ini, kalau ianya tidak kompeten mesti dinaikkan taraf supaya jadi kompeten lebih oleh memberikan akses internet. Selain daripada itu yang penting, boleh menampung bila CCTV dipasang untuk boleh diberi *captured* dengan izin, ataupun boleh mengambil gambar-gambar supaya rakyat rasa lebih selamat dan penjenayah-penjenayah di luar itu yakin dan takut bahawa mereka tidak boleh melaksanakan perkara ini kerana mereka diperhatikan. Dan ia bukan sahaja di *Hotspot* yang ada, saya juga ingin mencadangkan supaya ianya dipertingkat di kawasan-kawasan awam ye, yang kadangkala ianya orang kata apa kawasan yang gelap misalnya tidak mempunyai satu akses yang baik, yang akhirnya kadangkala ianya melibatkan kes ragut dan sebagainya. Jadi, itu sahaja cadangan daripada saya. Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) yang dibawa oleh YB, Yang Berhormat Balakong. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Paya Jaras ingin mengambil bahagian ringkas dalam menyokong usul yang dibuat oleh teman saya Balakong berhubung kait menaiktaraf kedudukan setempat. Usul yang menyentuh tentang kebersihan, menaiktaraf kemudahan komuniti setempat dan sistem keselamatan. Dan saya, dan saya pasti, dan kawan-kawan ADUN yang lain juga pastinya menyokong cadangan agar setiap ADUN diberikan peruntukan satu juta di atas daripada MARRIS yang sedia ada bagi membaik pulih perkara-perkara yang dirasakan perlu yang berkait dengan DUN.

Timbalan Speaker, ini sidang Dewan membawa usul adalah oleh ADUN, yang meluluskan bajet juga dalam sidang oleh ADUN-ADUN. Bermakna ADUN-ADUN ini mencadangkan, memberi pandangan tentang kebaikan dan perkara yang dirasakan perlu dalam kawasan masing-masing. Apa yang saya lihat dari segi ini, kita mempunyai bajet yang besar, *reserve* yang besar tidak ada orang pertikaikan. Waima, PBT yang ada di dalam Selangor ini pendapatannya mungkin lebih besar daripada negeri yang ada di sebelah utara. Cuma persoalannya, selepas kita bahas, selepas kita lulus, kita melihat laporan kewangan, kadang-kadang kita rasakan pelaksanaan bajet itu di bawah itu tidak sebagaimana yang ADUN rasakan fikirkan sesuai. Ada jalan yang kita rasakan perlu dibaiki tidak dibaiki, jalan yang tidak perlu dibaiki ditampal baik. Jadi ini seolah-olah peranan ADUN yang ada seolah-olah tidak diambil kira. Hari ini kita melihat, apa yang saya minta adalah kerajaan meletakkan satu kaedah mendengar pandangan ADUN oleh kerana ADUN juga yang meluluskan bajet ini, mendengar pandangan ADUN, mendengar rintihan dan masalah yang kita hadapi. Saya nak ambil contoh, kita membuat satu peruntukan yang besar, kita mempunyai agensi. Saya nak tarik perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terhadap pelaksanaan apa yang berlaku di bawah yang dihadapi oleh ADUN-ADUN kita. Di Paya Jaras sendiri ketika mana PLUS mahu menambah satu lorong. PLUS nak tambah satu lorong sahaja yang kita tidak ada kait-mengait dengan kampung yang ada dalam Paya Jaras. Sebelum pelaksanaan ini, PLUS datang dengan *team* dia, dengan konsultan dia, datang ke pejabat kita berjumpa untuk memberi cerita bahawa ini projek yang akan dilaksanakan, takut-takut ada *complaint* daripada masyarakat setempat. Beberapa bulan dulu KTM Kereta api Tanah Melayu nak *upgrade double tracking*, nak ganti kayu sahaja KTMnya, konsultannya, bahagian hartanah dan berbagai-bagai datang berjumpa dengan kita cuma nak maklumkan kalau-kalau rakyat mengadu kepada kita sekiranya berlaku kelewatan dalam jadual komuter yang ada di stesen Sungai Buloh itu. Tetapi baru-baru ini apabila agensi yang kita mempunyai seorang EXCO yang menjaga agensi kita nak menaiktaraf sungai, ini kemudahan rakyat, tidak dinafikan, nak menaiktaraf sungai, Sungai Kedondong Paya Jaras, lima hari nak raya, lima hari nak Aidilfitri, memberi notis kepada penduduk nak roboh rumah. Saya kata bagaimana agensi yang kita tidak ada EXCO yang menjaga itu yang boleh datang berjumpa kita sedangkan kontraktor yang masuk untuk menaiktaraf kemudahan rakyat kononnya boleh mengeluarkan satu notis tidak langsung rujuk kepada kita, langsung langgar begitu dan nak menjawabnya kita. Bermakna dalam kata lain, moral yang disebut di sini adalah kepada Timbalan Speaker adalah kita ada *reserve* yang besar, kita *request budget* yang besar tetapi saya mohon untuk pelaksanaan *reserve-reserve* ini kita kena rujuk kepada ADUN-ADUN setempat. Kalau tidak tak selesai masalah jalan sebagaimana yang sebut LED. Ini perkara yang kita bahas dalam dua, tiga sidang yang lalu. Adakah susah sangat kita nak mengadakan LED dalam kampung-kampung kita. Adakah susah sangat untuk kita nak mengadakan lampu, tiang-tiang lampu, jalan-jalan yang kita sering sebut dalam dua sidang DUN yang dahulu, saya sebut, walaupun ini adalah *Federal Trunk FT54*. Setiap bulan hampir berlaku

kemalangan di situ. Saya minta dua, tiga tiang sahaja bukannya sampai 100 tiang, tiga tiang sahaja saya sebut dalam ucapan yang dulu sehingga hari ini belum berlaku lagi, tiang lampu. Saya nak tahu apakah masalah dia, rakyat ada menyebut ini adalah jalan utama Kuala Lumpur – Sungai Buloh – Kuala Selangor. Apakah kita punya *reserve* tetapi pelaksanaannya kita tidak mampu nak buat. Dalam hal-hal ini, kemudahan rakyat, rakyat melihat menilai kita yang paling kritikal kita melihat adalah bagaimana pelaksanaan di peringkat PBT dan Pejabat Daerah. Dalam hal ini saya minta perkara-perkara contohnya bajet yang kita telah luluskan dalam bajet yang lalu tetapi sehingga hari ini belum ada lagi tanda-tanda permulaan kerja. Soalnya kenapa, adakah dia nak tunggu nak dekat nak pilihan raya, atau nak tunggu lepas pilihan raya baru nak buat, bagaimana, apa jawapannya.

Masalah stadium mini, kita dah buat lawatan tapak tetapi belum ada berita. Masalah naiktaraf pasar bertingkat di Paya Jaras belum ada berita. *The point* yang saya nak sebut adalah kita ada boleh bajet yang besar tetapi saya minta Yang Amat Berhormat serta pasukan-pasukan di peringkat EXCO memberi tekanan atau memberi supaya perkara ini disegerakan. Masalah jalan, masalah ini *basic* dalam kampung, masalah dewan orang ramai yang tidak ada, masalah belia yang tidak ada tempat nak bersantai, masalah dewan orang kampung yang tidak ada dewan nak mengadakan kenduri-kendara, ini perkara yang perlu kita lihat.

Perkara yang sama kita ulangi yang akan kita terus ulangi lagi. Jadi, pada hari ini, antara perkara yang kita tempuh baru-baru ini sama kita tempuh adalah berhubung dengan masalah sampah. Saya tidak tahu, saya menghormati sistem yang kita ada, saya menghormati bajet yang kita ada tetapi Timbalan Speaker, seminggu nak raya baru ini, masalah sampah timbul lagi dalam kawasan-kawasan kita. Saya tidak tahu apa punca dia. Alasan dia adalah pertukaran kontraktor yang baru. *Fine!* Kontraktor baru kita ditukar. Tetapi tidakkah ada satu budi bicara ataupun satu keputusan yang boleh memberi pengecualian seolah-olah bagilah, selesaikan dulu masalah raya ataupun janji atau apa pun sajalah. Janganlah dalam masalah-masalah kita begitu, kita tukar masalah kontraktor dan berbagai. Saya baca dalam *'whatsapp'* ADUN. Semua ADUN, hampir semua ADUN tempat kena masalah sampah tidak diselesaikan waktu menjelang hari raya baru-baru ini. Saya harap perkara ini tidak berulang.

Kita negeri yang *Smart Selangor*. Kita negeri yang dilihat sebagai contoh oleh negeri-negeri lain. Tetapi ada juga perkara yang mesti dengar pandangan daripada ADUN, kita bawa dan saya harap perkara ini diselesaikan dengan segera. Masalah *traffic light*, masalah *traffic light* jalan di Bandar Baru, masalah perkara-perkara lampu. Ini perkara yang kita dah sebut banyak kali. Masalah sungai, jejantas.

Dan hari ini dalam kemudahan ini saya nak minta dua perkara yang saya minta perhatian daripada EXCO Infrastruktur. Betul-betul saya nak minta tolong. Nombor satu, tolong pasang lampu depan FT54 saya itu. Saya dah sebut dalam dua sidang

yang lalu. Yang kedua saya minta diadakan jejantas lintas di hadapan TSB. Orang berhenti bas nak lintas tiga lorong yang laju. Baru-baru ini depan saya dilanggar mati depan (di hadapan saya). Depan mata kita mati. Saya tidak mahu ini berlaku lagi dan bila ini berlaku yang kena seolah-olah Adun tak buat kerja, apa negeri tak buat, ini berbagai-bagai kisah. Itu perkara saya minta perhatian YB EXCO dan saya menyokong sepenuhnya Usul yang dibawa oleh sahabat Balakong tadi tentang menaikkan bajet atau mengadakan bajet khas RM1juta di samping membaik pulih ataupun *improve procedure* yang ada. Sekian, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim*. Saya akan mengambil bahagian dengan menegaskan empat perkara yang saya kira sangat penting dan akan menjadi asas bagaimanakah rizab yang wujud dalam pentadbiran kerajaan Selangor dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Pertama, saya ingin mencadangkan dan mungkin bertanya untuk kepastian iaitu setiap PBN (Pihak Berkuasa Negeri) dan PBT mempunyai bajet dan ada yang mempunyai di peringkat PBT simpanan. Dan kalau kita lihat secara keseluruhan, yang diutamakan dalam penggunaan sumber ini adalah sinergi. Bagaimanakah satu campur dua (1+2) bukan tiga (3) tapi satu campur dua, mungkin lapan atau sembilan dengan memanfaatkan kekuatan rizab yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan rizab-rizab yang dimiliki oleh PBT. Mungkin ada kekangan undang-undang/peraturan prosedur yang tidak membolehkan perkara ini berlaku tapi mungkin boleh diselaraskan dalam konteks kalau kita berbelanja setahun dua ataupun tiga bilion daripada bajet negeri, RM50 juta, RM100/120 juta dan seterusnya di peringkat PBT, kita letakkan keseluruhan di dalam *right across the board* (dengan izin). Berapakah perbelanjaan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan berapakah belanja-belanja yang akan dilakukan oleh kerajaan tempatan dan berapakah rizab yang disimpan yang boleh digunakan. Jadi contohnya dalam menyediakan kemudahan awam. Ada masa-masanya berlaku macam *overlapped*. Ada masa-masanya ia tidak berlaku pertindihan dan konflik pergeseran. Tetapi kalau kita harmonikan dalam satu konteks kerajaan yang prihatin kepada rakyat, kita dapat memastikan beberapa yang perlu digunakan untuk membaiki dewan, jalan, dan sebagainya walaupun MARRIS itu merupakan satu peruntukan khas di peringkat Kerajaan Negeri, tetapi kita boleh mewujudkan bagaimanakah penggunaan wang itu walaupun *independent* (dengan izin) di bawah kuasa masing-masing. Pihak Kerajaan Negeri dan pihak kerajaan tempatan tapi boleh diharmonikan, boleh disinergikan agar manfaat kesudahannya didapati oleh rakyat. Contohnya, dalam soal (dalam sesi) sidang yang lepas, saya bertanya dengan Dato' Menteri Besar yang telah menjawab penggunaan dana khas di peringkat Pejabat Daerah yang patut digunakan untuk membaiki dewan dan balai orang ramai di peringkat kampung boleh digunakan sekiranya ada kemunasabahan dan ada sebab-sebab yang cukup kuat untuk digunakan untuk memperbaiki balai

orang ramai ataupun dewan orang ramai di peringkat PBT. Jadi, itu satu presiden yang saya rasa cukup baik untuk kita lakukan. Jadi apabila kita melihat secara keseluruhannya, bajet negeri adalah mungkin RM2 bilion atau RM3 bilion setahun. Di peringkat PBT ada yang ratusan-ratusan dan pada satu ketika dulu saya mendapat input daripada YB Sungai Pinang yang mengatakan sebenarnya kita menjana kebajikan perkhidmatan bahkan memberikan keuntungan kebaikan kepada Kerajaan Negeri bukan dengan bajet yang kita lakukan semata-mata (yang diluluskan dalam Dewan) tapi boleh di sinergi kan dengan jumlah yang berlaku di peringkat PBT. Satu ketika dulu kalau kita kumpulkan penggunaan bajet di peringkat PBT, jumlahnya mungkin mencecah RM2.5 bilion. di peringkat Kerajaan Negeri RM3 bilion. Jadi kita lihat pembangunan yang boleh dihasilkan dengan menggunakan dana bajet masing-masing itu walaupun tidak diselaraskan adalah RM5 bilion. Itu adalah satu jumlah yang besar. Dan kalau rizab kita gunakan cara kemas dan teratur di peringkat negeri, di peringkat PBT mungkin ia boleh kita gunakan RM1 bilion ataupun sebagai panduan yang boleh digunakan sebaik-baiknya.

Jadi, saya mencadangkan dan mungkin bertanya tidak bolehkah satu perancangan untuk penggunaan belanjawan negeri disinergikan pelaksanaannya, bukan kuasa menggunakannya? Tapi pelaksanaannya oleh satu badan khas di bawah kuasa PBN yang boleh menggunakan faedah untuk rakyat. Jadi itu satu perkara yang saya ingin cadangkan.

Kedua, dengan izin dalam kita menggunakan rizab, saya percaya bahawa kita perlu banyak lagi *generate success stories* mencipta cerita-cerita kejayaan sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat Kerajaan Negeri / Kerajaan Tempatan. Dan dengan itu, kita *reward achievement* kita memberikan ganjaran kepada kejayaan. Contohnya penjimatan. Kalau kita cara proaktif merancang penjimatan dan selepas penjimatan itu akan membawa hasil bagaimanakah dapat ditambah kepada rizab dan bagaimanakah ia perlu digunakan untuk manfaat masyarakat dan orang ramai. Dan kita kena *reward* mana-mana jabatan yang boleh mencapai penjimatan, kita bagi insentif. Tidak berlakunya rasuah bukti tidak ada rasuah, kita *reward* jabatan-jabatan. Sama ada di peringkat PBT ataupun di peringkat PBN. Dan aduan pada kemungkinan akan berlakunya rasuah juga kita *reward*. Jadi maknanya dalam konteks motivasi (dengan izin) *motivation intrinsic* motivasi yang dimiliki oleh kakitangan awam di peringkat dalaman diberikan sokongan *intrinsic motivation* motivasi-motivasi yang berbentuk luaran. Jadi kita akan lihat dalam konteks ini bagaimanakah bonus yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri dengan diucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi bonus hari raya 1.5 ataupun satu setengah gaji bulanan adalah satu kejayaan yang sebenarnya boleh menyuntik kesungguhan kakitangan awam untuk memberikan kerja yang lebih baik dan kesungguhan dalam menjayakan bagaimanakah wang bajet ataupun rizab akan digunakan.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya ingin menyentuh cadangan saya yang ketiga iaitu bagaimanakah kita sepatutnya mengoktimisasikan menggunakan sepenuhnya satu *channel* satu saluran yang paling efisien dalam jabatan dalam mengagihkan rizab kita dan boleh melaksanakan peruntukan-peruntukan yang diwujudkan dalam belanjawan dengan baik. Pertamanya yang paling saya yakin dengan pemantauan dengan audit yang berkelulusan adalah ADN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, PBT dan juga pengerusi JKKK dan peringkat lantikan merupakan asal usulnya merupakan perwakilan kepada rakyat. Mereka ini lebih merupakan pihak yang melaksanakan *legislative*, perundangan, penggubal dan terlibat dalam mengukuhkan undang-undang dan penggubalan undang-undang di Negeri Selangor sebagai *legislator*. Tetapi mereka juga adalah eksekutif di peringkat kawasan, di peringkat DUN, kawasan parlimen, di peringkat PBT. Dan bagi saya dengan pemantauan yang *standardize* (dengan izin) dapat memastikan bahawa inilah saluran-saluran yang *low cost* yang tidak memerlukan tidak berlaku ketirisan di mana setiap sen yang diperuntukkan melalui peruntukan Adun, peruntukan ahli parlimen, peruntukan ahli majlis dan sebagainya diterjemahkan sama ada kepada kemudahan ataupun perkhidmatan kepada rakyat.

Jadi, ini satu perkara yang boleh kita lihat bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor memanfaatkan rizab yang banyak dalam masa yang sama mempunyai satu stigma yang luas, yang menyeluruh, yang berkesinambungan dalam memastikan bahawa kos kita dalam memperturunkan menterjemahkan bajet kita, rizab kita ke dalam kerajaan pada masyarakat dan rakyat Negeri Selangor ini berlaku dengan pendekatan yang cukup harmoni, cukup teratur, cukup kemas dan *low cost* yang amat rendah.

Dan keempat, penutup *point* saya. Saya ingin mencadangkan bahawa apabila kita bercakap tentang penggunaan rizab, orang meramalkan duit banyak. Tetapi kehendak rakyat, keperluan rakyat, kemudahan yang dikehendaki oleh rakyat lebih banyak daripada itu. Kita telah mengatakan kalau kita sinergi kan belanjawan dan rizab yang akan kita gunakan di peringkat negeri dan di peringkat PBT, dia akan memberikan manfaat kepada semua. Dengan itu, saya mencadangkan bahawa sistem audit pengurusan sistem audit kewangan dan perbelanjaan ini hendaklah dijadikan satu amalan yang tetap. Satu praktis yang kita dikatakan sebagai *benchmark* yang boleh menjadikan rizab yang kita gunakan itu yang kita keluarkan dimanfaatkan sepenuhnya. Sekian, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker. Bukit Gasing juga ingin mengambil bahagian dengan dalam debat ini dan juga ingin membawa beberapa cadangan untuk menggunakan rizab Kerajaan Negeri Selangor.

Saya balik kepada topik asal yang diusulkan oleh Balakong di mana saya ingin membawa beberapa cadangan yang cadangan pertama saya adalah untuk menggunakan sebahagian wang rizab ini untuk tujuan naik taraf infrastruktur demi menambah baik penggunaan pengangkutan awam di Negeri Selangor. Cukup maklumlah, sambutan terhadap Bas Selangorku yang percuma ini cukup baik. Kita juga melihat bahawa LRT di Puchong dan Subang Jaya baru-baru ini siap dan sangat digunakan oleh penduduk dan sambutan terhadap dan permintaan terhadap pengangkutan awam ini cukup diperlukan dan cukup tinggi. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa infrastruktur sokongan kepada pengangkutan awam ini diberi perhatian khusus oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam menggunakan rizab kerajaan.

Kita ada tiga kategori infrastruktur sokongan yang pertama ialah laluan pejalan kaki. Kita ada berpuluh-puluh stesen LRT, berpuluh-puluh stesen MRT yang akan buka hujung tahun ini, berpuluh-puluh stesen Komuter di seluruh Negeri Selangor. Dan banyak daripada stesen ini tidak mempunyai laluan pejalan kaki yang sempurna daripada kawasan stesen kepada kawasan-kawasan perumahan dan komersial di sekitar stesen tersebut. Di Bukit Gasing pun stesen komuter Jalan Templer tidak mempunyai laluan pejalan kaki kepada PJ Oldtown yang tidak jauh dan boleh berjalan kaki jika laluan pejalan kaki sempurna. Di Stesen LRT Asia Jaya ada peluang untuk tambah baik laluan pejalan kaki daripada stesen kepada kawasan-kawasan komersial di sekitarnya seperti Millenium Square, Digital Mall dan sebagainya.

Jadi, saya mencadangkan mungkin RM100 juta ataupun RM200 juta diperuntukkan tahun hadapan bagi membantu PBT memang mengalami kekangan bajet pembangunan. Jadi, saya mencadangkan satu geran pembangunan infrastruktur sokongan pengangkutan awam diwujudkan dan diberi peluang kepada PBT-PBT untuk memohon daripada geran ini supaya mewujudkan laluan pejalan kaki yang lengkap demi mempromosi penggunaan pengangkutan awam di Negeri Selangor. Jenis kedua ialah *park and ride*. Kita lihat di Puchong di mana stesen LRT telah buka, *parking* di sekeliling stesen ini mempunyai permintaan yang cukup tinggi daripada penggunaan lagi. Memang disebabkan *urban sprawll* yang terdapat di negeri Selangor ramai pengguna di kawasan *sprawll* ini *disurberge* di Negeri Selangor dengan izin menggunakan kereta daripada rumah mereka untuk sampai untuk sampai ke stesen. Perkhidmatan bas tidak menyeluruh dan ramai daripada penduduk kami tidak dapat mengambil bas daripada rumah mereka untuk sampai ke satu stesen komuter, LRT atau pun MRT. Jadi saya mencadangkan *park and ride* dibangunkan ini mungkin perlu ada pengambilalihan pengambil balik tanah untuk membangunkan di *certain certain cases* dengan izin ataupun di mana yang tidak perlu kita perlu fikirkan cara kreatif untuk membangunkannya tetapi akhir kata semuanya memerlukan dana dan wang pembangunan daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada PBT boleh membantu mempercepatkan proses ini. Saya kecewa prasarana tidak menyediakan kemudahan *park and ride* ini dan KTM juga tidak

menyediakan *park and ride* ini secukup-cukupnya di semua stesen, tetapi saya rasa kita boleh dalam kuasa kita sebagai Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan kewangan kami untuk membangunkan sokongan infra ini supaya kita menggalakkan lebih ramai penduduk di Negeri Selangor menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan trafik pada waktu puncak pagi dan petang. Kita boleh mewujudkan yang ketiga tu tempat *pickup* dan *taxi stand* dan *bus stand* bersesuaian di stesen komuter, LRT dan MRT supaya dia menggalakkan orang menggunakan pengangkutan awam. Kita lihat di banyak stesen tidak ada cukup tempat untuk menunggu dan mengambil penumpang. Jadi ini perkara juga boleh ditambah baik. Jadi saya berharap satu geran khas ini adalah satu perkara yang saya jangkakan menjadi sangat *visible* dengan izin yang boleh rasai oleh semua penduduk Negeri Selangor bahawa Kerajaan Negeri Selangor membuat sesuatu untuk menambahkan baik kualiti kehidupan mereka.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor melabur dalam membeli *compact* untuk disewakan ataupun diberi kepada kontraktor kutipan sampah bukan sahaja di Klang di mana Kerajaan Negeri telah mengambil alih kutipan sampah tetapi juga di PBT-PBT lain. Imej harian yang kita lihat bukan sahaja sedikit penduduk tetapi seluruh Negeri Selangor setiap penduduk lihat imej kutipan sampah boleh ditambah baik jika peralatan kutipan sampah ini ditambah baik kepada jenis yang moden. Banyak *compact* yang dipakai kontraktor ini adalah uzur dan mungkin terdapat banyak aduan juga berkenaan tumpahan licin dan sebagainya. *Compact* yang saiz tidak bersesuaian ada tempatnya yang memerlukan *compacter* tempat yang kecil dan ada *compact* menggunakan *compacter* yang besar tetapi peralatan yang mencukupi adalah sangat *crucial* demi menambah baik perkhidmatan kontraktor-kontraktor kami dan kerana di kebanyakan PBT kontrak untuk kutipan sampah ini adalah sekitar satu dua atau tiga tahun tidak ada mungkin tidak sesuai untuk mereka melabur pembelian peralatan ini dan satu langkah yang kita boleh buat ialah kita boleh melaburkan pembelian aset dan aset ini disewa kepada kontrak yang dilantik. Selain daripada *compactor* juga boleh dinilai untuk membeli jentera-jentera untuk menyokong kontraktor pembersihan di setiap PBT jadi ini adalah perkara kedua saya jangka akan sangat *visible* dan boleh dilihat oleh seluruh masyarakat Negeri Selangor menunjukkan prestasi Kerajaan Prihatin Negeri Selangor.

Yang ketiga ialah untuk menambah baik rekreasi untuk penduduk-penduduk Negeri Selangor. Kita dan cukup *stress* kena ambil perjalanan jauh untuk pergi kerja pulang daripada kerja dan saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam penggal ini dalam melaksanakan padang cergas di seluruh Negeri Selangor DUN Bukit Gasing pun menikmati beberapa padang di DUN Bukit Gasing telah dinaik taraf mengikut spesifikasi padang cergas dan lebih banyak padang akan datang untuk tahun depan dan tahun seterusnya. Tetapi saya mencadangkan kita menambahkan lebih daripada padang cergas *option* untuk rekreasi kepada bukan sahaja untuk anak muda tetapi dewasa dan kanak-kanan di Selangor. Gelanggang futsal, gelanggang bola kerajang, kolam renang dan sebagainya boleh ditambah baik di seluruh negeri

Selangor demi memberi lebih banyak ruang bersukan dan ruang berekreasi kepada anak muda. Kita kena memaksimumkan kawasan lapang kawasan hijau kawasan rekreasi yang kita ada supaya dia boleh memanfaatkan semaksimum sekali. Saya juga ingin mencadangkan dalam cadangan keempat saya untuk Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan anak syarikat untuk mengambil alih pentadbiran Flat Kos Rendah yang tidak dapat menubuhkan MC atau JMB. Ini adalah satu perkara yang bukan senang untuk diambil alih memang tugas ia berat. Untuk mengambil alih, mungkin untuk berpuluh tahun ataupun bertahun-tahun tidak ada MC atau JMB untuk dapat diwujudkan. AGM ini penduduk tidak turun untuk menyertai ia tak ambil kisah untuk menyertai. Adalah flat kos rendah di mana penduduk mengambil berat, itu saya ucapkan tahniah tetapi ada juga yang mereka di mana JMB di mana tidak dapat diwujudkan dan penyelenggaraan itu tidak beberapa memuaskan ini adalah satu perkara yang tidak baik. Ia *effect* penyelesaian penduduk rakyat kita yang duduk sana. Saya cadangkan satu dana permulaan di bekalkan kepada satu anak syarikat untuk mengambil alih pengurusan flat kos rendah ini bukan kesemua sekali dalam peringkat kita mengambil alih kemampuan kita supaya kita membuat sesuatu perkara yang baru. Di seluruh Malaysia kita ada sistem sama, sistem di mana penduduk pemilik flat ini terpaksa membentuk JMB atau satu MC untuk menguruskan sendiri. Ada kes di mana ia berjaya, tetapi saya jangka kes di mana ia berjaya tak sampai 20 peratus kesemua pembangunan flat kos rendah. Jadi untuk mereka 80 peratus lebih yang tak berjaya untuk menguruskan dengan cekap dan mereka tidak mampu menguruskan sendiri. Kita tunjukkanlah di Negeri Selangor, kita jadilah negeri pertama di Malaysia, di mana Kerajaan Prihatin akan memasuki akan membantu untuk mengambil alih pengurusan flat ini kita masih mengutip *charge* yuran bulanan *maintenance fee* dengan izin tetapi kita membekalkan perkhidmatan profesional perkhidmatan dedikasi supaya penyelenggaraan flat-flat ini adalah sempurna dan kualiti kehidupan semua penghuni di dalam flat-flat ini adalah sejahtera.

Saya juga ingin seterusnya kepada cadangan kelima saya, *I think* ini telah disebutkan sedikit tadi oleh ADN- ADN yang lain ialah untuk supaya untuk tahun hadapan, kita membelanjakan sejumlah wang yang berpatutan untuk menaik taraf infrastruktur yang sedia dewan, pasar dan sebagainya, saya jangka semua infrastruktur sedia ada pasar adalah satu perkara yang memang ada banyak ruang untuk ditambah baik. Pasar di Petaling Jaya yang di sempadan Taman Medan dan Bukit Gasing, pasar bandar lama di Petaling ianya adalah satu pasar yang sangat besar keadaannya boleh ditambah baik menjadi lebih moden lebih efisien lebih bersih dan perkara ini juga bukan sahaja boleh dilakukan di Petaling Jaya tetapi seluruh Negeri Selangor, dan mungkin kita sasarkan untuk menaik taraf 25 pasar di seluruh Negeri Selangor tahun hadapan menggunakan rizab ini supaya penduduk di Negeri Selangor dapat melihat dengan mata mereka di hadapan mereka perubahan positif yang berlaku. Bukan sahaja perubahan yang berlaku di belakang *operasional changer* untuk *efficient improvement* tetapi mereka perlu lihat satu perubahan fizikal di hadapan mereka. Jadi saya harap cadangan-cadangan ini boleh ditimbangkan

oleh Kerajaan Negeri di mana perlu saya sedia untuk tampil ke hadapan untuk membantu Kerajaan Negeri membantu lebih lanjut cadangan-cadangan untuk memperincikan cadangan-cadangan ini supaya ia dapat dilaksanakan secepat mungkin. Sekian terima kasih

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Izinkan Sungai Panjang pada tengah hari ini mengambil bahagian dalam usul nombor 10 oleh Yang Berhormat Balakong. Secara terbuka Sungai Panjang menyokong usul ini tetapi namun ada beberapa perkara yang ingin Sungai Panjang bangkitkan. Rizab yang disebut dengan jumlah sangat besar itu apakah sebenarnya keperluan sebenar. Bangunan tidak semestinya bermaksud bangunan DUN Sungai Panjang melihat daripada aspek pendidikan. Dalam kajian kes Sungai Panjang ini kita ada 7 buah perpustakaan desa. 5 di bawah kawal selia Kerajaan Negeri dan 2 di bawah kawal selia kerajaan persekutuan. Dan 5 dan juga 2 juga ini jika dilihat dari aspek fizikalnya. Sebahagian besarnya itu adalah sangat uzur dan memerlukan juga pembangunan seperti yang paling minimum kemudahan hawa dingin. Sebab itu dalam agenda pendidikan Sungai Panjang kita sudah sampai masanya, kesemua perpustakaan ini dilengkapi dengan kemudahan *wifi* ataupun setidaknya inilah tempat untuk anak-anak di kampung balik dari sekolah untuk membuat kerja sekolah dan dapatlah mereka akhirnya membuat kerja sekolah dalam suasana aman dan juga nyaman. Contohnya perpustakaan desa di Pasir Panjang saya fikir di kalangan kelima-lima perpustakaan itu masih lagi dalam bangunan kayu dan saya fikir dalam keadaan status kita dalam sebuah negeri maju ini sesuatu yang mesti diambil kira dan diambil perhatian. Sebab kita melihat dalam usul ini memperlihatkan komuniti setempat, saya fikir isu pendidikan harus diberi keutamaan yang utama.

Yang kedua disebut tadi soal tahap membaiki tahap kebersihan. Di Sungai Panjang saya membuat inisiatif di dalam majlis permuafakatan Taman Bidor Sungai Panjang. Ada 33 buah taman sama ada kecil atau besar. Dan taman-taman ini tidak ada tempat mereka berkumpul dan kita juga sedia maklum dengan senario pada hari ini bukan mudah untuk memberikan sebidang tanah untuk mereka buat dewan serba guna dan sebagainya. Saya suka untuk mencadangkan taman-taman yang kecil ini juga diadakan kemudahan kabin sementara supaya jawatankuasa-jawatankuasa taman yang berjumlah 33 dalam kes di Sungai Panjang itu boleh mereka membuat aktiviti-aktiviti sosial untuk kelas tuisyen dan boleh digunakan untuk mereka mengadakan mesyuarat dan sebagainya. Begitu juga saya nak mengambil kira bas *smart* Selangor, 18 Januari kisah tragis yang berlaku di Sungai Panjang. Sorang adik bernama Ecah akhirnya kakinya putus kerana kemalangan dengan lori yang membawa tanah merah. Apakah isu yang ingin saya sampaikan. Isu yang ingin saya sampaikan ialah adik ini ingin ke sekolah dalam keadaan lebih daripada 19 kilometer. Tidak ada kemudahan awam, bas yang terakhir pada tahun 1996 dan saya melihat daripada satu aspek adik di peringkat awal ini tinggal di kawasan kampung belia dua

hanya ada 70 puluh rumah sahaja berulang alik. Bersetuju dengan Bas *smart* Selangor datang ke Sabak Bernam tetapi mengapakah isu ini tidak diambil kira, maksudnya jajaran ini. Jajaran yang majoriti anak-anak kita pergi ke sekolah diambil kira.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Panjang, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Tidak diambil kira dalam jajaran

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi tak bagi

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Silakan silakan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Bas *smart* Selangor ini Kerajaan Negeri untuk menampung kegagalan Kerajaan Pusat di Putrajaya. Sebenarnya pengangkutan awam adalah tugas asasi Kerajaan Persekutuan di Putrajaya kenapa tidak dibangkitkan di Parlimen. Sepatutnyalah Yang Berhormat sekarang menjadi Ahli Parlimen bangkitkanlah tempat forum yang sesuai desaklah Menteri baru untuk pengangkutan untuk bekalkan bas yang sepatutnya di Sabak Bernam.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Dah, kalau itulah jenis jawapan yang saya terima, mudah sangatlah saya nak menolak isu itu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat boleh jawab petang karang dan sambung petang nanti.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Baru nak...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1.00 petang. Saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Assalamualaikum* dan Selamat Petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Izinkan saya menyambung hujah-hujah sebelum saya membuat sedikit respons terhadap apa yang dikemukakan oleh Bukit Gasing berkaitan dengan tanggungjawab di antara Persekutuan dan juga Negeri dalam hal isu berkaitan dengan jajaran ini. Walaupun kita sedia maklum bahawa jajaran ini mungkin dicadangkan oleh pihak SPAD tetapi akhirnya juga Pihak Berkuasa Tempatan, Wakil Rakyat Tempatan ataupun mereka yang dilihat ada kepentingan daripada isu ini memberikan cadangan balas kerana apa berdasarkan pengamatan saya di Sungai Panjang terutama jajaran daripada Sekinchan bawa ke Sabak Bernam amat jarang sekali individu-individu menaiki bas tersebut. Walau bagaimanapun saya akan meneliti lagi isu ini selepas sahaja sidang saya pun teringin sama nak naik Bas *Smart* Selangor ini.

Tuan Speaker, saya juga suka untuk mencadangkan supaya jajaran ini diberikan penilaian semula sebab ada beberapa kawasan terutama di kawasan Sungai Panjang memang memerlukan kalau boleh saya sebutkan di dalam isu anak-anak yang mahu ke sekolah dan mereka yang pergi berurusan dengan pihak Pejabat Daerah Sabak Bernam dan sebagainya. Saya tidak ada berhasrat berucap berhujah panjang saya menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Balakong. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum* dan Selamat Sejahtera. Selat Klang ingin mengambil bahagian dalam Debat dalam menyokong Usul No. 10/2016 yang dibawa Bawah Peraturan Tetap 26 (1) yang dibawa oleh Balakong. Kerajaan Negeri memperuntukkan, Selat Klang menyokong desakan untuk Kerajaan Negeri memperuntukkan sebahagian daripada rizab negeri untuk tujuan menambah baik tahap kebersihan Negeri Selangor. Selat Klang mengesyorkan Kerajaan Negeri memperuntukkan dana yang cukup bagi memastikan segala keperluan peralatan seperti jentera yang berfungsi dengan baik, cukup kuantiti dan berkualiti supaya urusan kutipan sampah efisien dan efektif dan kalau boleh kita selain daripada *Smart* Selangor kita mahu juga *Smart* Urus Sampah *by* sampai 2017 sepatutnya isu sampah ini sudah bukan isu di Negeri Selangor. Saya berkongsilah sedikit pengalaman sebelum Hari Raya yang lepas di

mana masalah sampah ini menjadi satu krisis di Selat Klang. Mungkin tempat-tempat lain juga tapi di Selat Klang memang jelas ya. Malam Raya, pagi, petang, siang, malam dan sebagainya dan saya ambil maklum 1 hari bulan tujuh adalah masa untuk perubahan kontraktor yang sekarang diambil oleh anak syarikat Kerajaan Negeri sepenuhnya jadi masalah yang dihadapi oleh penduduk yang nak meraikan Hari Raya ketika itu memang telah meninggalkan satu kesan yang sangat-sangat negatif dan saya ambil maklum apa yang telah ditaklimatkan oleh KDEB West Management bersama dengan Majlis Perbandaran Klang, *insya-Allah* usaha untuk menambahbaikkan masalah ini, *insya-Allah* akan diberikan perhatian sepenuhnya tapi apa pun saya harapkan ini bukan lagi satu isu, tak cukup lori, tak cukup *compactor*, *communion* tak cukup, *listbin* tak cukup, pekerja tak cukup dan penduduk mungkin ada kerajaan, kerajaan mungkin *blaim* penduduk tidak meletakkan sampah di dalam tempat yang sepatutnya jadi semua ini saya mengharap Kerajaan Negeri memperuntukkan dana untuk selesaikan secara menyeluruh termasuk kalau boleh memberikan token kepada pemberi maklumat atau SB Sampah yang tukang suka buang sampah merata-rata, yang letak sampah pukal merata-rata bagikan sedikit token untuk pemberi maklumat dan penguatkuasaan yang berkesan. Jadi saya mengharap nanti *Insya-Allah* kalau lah dana untuk menyelesaikan isu sampah ini tidak mencukupi saya bersetuju sekiranya rizab Kerajaan Negeri juga digunakan untuk menyelesaikan masalah ini secara proaktif bukan reaktif, bukan dapat aduan baru selesai.

Yang keduanya, saya juga ingin melihat naik taraf kemudahan komuniti setempat seperti yang dibawa oleh Balakong. Kita mahu kemudahan awam, dewan orang ramai, padang bola, balai JKKK, segala yang diperlukan oleh penduduk di dalam negeri kita ini *user friendly* mencerminkan standard *Smart* Selangor. Kita mahu kos selenggara yang cukup terutama bagi bahagian asas seperti bumbung, lantai, tingkap, pintu, longkang, bilik air dan mencegah anai-anai, cat cukup luas dan selesa diletakkan penghawa dingin sebab tempat kita ini memang memerlukan kalau untuk selesa. Kalau apa letak kipas pencahayaan dan pengudaraan yang baik dan juga oleh kerana kita di Selangor lagi-lagi di pinggiran bandar ini di mana tanah adalah satu masalah. Tanah Kerajaan adalah satu masalah sekiranya ada satu projek untuk membenakan kemudahan awam ini seperti balai ke, dewan orang ramai, pusat latihan dan sebagainya dia mesti mengambil kira masa depan. So, kalau tanah tu tak cukup luas kena rancang untuk sekurang-kurangnya dua tingkat dan begitu juga masalah yang kita hadapi sejak 2008 yang kita belum lagi selesaikan secara memuaskan iaitu jalan isu, isu jalan, longkang di kampung yang dikatakan di lot persendirian bahkan ada penjawat awam, bahkan ada orang SUK sendiri yang tinggal di kampung tradisi di pinggiran bandar ini seperti di Selat Klang ini supaya Kerajaan Negeri mencari penyelesaian yang menyeluruh, *no excuse* dengan izin tidak ada alasan bahawa mereka di lot persendirian dan kalau tak ada cukup kita apa-apa kalau dulu ada Kementerian Luar Bandar yang menyelesaikan masalah ini sekarang mereka tidak *friendly* dengan kita. Siapa lagi yang nak menyelesaikan

kalau bukan Kerajaan Negeri. Sudah tentulah Kerajaan Negeri yang berwibawa seperti Selangor ini mesti ke depan. Mesti menjadi *roll model*.

Ketiga tentang belia, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Negeri Selangor yang telah dinobatkan sebagai Juara SUKMA. Jadi saya membawakan hasrat daripada belia ini di mana apabila mereka walaupun mereka gembira mereka akan rasa tertekan dan terkilang dengan semangat yang apa Selangor sudah menjadi juara ini apabila padang bola di tempat mereka sendiri tak boleh berapa nak dipakaikan. Tidak rata, lopak, macam apa kolam tadahan pula. Saya nak apakan kongsi di Selat Klang hanya satu saja padang bola. Padang bola itu boleh macam apa lah macam kolam tadahan bila hujan. Jadi saya mengharapkan *insya-Allah* Kerajaan Negeri memberikan sedikit apa untuk setiap DUN supaya penduduk khususnya belia ini diutamakan dengan tentang perpustakaan saya setuju dengan Sungai Panjang tentang perpustakaan di mana ia mencerminkan Selangor kita mahu melahirkan *society* atau *knowledge society* maka sudah tentulah *visibility*, infrastruktur yang cantik, yang baik dan ada kemudahan seperti hawa dingin juga perlu diambil kira oleh Kerajaan Negeri.

Seterusnya, isu Pangsapuri Kos Rendah yang menjadi mangsa Dasar Setinggalan Sifar 2005 Kerajaan Negeri Selangor ini adalah peninggalan yang kita warisi 2008 jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor dengan izin *take the bulls by the horn* untuk membetulkan keadaan penduduk daripada yang golongan pendapatan rendah yang terpaksa mengharungi hidup yang dibebani dengan hutang sekeliling pinggang. Apabila mereka dipaksa oleh Kerajaan Negeri sebelum ini rejim Barisan Nasional sebelum ini dengan terpaksa menduduki Pangsapuri Kos Rendah jadi saya mengesyorkan Kerajaan Negeri mengaudit secara keseluruhan supaya mendapatkan gambaran sebenarnya keadaan semasa rumah-rumah rakyat di dalam kategori ini. Kerajaan Negeri perlu memperuntukkan dana yang mencukupi dari rizab negeri untuk menganalisa, merancang dan melaksanakan pelan transformasi Pangsapuri Kos Rendah supaya semua penduduk di Selangor yang telah merasai pendekatan penyelesaian ala rejim BN sebelum 2008 ini boleh menikmati dengan izin *one and for all* penyelesaian sepadu, *integrated* dan sempurna ala *Smart Selangor* membumi *insya-Allah*. Kualiti hidup nafas baru. Jadi saya mengharapkan, *insya-Allah* Kerajaan Negeri beri fokus kepada isu ini dan saya yang di mana mereka yang berada di dalam kos pangsapuri kos rendah ini saya yakin dan percaya mereka ini menyumbang besar kepada kemiskinan bandar yang begitu membebankan dan pencapaian Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini adalah pencapaian yang sangat signifikan, *Insya-Allah*

Seterusnya tentang keselamatan saya ambil maklum di mana JKKK sebelum ini diberikan sedikit peralatan mungkin ada *walkie talkie* ketika menjalankan tugas tapi saya rasa ini tidak mencukupi. Saya nak minta kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji apa yang perlu biar dia *customize*. Saya rasa JKKK ini boleh mengemukakan apa yang mereka perlu untuk buat rondaan ke, untuk apa

memastikan setiap kampung mereka itu atau taman mereka itu mereka ada alat komunikasi seperti *walkie talkie* yang berfungsi, ada pencerahan, lampu yang bagus, mereka ada sistem untuk *relay* dengan izin maklumat terkini sekiranya ada kedapatan, ada gerakan yang tidak bagus dalam tempat mereka. Contohnya macam pengedar dadah, contohnya seperti apa pecah rumah seperti apa ni orang yang mengambil mungkin mengambil kesempatan menjadikan ada rumah yang ditinggal sebagai port dadah, jadi ini perlu dikajikan oleh Kerajaan Negeri secara menyeluruh dan saya rasa dia punya apa ni kos ini tak adalah besar sangat tapi ianya mesti dirancang dengan baik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sabak mahu mencelah Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Ok. Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok. Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya nak tanya pandangan Selat Klang tentang keselamatan sebab bila kita menyebut keselamatan, biasa kita berlegar dalam keselamatan kecurian keselamatan tapi satu perkara yang perlu kita lihat sekarang ini keselamatan dalam konteks yang jauh lebih bahaya daripada itu ialah pengaruh-pengaruh yang sangat dibimbangi pengaruh IS umpamanya, pengaruh DAISH umpamanya, pengaruh-pengaruh yang kita katakan merosakkan bukan sekadar satu sistem keselamatan tetapi juga pemikiran dan juga yang lebih jauh lebih besar daripada itu. Jadi apa pandangan Selat Klang kalau saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga perlu memperuntukkan daripada wang rizab itu untuk menyediakan pegawai N sekurang-kurangnya N41 Pegawai Agama di majlis-majlis PBT-PBT terutama sekali supaya dia dapat menilai, mengekang dan memberi nasihat supaya unsur-unsur ini tidak masuk dalam pegawai-pegawai Kerajaan terutama di PBT-PBT yang kita urus tadbir. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Sabak. Saya setuju, saya setuju di mana itu ancaman daripada IS dan sebagainya ini boleh memberikan satu impak yang begitu signifikan sekiranya kita tidak tangani dengan baik. Oleh sebab Negeri Selangor ini dikatakan mungkin 80% adalah di bawah Perbandaran maka saya bersetuju sekiranya Kerajaan Negeri mengkaji keperluan kita meletakkan Pegawai Agama sekurang-kurangnya N41 di PBT untuk memastikan PBT mencapai Maqasid Syariah memastikan ada unsur-unsur yang mungkin mempergunakan atau menyalahgunakan PBT untuk gejala-gejala yang tidak baik ini dimasuki, diserapkan ke dalam PBT ini jadi saya sangat setuju dan akhir sekali oleh kerana Kerajaan Negeri mempunyai harta yang mungkin dia agak dilema juga di mana sebenarnya SABK ada 23 SABK yang di bawah JAIS. Maknanya tanah, bangunannya semuanya adalah di bawah JAIS tetapi ADN-ADN daripada Pakatan ni tak boleh

masuk, tak boleh masuk sangat. Dan bangunan sekolah ini agak teruk sebenarnya, agak teruk ada mungkin dah dimakan anai-anai ada yang tidak diselang gara dengan baik. Jadi oleh kerana itu adalah harta yang sangat bernilai kepada Kerajaan Negeri saya meminta Kerajaan Negeri kalau yang apa tidak ada di dalam bajet kita sebelum ini menggunakan dan rizab kita ini menyelenggara. Nombor satunya mengapa kan dulu, mengauditkan apa yang berlaku selama ini yang kita tidak kita seolah-olah bukan, bukan harta kita tetapi kita yang punya. Menganalisis dan memperuntukkan dengan sebaik mungkin kos penyelenggaraan dan juga kalau boleh dengan itu, itu adalah cara bagaimana Kerajaan Negeri sendiri boleh masuk kepada SABK ini. Dan Kementerian Pendidikan perlu menghormati hak Kerajaan Negeri. Terima kasih, saya menyokong usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Timbalan Speaker. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar yang telah berjaya meningkatkan hasil negeri, hasil ketelusan dan ketelusan dalam mentadbir negeri berbanding di sebelah sana. RM42 bilion hilang tak tahu ke mana. Nak dibandingkan dengan Sarawak. Sarawak jauh lebih kaya tetapi tidak dapat dinikmati oleh rakyat di Negeri Sarawak. Tetapi di Negeri Selangor, hanya RM2.2 bilion bajet untuk rakyat hampir 6 juta. Kita boleh sediakan bas percuma. Terima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri kerana Shah Alam diliputi sebahagian besar dengan perkhidmatan bas percuma. Dan Batu Tiga jangan risau. Saya dikhabarkan bas percuma akan masuk ke Batu Tiga juga. Dan, itulah cangkir RM4 bilion tak banyak. Cuma ADN-ADN merasakan bahawa perlu diberikan sedikit keistimewaan dalam menentukan apakah prioriti di kawasan masing-masing? Di kawasan pinggir bandar ada masalah jalan-jalan yang telah pun dibina di tanah-tanah persendirian. Alasan daripada PBT ataupun alasan daripada Pejabat Daerah jalan-jalan ini di bawah tanah-tanah persendirian. Dan tak boleh digunakan peruntukan yang ada. Di bandar, masalah kawasan perumahan dengan GMB kawal. Alasan PBT, GMB bukan dalam kawasan kawalan Majlis Perbandaran. Jalan-jalan di kawasan GMB tak boleh *repair*. Nak *trim* pokok pun dia kata ini tugas GMB. Dan maklumlah GMB-GMB untuk *low cost flat* dan kos sederhana tidak punya dana yang cukup. Dana mereka cukup untuk mengawal kebersihan kawasan-kawasan pangsapuri tetapi tidak cukup untuk menguruskan keseluruhan kawasan perumahan ini. Apa nak buat, inilah kehidupan di bandar. Mungkin kawasan Sabak tidak merasakan begini sebab kawasannya luas. Tetapi di bandar kami hidup bertingkat-tingkat. Itulah kita minta supaya ada peruntukan diberi melalui ADN untuk menentukan program-program bagi memastikan bahawa kawasan-kawasan ini dapat dijaga dengan baik. Untuk menurap kawasan *parking* nya, jalannya, kawasan rumah sampahnya tidak teratur. Dan kalau kita melihat tong-tong sampahnya pun dah pecah. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri komited untuk memastikan Selangor yang *Smart*, yang bersih. Dan inilah gagasan kita supaya memastikan keadaan Selangor supaya lebih

bersih. Itu, saya setuju supaya ada peruntukan khas diberi kepada ADN-ADN untuk menentukan program-program di kawasan mereka. Kalau tak minta RM10 juta dapat RM5 juta pun cukup, tetapi cara pengagihannya. Saya dapat agensi pelaksana yang ada gagal ataupun tidak mampu untuk melaksanakan program-program ini. Ada *compliance* daripada ADN umpamanya dia kata JPS nak siap *design*, siap tender mahkamah bertahun-tahun tetapi rakyat susah kerana kawasan banjir. Saya mencadangkan supaya satu unit khas di bawah UPEN untuk mengendalikan program-program khas yang ADN kendalikan program ini supaya UPEN menjadi agensi pelaksana. Kalau di Kementerian dia ada ICU kerana JKR lambat sangat nak siapkan buat di ICU. Kalau JKR, PBT, JPS tak boleh laksanakan letak di bawah UPEN agar agensi ini boleh melaksanakan dan kita tentukan pelaksanaannya.

Keduanya, antara simbol yang sangat dibanggakan di Shah Alam adalah Stadium Shah Alam. Bila kita serahkan Kuala Lumpur Stadium Shah Alam lah ganti Stadium Negara. Tetapi persoalannya ialah MBSA kata itu Stadium Negeri patut peruntukan negeri. Negeri kata itu Shah Alam punya, Shah Alam kena jaga. Untuk mengendalikan stadium kosnya tinggi. Itu kalau boleh maknanya kerajaan kena bagi perhatianlah kepada Stadium Shah Alam kerana ini lambang kepada kita punya legasi bola sepak kita. Yang lain-lain ialah supaya diadakan kempen menjaga kebersihan secara besar-besaran di Negeri Selangor ini. Nampaknya tidak memadai hanya dengan apa ni usaha-usaha pihak kontraktor, kena masyarakat sendiri bersama-sama untuk menjaga kebersihan. Saya dapati anak-anak kita secara suka membuang sampah. Tidak ada satu program umpamanya lepas pertandingan bola sepak kita sama-sama kutip sampah di stadium. Kita serahkan kontraktor untuk bersihkan stadium. Macam itu kalau boleh ada program pendidikan memastikan kebersihan ini dapat dilaksanakan.

Satu lagi ialah soal *hardware* Negeri Selangor saya rasa kita agak selesai. Soalnya, soal manusia. Soal dia punya *software*. Dalam bajet kita, kita lihat kurang program-program untuk membina keinsanan ini. Dengan itu saya setuju supaya peruntukan diberi. Saya difahamkan Pegawai Kewangan Negeri sedang sibuk mengagihkan-agihkan peruntukan ini. Sat ni bulan Ogos, bulan September dah *final* bajet. Jadi bulan 10 dah siap. Jadi saya nampak Pegawai Kewangan Negeri dia ambil nota betul semua pandangan-pandangan ADN.

Satu lagi ialah, bila kita masuk sahaja ke Negeri Selangor, kita nak satu suasana landskap yang sangat menarik. Masuk je ke Bangi, terbayang keindahan landskap di Bangi. Masuk Shah Alam terbayang keindahan landskap di Shah Alam. Tetapi ini tidak nampak sangat di Negeri Selangor ini. Tak nampak. Jadi saya rasa pembangunan landskap, peruntukan untuk membina semula bandar-bandar yang kian usang ini perlu ditingkatkan. Tuan Speaker, itulah pandangan Kota Anggerik. Mudah-mudahan tak dapat semua, dapat separuh pun cukup. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan speaker. Seri Andalah nak ambil bahagian di dalam usul dibawa boleh Balakong dan sokong usul yang dibawa oleh beliau. Di sini saya nak bawa beberapa perkara penting yang kita kena bagi perhatian khususnya untuk bajet yang akan datang pada awal tahun ini. Saya pastikan bahawa kita ada satu sistem di mana kita nampakkan isu ini sebagai satu isu holistik dan bukan *peacemeal* yang kita nampak sekarang, buat sekarang. Kalau kita buat *peacemeas effects* kita akan tidak akan capai matlamatnya, akhirnya. So, sebab itu kita minta kerajaan Negeri Selangor untuk adakah satu jawatankuasa khas atas isu beberapa isu yang telah dibawa oleh ADN-ADN di dalam Dewan Undangan Negeri khususnya atas isu banjir, isu sampah, isu kualiti dan kuantiti analisis yang ada di dalam sistem sekarang. Dan sebab ini akan jadi lebih penting untuk kita atasi pada tahun yang akan datang. Janganlah kita belanja saja sebab diminta oleh ADN-ADN tetapi kita belanja untuk atasi masalah dan memang dengan slogan kita Selangor jadi satu negeri yang *Smart Selangor* pada akhirnya. So, isu ini yang saya bangkitkan tentang isu banjir ni. Saya nak bawa contoh saja sebagai di, kepada Dewan ni. Tahun lepas kita telah meluluskan bajet. Bila JPS kata tidak bajet, tidak bajet, tidak bajet Kerajaan Negeri Selangor telah luluskan satu bajet yang besar dekat RM80 juta lebih untuk atasi masalah banjir. Saya pun gembira, kita pun gembiralah atas bajet itu diluluskan. Tapi malangnya sampai sekarang, sampai hari inilah tidak ada satu program atau projek pun yang telah dilaksanakan di bawah, EXCO Zaidi dengar apa yang saya kita ini penting ya. Sebab 8 bulan dah sekarang masih di dalam perundingan kita tidak dapat satu jawapan yang tetap di mana dan bila akan mulakan projek-projek ini tetapi di dalam bulan yang 1 atau 2 tahun ini kita dapatkan 1 kertas kerja dari JPS yang menunjukkan beberapa projek telah pun di luluskan dengan kawasan-kawasan tertentu. Dengan perbelanjaan pun sudah ada dah di dalam kertas kerja itu. Tapi sampai sekarang, kita tak nampak satu projek pun yang langsung di bawah. Bila jadi banjir di dalam kawasan, bila bangkit oleh ADN-ADN sekarang, tergesa-gesa JPS dan Majlis dan semua tu ada mesyuarat dengan ADN-ADN untuk jawab soalan-soalan yang kita tanya. Soalan saya ialah apa SOP JPS untuk adakan satu projek? Takkan dia ambil 8 bulan sampai sekarang kita tunggu untuk kelulusan dari pakar-pakar perunding dan sebagainya. Sebab kita kena jawab orang di bawah. Fasal apa banjir sekali lagi? Tapi sampai sekarang kita tidak nampak jawapan. Dan kalau tidak ada Dewan saya ingat JPS pun tak panggil kita gesa-gesa dalam 2, 3 hari ini untuk jawab beberapa soalan. Sebab soalan semua dikemukakan oleh Ahli Dewan di dalam sini tentang isu itu. So EXCO kena ambil isu ini dengan seriusnya. Apa masalahnya di dalam JPS? Fasal apa kita tidak boleh atasi bila sudah pun di lulus perbelanjaan besar dan sampai sekarang kita tidak dapat? Saya telah tulis surat kepada JPS, kepada PBT katanya kita kena pro aktif. Kita tahu musim panas sudah lama dan lepas musim panas kita akan adakan elnino dan Lanina dan sebagainya. Banjir, *but we would not prepared for that*. Banjir dah, kawasan semua banjir. Berapa kali kita boleh jawab kepada penduduk bahawa kita akan atasi masalah, kita akan atasi masalah, kita dalam berunding, kita akan buat ini, kena buat itu. Itu bukan

jawabannya ya? So, saya ingat EXCO kena, kena jawab ya. Apa yang masalah dia? Kalau ada masalah, saya minta EXCO dan Dato' Seri Menteri Besar dalam perbelanjaan akan datang di dalam tahun depan kalau ada perbelanjaan besar itu, kalau JPS tidak boleh laku kerja dalam masa depan yang 6 bulan ataupun secepat mungkin ada satu jawatankuasa negeri yang boleh namakan Geran *Smart* Selangor ke apa ke dan kita boleh laksanakan tunjukkan kita boleh buat cepat. Tapi kalau ada holistik idea untuk atasi masalahnya dengan satu belanjaan besar kita kena dengar juga apa masalahnya? Dan macam mana kita boleh atasi masalah. So, saya minta ya kerjasama dari JPS, JKR khususnya dua-dua jawatan ini yang harusnya ADN-ADN tak dapat kerjasamalah saya boleh katakan. Untuk atasi masalah di bawah. Jangan tunggu sampai banjir lepas tu you nak buat sesuatu. Ini kena buat sebelum dan ada caranya. Tak ada, *this is not rocket science* untuk atasi masalah dia. *Storm water storage*, kerja *storm water storage* ini kita sudah tunggu lama, kita sudah bincang lama di dalam Dewan ini tentang *storm water storage*. Itu ialah dilaksanakan di beberapa kawasan dan tempat untuk atasi masalah banjir. Adakah kita cadangan untuk ada *storm project storm water storage* di beberapa kawasan di dalam Negeri Selangor? Kita boleh gunakan rizab yang kita kata untuk buat itu. *Because it could solve the problem once and for all*. Kalau kita ada *storm water storage system* di seluruh kawasan tak ada masalah dengan pembaziran air. So, ini saya ingat kita kena bagi perhatian untuk atasi masalah yang kita akan hadapi. So, dalam bajet untuk tahun depan, untuk belanja ni, saya mintalah kerajaan untuk teliti dan gunakan semua pakar-pakar yang ada ini. Boleh tanya ADN-ADN tempatan, dia pun tahu masalah mereka di dalam kawasan. Bagi prioriti untuk mereka atasi masalah. Kalau kita boleh bagi prioriti contohnya 4 ke-5 projek di dalam 1 kawasan untuk atasi kita bincang beritahu dengan Dato' Menteri Besar ataupun Pengarah UPEN atau Pegawai Kewangan untuk bantu kita untuk dapatkan dana untuk atasi masalah ini. Ini masalah rakyat bukan masalah kita diri sendiri. Untuk kita atasi masalah ini kita kena kerjasama kena faham isu di bawah. Dan dilaksanakan dengan sistem yang cepat, yang saya nampak dan boleh katakan akan selesai masalah. Erti *Smart* Selangor ini ialah satu-satu sistem yang katakan *smart* yang kita boleh guna tetapi kena ada *results* dia, di hujungnya. Jangan cakap-cakap saja. Sekarang saya nampak you sebelum ini 8 bulan belum ada *result consultancy result*. Lepas itu tender, lepas itu penilaian dia bila nak mula? Ya, tiap-tiap hari kita tahu cuaca tukar dan saya sekarang tengok cuaca hari-hari ini. *BBC wether report* itu saya *thrity, follow*. Saya tak tahu bila akan jadi sebab TV3 tak gunalah. BBC, BBC ini bukan BBC Selangor, ini *British Broadcasting Corporation* ya. Untuk, untuk tahu *detailnya* untuk adakan masalahnya. So, itulah satu yang saya nak bawa.

Lagi satu ialah kalau kita nak atasi masalah, *lets think out of the box*. Isu sampah di dalam Negeri Selangor ini memang isu. Dengan penduduk padatnya, dekat 6 juta orang yang duduk dalam 1 tempat yang, yang sudah dimajukan. Saya ingat kita kena *think out of the box* ya. Apa jadi *insinorator-insinorator* yang kita cadangkan untuk dibina? Apa jadi *wase to energy* punya, punya program yang kita kena ada? Saya ingat kita kena mulakan ya, kawasan-kawasan tertentu yang ada masalah

besar. Apa, *whats the best* sistem yang kita boleh gunakan di dalam kawasan-kawasan itu untuk atasi masalah? Kalau kita sekarang nak, nak, nak *rely* lagi kepada sistem-sistem yang lama itu saya nampak kita tidak akan selesai itu masalah ini yang kita hadapi. *So, we have to be brave* sebagai, sebagai *executive* di dalam Negeri Selangor *you* kena berani untuk buat sesuatu yang luar biasa. Dan kita kena, kena beritahu kepada penduduk-penduduk bahawa itulah sistem yang kita guna pakai, akan diguna pakai dan kena diguna pakai sekarang. Sebab ramai ADN di sini bagi contoh sebagai London dan Japan dan Sweden dan sebagainya untuk kita atasi masalah untuk ikuti apa yang telah, sedang digunakan di dalam kawasan-kawasan itu. Tetapi bukan sama ya?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Andalas, ingin mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Medan. Sila Kampung Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tahukah Andalas bahawa Yang Berhormat EXCO sudah pergi melihat contoh-contoh *insinerator* tersebut?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ingat, saya telah kata ini di dalam Dewan yang lepas. Jangan lagi pergi kepada kawasan luar negara untuk tengok *insinerator* dan sebagainya kalau *you* tak nak adakan sistem ini di, di negara kita lagi. *Waste of time, energy and money* ya untuk berbuat demikian. Tapi saya minta yang kita mesti berani untuk buat ataupun bawa perubahan jangan kita fikir lagi dengan yang sama lama-lama ini tetapi kena buat sesuatu untuk atasi masalah di bawah dengan kerjasama dengan eksekutif Negeri Selangor. Dan ini sahaja kita boleh lakukan ini sahaja dengan perbelanjaan saja. *No money, no talk* ya. Atau *put your money where your mouth taste* dia kata. *So*, kalau begitu saya ingat bukan saya katakan kita kena belanja keseluruhan *reserve* yang kita ada tetapi *smart idea is to* gunakan *reserve* itu tiap-tiap tahun untuk atasi masalah. Di mana kritikal kita gunakan *reserve* itu. Saya nak ucapkan tahniah, syabas dan tahniah kepada kerajaan juga sebab sistem, program kebajikan kita di dalam Negeri Selangor saya katakan is *one of the best* yang kita ada. Tak ada masalah dengan kebajikan. Dari 60 tahun sampai baru lahir dapat untung dari apa yang kita buat. Ya, itu, itu sudah pun saya ingat, itu *sudden extend* yang kita sudah nampak, sudah capai dah yang, yang, yang perbelanjaan itu. Dan sekarang saya dengar lagi satu program untuk *Jom Shopping* tu untuk warga emas akan dimulakan tak berapa lama lagi saya ucapkan ribuan terima kasihlah atas program itu juga ya. *So*, akhir katanya saya mintalah kerajaan untuk dalam bajet yang akan datang, kalau nak bagi dana, saya, saya katakan terima kasih. Tapi kalau nak bagi dana itu kepada agensi mana dana itu akan diberikan dan macam mana pelaksanaan program-program di bawah kod ataupun di mana dana itu akan diberikan? *We have a very short time* 20:17 ini *might be a very short time only* yang kita ada. Dalam masa itu, kegunaan dana kita dan perbelanjaan kita *maximise the use as fast as possible* yang kita boleh buat

sesuatu untuk kebaikan Selangor dan kita boleh katakan itulah cara *Smart* Selangor akan dibangunkan di dalam tahun yang akan datang. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Seri Andalas. Saya akan menyerahkan kepada kerajaan sebentar lagi. Saya bagi 2 lagi, saya bagi Teratai dulu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker membenarkan Teratai menyertai sesi perbahasan usul ini. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Teratai mementingkan ada 3 aspek yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Balakong dalam usul ini.

No. 1, adalah berkenaan dengan meningkatkan tahap kebersihan. Teratai tidak akan mengulangi apa yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan pada pagi ini. Teratai hanya ingin mengetengahkan berkenaan dengan permintaan Teratai supaya Kerajaan Selangor boleh meningkatkan pemasangan bilangan perangkap sampah di sepanjang sungai-sungai di Negeri Selangor. Teratai ingin mengetengahkan 1 isu yang, 1 insiden yang telah berlaku minggu yang lepas iaitu seorang budak telah jatuh ke dalam sungai yang berlaku di dalam kawasan DUN Lembah Jaya. Kemudian OPS untuk mencari budak itu didirikan di DUN Teratai tapi malangnya mayat budak itu hanya dapat dijumpai kawasan di Klang. Jadi saya dimaklumkan bahawa terdapat perangkap-perangkap sampah sepanjang sungai yang tidak mencukupi yang mana menyebabkan mayat seorang budak yang telah terjatuh ke dalam sungai boleh mengalir ke tempat yang begitu jauh. Perangkap sampah harus dipasangkan bukan sahaja untuk menyelamatkan seorang nyawa tetapi juga merupakan 1 perangkap yang cukup untuk kita mengelakkan sampah-sampah yang telah dibuang ke dalam sungai itu untuk mengalir ke dalam sungai ataupun ke laut yang sehingga mencemarkan air-air sungai di Negeri Selangor. Jadi saya berharap bahawa Kerajaan Selangor dapat menambahkan pemasangan bilangan perangkap sampah di semua sungai di Negeri Selangor. Teratai juga ingin mencadangkan bahawa berkenaan dengan insentif yang diberikan kepada penduduk-penduduk supaya kita dapat berusaha bekerjasama dengan penduduk untuk menangkap kutu sampah. Barangkali kita selalunya mendengar rungutan ataupun aduan bukan sahaja daripada penduduk tetapi juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan sistem kutipan sampah, berkenaan dengan sampah bertaburan di merata-rata tempat. Tapi bagi teratai, dengan izin *prevention is better than cure*. Jadi kita harus mencegah daripada ataupun mendidik penduduk-penduduk kita supaya tidak membuang sampah di merata-rata tempat. Jadi salah satu langkah yang Teratai rasa efisien adalah melalui dengan ops menangkap kutu sampah. Selain daripada itu, Teratai ingin juga menitikberatkan 1 elemen iaitu elemen keselamatan yang telah di, dibawa oleh Yang Berhormat Balakong. Isu khas keselamatan ini adalah sangat penting untuk menjaga nyawa dan hartanah rakyat Selangor sebagai satu kerajaan yang prihatin. Cerun yang selalu yang Teratai bangkitkan yang didapati di kawasan bukan saja di DUN Teratai tetapi di kawasan

yang lain juga. Cerun, kalau, bagi suatu kerajaan yang ingin membaiki ataupun menyelenggarakan cerun, ia memerlukan satu kos yang sangat tinggi. Jadi Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat memperuntukkan bajet yang secukupnya untuk bukan sahaja membaiki cerun tetapi juga menyelenggarakan cerun-cerun yang di Selangor ini supaya kejadian tanah runtuh dapat diminimumkan. Saya di faham, Teratai difahamkan bahawa pinjaman Negeri kepada MPAJ iaitu sebanyak RM10 juta telah diluluskan dan juga telah diguna pakai oleh MPAJ untuk menambah baik cerun di kawasan DUN Teratai ataupun di bawah kawasan MPAJ ini masih merupakan pinjaman negeri dalam rekod MPAJ. Teratai memang berharap supaya Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan macam mana menukarkan pinjaman negeri ini kepada sebagai satu geran kepada MPAJ yang mana membolehkan pihak PBT ataupun Kerajaan Negeri membaiki ataupun menyelenggarakan cerun-cerun di kawasan Teratai. Terdapat 1 insiden tanah runtuh sekali lagi berlaku di kawasan Mutiara Court yang mana walaupun tidak nyawa diragut tetapi hartanya, iaitu kenderaan penduduk telah rosak akibat daripada pasir ataupun batu-batu besar yang telah jatuh daripada bukit. Selain daripada itu, terdapat 1 insiden yang mana ibu dan budak terbaring ke kaki bukit di Jalan Bukit Permai di mana sekiranya Teratai rasa kita dapat memasang 1 *railing* yang baik dengan *spek* yang baik dan cukup tinggi dan panjang kemungkinan ia dapat menyelamatkan nyawa ibu dan anak tersebut walaupun insiden tersebut merupakan 1 kemalangan. Isu berkenaan dengan keselamatan juga selalunya berkaitan dengan lampu jalan. Jadi Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat bermula dengan inisiatif *light up the state*. *Light up the city and light up the state*. Iaitu memasang lampu-lampu jalan semua di kawasan bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar dengan menggunakan lampu led yang memang dapat menjimatkan kos. Walaupun kemungkinan pemasangan, kos pemasangan itu agak tinggi tetapi kos berikutan adalah jauh lebih rendah daripada lampu-lampu yang biasa. Teratai juga berharap bahawa Kerajaan Selangor dapat memberi peruntukan yang secukupnya sekiranya perlu seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Balakong menggunakan sebahagian daripada rizab Selangor bukan sahaja memasang CCTV tetapi juga memastikan CCTV dapat berfungsi dengan baik. Pernah berlaku 2 insiden di kawasan DUN Teratai di mana satunya adalah kemalangan yang satunya adalah merupakan pergaduhan. Kita ada CCTV tetapi apabila kita meminta dan tengok CCTV itu kita, kami telah dimaklumkan bahawa CCTV itu tidak sudah lama tidak berfungsi. Jadi sebagai Kerajaan Selangor yang selalunya mementingkan rakyat, kita haruslah menambahkan bilangan CCTV di Selangor untuk memastikan keselamatan penduduk dijaga dan pada masa yang sama bahawa CCTV yang dipasang itu boleh juga menangkap kutu sampah yang selalunya suka membuang sampah di merata-rata tempat. Maka Teratai tidak, walau pun Teratai telah menyediakan ucapan berkenaan dengan isu-isu lain jadi Teratai tidak berniat mengulangi lagi. Sekian Teratai menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Taman Medan juga bersetuju dengan usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Balakong. Ada Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebahagian daripada rizab negeri yang ada untuk tujuan-tujuan yang akan memberi kesan yang optimum kepada rakyat seluruh Negeri Selangor. Cadangan daripada Taman Medan untuk penggunaan rizab itu juga digunakan satu untuk memperbaiki paip-paip lama atau pun menggantikan paip-paip lama di seluruh Negeri Selangor khususnya di Petaling Jaya kerana terdapat banyak insiden gangguan bekalan air disebabkan paip lama yang selalu pecah itu yang pertamanya. Yang kedua Taman Medan juga ingin mencadangkan supaya peruntukan ini juga disalurkan kepada kos penyelenggaraan infrastruktur bagi rumah bertingkat ataupun pangsapuri kos rendah seperti mana yang sebelum ini dibangkitkan. Bahawa tidak ada peruntukan yang khusus untuk membantu pihak pengurusan bangunan flat kos rendah ini maka Taman Medan mohon supaya Kerajaan menyalurkan sebahagian daripada peruntukan. Sebahagian daripada rizab itu untuk peruntukan penyelenggaraan kemudahan tersebut. Yang ketiga Alhamdulillah pasukan daripada Negeri Selangor telah merangkul juara di dalam sukan SUKMA. Jadi rasanya tidaklah keterlaluan kalau kita lihat lebih banyak kemudahan-kemudahan sukan dibaik pulih dan juga diberi keutamaan. Oleh itu Taman Medan mohon supaya padang-padang bola yang sudah agak gondol ditanam semula ataupun dibaik pulih atau pun di naik taraf semula bagi rancakkan lagi sukan bola sepak ini. Dan juga gelanggang-gelanggang futsal yang sebelum ini sudah dibina mungkin elok ditambah baik dengan memasang bumbung dan yang akhir disebabkan ada rizab yang agak besar. Jadi mungkin adalah wajar bagi ADN-ADN menerima peruntukan tahunan yang ditambahkan sedikit. Mungkin jumlah satu juta itu jumlah yang agak wajar ya. Jadi itu sahaja jadi Taman Medan ingin menyokong usul daripada Y.B. Balakong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya kira ini yang terakhir, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan juga ingin turut serta dalam perbahasan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Balakong berkaitan dengan penggunaan rizab Kerajaan Negeri untuk tujuan keselamatan menaik taraf kemudahan komuniti setempat dan meningkatkan sistem keselamatan. Dalam konteks ini saya mendengar ada pandangan tersendiri di mana rizab Kerajaan Negeri ini walaupun sekarang ini kita dah oleh kerana kita cermat mengurus tadbir dengan tulus, kebertanggungjawaban, keupayaan maka rizab Kerajaan Negeri Selangor sekarang telah mencapai RM4.1 bilion. Ini satu kejayaan yang cukup cemerlang oleh Kerajaan Negeri Selangor walaupun begitu kita difahamkan, saya selalu difahamkan bahawa hanya sekitar RM1.2 bilion yang wang tunai boleh kita pergunakan maka dengan itu penggunaan itu harus kita mengambil berbagai-bagai kaedah untuk betul-betul sampai ke sasaran demi kepentingan rakyat. Dan saya nampak dalam konteks ini penggunaan ini perlu untuk kita menambah, mempergiatkan pembangunan dan saya nampak juga di banyak PBT-

PBT yang besar seperti di MPPJ, seperti di Majlis Bandar raya Shah Alam. Mereka ini mempunyai rizab yang besar seperti di Shah Alam sehingga 30 Jun 2016 mereka punya hampir lebih RM700 juta rizab yang ada. Pada masa yang sama mereka mempunyai tunai lebih kurang RM362 juta, ini besar RM362 juta lebih besar daripada bajet Negeri Perlis dan Negeri Sembilan lebih besar. Ini satu kejayaan di mana Negeri Selangor begitu kuat daripada segi, begitu hebat dalam pengurusan kewangan. Maka PBT-PBT seperti ini saya cadangkan boleh mempergunakan lebih banyak rizabnya, tunainya untuk saya nampak saya cadangkan supaya buat dewan. Tahun depan 30 dewan untuk Majlis Bandar raya, sepuluh dewanlah untuk Majlis Bandar raya Shah Alam, sepuluh untuk Subang ataupun MPPJ. Ini satu kaedah yang boleh diguna pakai tetapi bagi PBT seperti Majlis Daerah Sabak Bernam kita menghadapi kekangan kewangan di mana Sekinchan khususnya Sungai Panjang di Sabak kawasan pertanian, hasil pertanian ataupun jelapang padi untuk Negeri Selangor. Bekalan keselamatan untuk negara tetapi hasil untuk dikutip untuk PBT itu amat kurang dan setiap tahun tidak dapat menampung kos-kos operasinya selalunya deposit. Maka dengan itu saya ingin meminta khususnya kerana setahu saya di Majlis Daerah Sabak Bernam sampai sekarang pun mereka masih berhutang, hutang apa. Hutang duit untuk pengendalian sisa pepejal yang dulu zaman Alam Flora masih ada dalam sekitar RM7 juta, lebih kurang RM7 juta masih hutang kepada Kerajaan Negeri tidak dapat dibayar. Sekarang bayar sedikit demi sedikit, saya mengesyorkan agar pihak Kerajaan Negeri melangsaikan atau melupuskan atau menghapus kiralah hutang-hutang seperti inilah khususnya bagi Majlis Daerah Sabak Bernam di asnaflah. Cukup mereka kekurangan wang, saya minta sebagai ADUN Sekinchan minta kadang-kadang projek menaik taraf kawasan gerai-gerai penjaja lebih kurang RM40 ribu dan sebagainya. Mereka pun menunggu dan tiada bajet kerana apa kos operasi tidak mencukupi, ini kita faham. Maka dengan itu hutang tunggakan seperti itu saya minta Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan supaya dihapus kira dan pada masa yang sama ada peruntukan khas bajet tahun hadapan belanjawan tahun hadapan untuk PBT seperti Majlis Daerah Sabak Bernam ini yang kekurangan kewangan dapat diberi geran tambahan. Geran khas supaya dana tersebut dapat dibuat untuk seperti di Sekinchan kita dapat menaik taraf balai raya ataupun Dewan Sri Sekinchan. Sebelum ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pernah ke Dewan Sri Sekinchan, dewan orang ramai tetapi sudah lama agak uzur, agak usang dan tidak ada "aircond" dan keadaannya agak panas. Apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar datang menyampaikan program jabatan berpeluh tubuh. Ini masalah yang berlaku dan sempit, kalau boleh diperbesarkan, tandas besar tapi dewannya kecil. Inilah antara contohlah kita perlu memperkasakan kemudahan komuniti setempat. Inilah antara sasaran yang saya sasarkan untuk Dewan Sri Sekinchan pada masa yang sama seperti apa yang menggembar-gemburkan oleh pembangkang daripada Sungai Panjang. Saya nak tahu tadi dia kata Kerajaan Negeri dari segi nak mempertikaikan, nak mempersoalkan soal pengangkutan awam. Sebenarnya Tuan Timbalan Speaker soal pengangkutan awam ini adalah tanggungjawab kementerian di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat jadi SPAD sepatutnya mereka kena

memikirkan bagaimana untuk menyediakan bas berbayar pun tak apa kepada penduduk-penduduk di seluruh Selangor dan Malaysia, ini tanggungjawabnya. Tapi mereka ternyata gagal menyediakan perkhidmatan sedemikian. Biarkan kepada syarikat swasta perlukan komersial dan syarikat swasta perlukan keuntungan, kalau tidak ada keuntungan penumpang agak kurang mereka bangkut dengan izin bankrap. Sekinchan sahaja Sungai Besar, Sabak Bernam sudah lebih 4 tahun sebelum ini tidak mempunyai perkhidmatan bas awam. SPAD dulu ada Menteri, Timbalan Menteri di Sungai Besar sebelum ini ada juga gagal bersuara di Parlimen. “*Cakap jawa*” dengan izin tidak cakap apa-apa pun sekarang ada baru Sungai Panjang, saya ucap tahniahlah tapi saya harap dia boleh bersuara betul-betul di Parlimen kalau tidak boleh bersuara tak payahlah, jangan nak jadi jaguh kampung sahaja. Hari ini saya nak beritahu ya saya nak beritahu bahawa soal pengangkutan awam lebih ke depan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Sungai Panjang mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Panjang minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, ok saya bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila, Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Kenyataan Sekinchan macam dia EXCO tapi biarlah EXCO yang jawab, jadi saya minta pandangan daripada EXCO yang dijawab pun sama juga banyak fakta yang tidak betul. Pengangkutan awam dah lebih 8 tahun bukan 4 tahun, itu sebab Sekinchan jarang balik kawasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sungai Panjang pun baru bagi fakta pun salah, tak apalah kita tak nak pertikai soal perkara itu tapi yang pentingnya perkara ini kita ternyata dalam konteks ini SPAD dan Kerajaan Persekutuan dia gagal, gagal dalam konteks menyediakan perkhidmatan awam. Selangor kita bantu bas percuma “*SMART Selangor*” sekarang sudah bulan 5 dilancarkan, sekarang sudah ada dua bas daripada Sabak Bernam sampai Sungai Besar sampai Sekinchan. Setiap pagi pukul enam sampai pukul sembilan malam mana nak cari satu jam satu kali, sekarang saya nampak ramai orang kampung naik bas anak bini satu dua pun semua sekali naik bas, adakala tujuh lapan orang naik, saya tengok sendiri naik bas dan ada penduduk Cina yang mereka naik bas tak pernah, selalu mereka naik teksi kerana teksi sapu tiada bas nak bayar duit kepada *driver* untuk ongkos untuk bas, *driver* tidak terima. Dia tanya saya kenapa ini *driver* tidak nak terima duit ini, dia tidak tahu bahawa Selangor ini prihatin, peduli rakyat, kita bagi bas percuma tidak perlu bayar ini berlaku di Selangor. Negeri lain boleh buat Negeri Sembilan, Melaka sampai kiamatlah belum tentu lagi. Lagi saya nak beritahu ini perbezaan antara Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan dan baru-baru ini saya nak beritahu kepada dewan yang mulia ini Pilihan raya Kecil Sungai Besar gempak gempita

heboh Yang Berhormat Sungai Panjang ini nak bagi macam-macam pembangunan, bila Sekinchan datang *complain* pasar Sekinchan uzur, usang, gerainya lama dan sebagainya semua dia nak tolong. Sekarang kita tengah semak satu persatu janji-janji manismu Siti Aishah ya di mana janji-janji manismu. Saya nak semak satu persatu tengok macam mana dia nak buat. Tak apa kalau dia boleh buat, boleh bagi kita secara terbuka Kerajaan Negeri tidak ada masalah kita sama-sama kita bantu rakyat tapi kalau janji tinggal janji, janji jadi capati siap kita tengok kita akan beritahu pada rakyat. Ini dia bukan senang kita nak bagi janji kena buat bukan janji sahaja. Misal kata pasar awam di Sekinchan dua buah gerai penjajanya agak uzur lebih 30 tahun, bocor dan sebagainya. Ini perkara ini majlis maklum minta peruntukan ada 400,000.00 lebih untuk menaik taraf, untuk memperbaiki. Mereka datang kita nak bagi 2 juta, oh hebat, duit banyak tak apa bagi sebab ada hero Selangornya sekarang. Hero Muda Selangorlah, ada hero Selangor jadi menteri, jadi hero tak apa. Ini surat khabar lama ini yang kitar semula nak jadi hero tak apa. Minta peruntukan itu kena sampai saya tengah mengawasi, memantau sama ada duit 2 juta ini boleh sampai, kalau sampai kita ucapkan terima kasih. Kalau janji kosong kita tunggulah ini antara perkara yang nak saya bangkitkan dan pada masa yang sama juga saya nak sentuh sedikit tentang sampah. Saya nampak dalam surat khabar Selangor selalu pembangkang memainkan isu bahawa Selangor ini sampah sini sana. Ya memang isu sampah ini kita bertungkus-lumus, ya saya nampak kerajaan bertungkus-lumus untuk menyelesaikan masalah kutipan sampah dan sebagainya. Kita perlu lebih komited, lebih fokus, lebih komited caranya bagaimana kita nak selesaikan. Saya nak bagi satu cadangan supaya kawasan-kawasan yang hos port di mana sampah di kawasan itu telah terlalu banyak ulat sampah. Suka buang sampah kalau satu hari tak ambil pun sampah di situ tak kutip sampah tetap berlonggok ambil sahaja pagi pukul tiga dah berlonggok. kalau kawasan yang kritikal macam itu saya minta PBT ambil maklum bersihkan, kutip tiap-tiap hari jangan dua hari sekali tiap-tiap hari. Tapi bukan semua kawasan hanya kawasan yang kritikal ya yang kita kenal pasti sebagai *hotspot* kita tambah sekali lagi. Ya bukan dua hari sekali bukan tiga hari ya sekali tapi tiap-tiap hari tambah sedikit peruntukan. Saya yakin di bawah PMC di bawah pengendalian KEDB Kerajaan Negeri lambat laun dia akan dapat mengatasi masalah seperti ini. Pokoknya asasnya ialah kerajaan harus bagi sedikit tambahan peruntukan supaya KEDB dapat mengenal pasti dan meningkatkan perkhidmatan. Saya yakin perkara ini boleh selesai dan sekarang hero Selangor Menteri yang baru dari Tanjung Karang sekarang bukan main sombong dan sebagainya bilanganya apa Selangor banyak sampah negeri sampah macam-macam dia tuduh. Tapi saya hendak beritahu sampah kita akan selesai. Selangor akan selesaikan sampah tiada masalah boleh selesai tapi yang pentingnya. Saya hendak beritahu Menteri dari Tanjung Karang itu selesaikan sampah yang lebih busuk lebih daripada sampah di Putrajaya. Skandal dah raksasa itu lebih busuk daripada sampah kerana menyebabkan nama Malaysia rosak busuk di antero dunia. Ya ini kena bersihkan dulu di Putrajaya. Ya dan saya rasa sedikitlah ya maklumat yang hendak saya sampaikan khususnya untuk usul tersebut. Saya tambah satu lagi kita juga minta tambahan peruntukan setiap DUN tahun hadapan RM3 juta untuk

apa? Dana khas untuk infrastruktur pembangunan. Infrastruktur RM3 juta untuk apa dana khas untuk setiap DUN dan yang pentingnya sebab setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah besar MARRIS RM3 juta kita memang suka tiap-tiap hari buat jalan bukan pilihanraya baru buat jalan. Sekarang oleh kerana tempias pilihanraya Sg. Besar ini bahagian Sekinchan Lorong 1, Lorong 5 dan Lorong 12 BN nak buat Barisan nak buat jalan saya ucapkan *syukur alhamdulillah* bertahun-tahun mereka tak nak buat sekarang oleh kerana tempias pilihanraya janji ianya kena langsaikan, tunaikan janjinya nak buat ok. Tapi Kerajaan Negeri setiap tahun buat jalan memandangkan peruntukan MARRIS ini ada kekangan tertentu. Garis panduannya ada jalan kampung dan sebagainya yang satu kilometer dua kilometer jalan baru mereka tidak boleh buat. Tiada ada peruntukan itu disalurkan duit ada tak boleh salur maka saya harap tabung khas pembangunan infrastruktur ini RM3 juta ini tahun hadapan dapat diwujudkan dan DUN dapat senaraikan. Senaraikan tajuk-tajuk jambatan kecil ya buat jalan kampung dan sebagainya dapat kita buat. Dan kita pastikan pada tahun hadapan seluruh Selangor pembangunannya begitu rancang. Jalannya kampungnya semua ditingkatkan. Inilah Selangor *Smart* Selangor yang begitu *smart* dan peduli rakyat. Saya harap perkara ini dapat diambil maklum ya dan birokrasi ya kerenah birokrasi yang hendak saya sentuh dalam Dewan yang mulia ini. Kita tahu kalau kita banyak sangat projek bagi salurkan kepada Majlis ataupun Pejabat Tanah sekarang mereka pun tak ada masa pula. Oleh kerana peruntukan terlalu banyak jadi kita minta ada satu *MARRIS* baru di mana MBI ya MBI diberi peranan dalam konteks dana khas RM3 juta ini. Mungkin MBI dapat mengurangkan banyak kerenah birokrasi supaya pembangunan itu dapat sampai ke sasaran dan rakyat akan dapat menerima manfaat. Inilah oleh itu saya menyokong penuh usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Sekinchan. Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ada penjelasan. Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. Pertama sekali saya bagi pihak kerajaan merakamkan dan penghargaan terima kasih kepada Y.B. Balakong yang telah membawa usul ini dan oleh kerana usul Yang Berhormat maka ianya telah mengundang banyak perbahasan daripada pagi sampai ke petang dan seolah-olahnya kita berada di sesi perbahasan Belanjawan Negeri bukan *midterm review*. Walau bagaimanapun, saya melihat satu perkembangan yang positif dalam perbahasan pada hari ini di mana hampir ke semua Ahli Dewan Negeri telah membahaskan sebahagian daripada rizab itu dapat dibelanjakan dalam bentuk pembangunan dan tidak ada seorang pun Ahli Dewan Negeri yang meminta Kerajaan Negeri untuk menaikkan elaun ataupun menaikkan gaji ataupun melakukan belanja mengurus. Ini satu perkembangan yang baik sama ada di sebelah kerajaan mahupun di sebelah Barisan Nasional yang cukup matang dalam memastikan perbelanjaan rizab ini dapat ditumpukan dalam bentuk pembangunan. Maka saya mengambil maklum ke semua cadangan-cadangan ini dan saya berharap Ketua-ketua Jabatan dapat mengambil nota perbahasan yang telah berlaku di sepanjang

hari ini supaya ianya menjadi satu maklum balas daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri dalam membantu Kerajaan Negeri untuk menggubal perbelanjaan bagi tahun 2017. Kita tidak akan mengadakan belanja perlembagaan tambahan dalam masa terdekat ini kerana itu juga adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk tidak mengadakan belanjawan tambahan. Cuma sebagai reaksi awal kerana saya tidak akan pergi secara perinci perkara-perkara yang dibahaskan kerana ini saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang baik untuk membantu membangunkan Negeri Selangor. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara supaya tidak menyulitkan kefahaman khususnya di kalangan rakyat.

Sementara saudara Ahli-Ahli Yang Berhormat mencadangkan untuk membelanjakan sebahagian daripada rizab ini untuk tujuan pembangunan perkara ini telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri semenjak akhir tahun 2014 sehinggalah ke hari ini. Pada tahun 2015 kita mengambil pendekatan yang agar berani untuk mengurangkan belanja mengurus 53% dan meningkatkan Belanja Pembangunan kepada 47%. Pada ketika itu banyak pihak yang mengkritik pendirian yang diambil oleh Kerajaan Negeri kerana mereka tidak yakin kita dapat melaksanakan. Kerana apa yang berlaku Peringkat Persekutuan ialah belanja mengurus meningkat kepada 82% dan perbelanjaan pembangunan hanya pada 18%. Tidak ada negeri dalam Negara ini yang berani mengambil satu pendirian mengurangkan belanja mengurus. Dan pada tahun 2016 kita mengambil langkah yang lebih berani serta setelah kita berjaya pada tahun 2015. Dengan meningkatkan Belanja Pembangunan kepada 50% dan terus mengurangkan belanja mengurus kepada 50%. Inilah kali pertama komitmen Kerajaan Negeri untuk membuktikan bahawa rizab ini mesti diterjemahkan dalam bentuk pembangunan.

Perkara kedua yang kita juga berjaya semenjak tiga tahun yang lalu ialah untuk tidak mengadakan belanja belanjawan tambahan kerana seperti yang saya tegaskan di awal dulu belanjawan tambahan ini bukanlah satu amalan yang baik walaupun dibenarkan tetapi ianya hanya perlu diadakan sekiranya berlaku sebarang bentuk malapetaka ataupun perkara-perkara mendesak. Namun dalam merencanakan belanjawan tahunan sepatutnya tidak berlaku belanjawan tambahan kerana itu memberikan gambaran unjuran yang dibuat tidak tepat dan mengurus kewangan yang tidak berhemah. Dan *alhamdulillah* sehingga ke hari ini kita tidak mengemukakan belanjawan tambahan sebab itu saya nyatakan sebarang cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan ini boleh kita pertimbangkan dan belanjawan tahun 2017. Saya juga ingin berkongsi dengan Dewan ini bahawa ramai juga yang menyentuh soal rizab di Pihak Berkuasa Tempatan. Saya hendak tegaskan bahawa saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa rizab di peringkat PBT ya dia ada kumpulan wang yang tersendiri di bawah majlis berkenaan ianya tidak rizab PBT tidak termasuk dalam wang yang disatukan dan di peringkat negeri sebab itu lah apabila Y.B. Hulu Klang mencadangkan supaya sama ada boleh diadakan sinergi di antara Pihak Berkuasa Negeri dengan Pihak Kuasa Tempatan dan dalam membincangkan cadangan tersebut kita harus melihat

apakah ianya akan melanggar prinsip *foment* yang diamalkan dalam sistem perundangan kita pada hari ini. Mungkin dalam bentuk pentadbiran ianya boleh dilaksanakan tetapi dalam menjunjung perlembagaan yang menzahirkan konsep *three tier government* ini iaitu peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kita harus melihat tentang kuasa dan perundangan penggunaan dana di peringkat yang berkenaan. Sebab itu di peringkat persekutuan kita ada punca kuasanya dan perundangan yang ditetapkan di peringkat negeri juga ada punca kuasa dan juga perundangan yang ditetapkan dan di peringkat PBT ada prosedur yang patut dipatuhi. Namun yang boleh kita mencadangkan kepada PBT hari ini ialah mungkin sebahagian peratusan daripada belanjawan bagi PBT berkenaan harus diserahkan kepada *stateholder* ataupun pembayar cukai BPT berkenaan untuk mencadangkan bagaimana bentuk belanjawan ataupun dalam bentuk sistem demokrasi hari ini yang disebut sebagai pasti *participatory budgeting* di mana pembayar cukai di bawah PBT berkenaan boleh mencadangkan bagaimana sejumlah wang dapat dibelanjakan untuk pembangunan di kawasan PBT berkenaan. Ini juga satu cadangan yang baik yang memberi peluang kepada pembayar-pembayar cukai yang terlibat secara langsung. Perkara tersebut yang hendak saya kongsi juga ialah tentang ada PBT yang tidaklah sekukuh PBT yang lain bukan semua PBT mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh tidak boleh dibandingkan dengan satu PBT Sabak Bernam dengan Petaling Jaya dan Shah Alam dan juga Subang Jaya juga Ampang Jaya. Namun untuk menyatakan tidak ada bantuan yang diberikan kepada oleh Kerajaan Negeri kepada PBT itu juga satu kenyataan yang tidak tepat. Y.B. Sekinchan ada membangkitkan bahawa Majlis Daerah Sabak Bernam terpaksa menanggung hutang yang begitu lama akibat urusan sisa pepejal ini. Untuk makluman Y.B. Sekinchan Kerajaan Negeri yang perlu rakyat ini telah pun menghapuskan hutang tersebut terhadap Majlis Daerah Sabar Bernam. Kita juga di peringkat negeri telah memberi bantuan sumbangan kewangan kepada PBT khususnya PBT yang tidak mempunyai kedudukan yang kukuh sebagai contoh Bas Percuma itu bantuan daripada Kerajaan Negeri yang mampu menanggung Bas Percuma hanya Majlis Bandaraya Petaling Jaya kerana kedudukan yang kukuh itu pun Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membelanjakan RM6 juta bagi tahun ini untuk maksud yang berkenaan. Bagi PBT yang lain Kerajaan Negeri terpaksa membiayai perkhidmatan Bas Percuma yang kita siapkan. Begitu juga dengan peruntukkan MARRIS itu juga disalurkan daripada Kerajaan Negeri program penghapusan denggi, pembangunan kampung baru, tong sampah dan juga infra pelancongan di kawasan-kawasan PBT yang berkenaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Maka saya hendak sebut di sini sementara rizab kita di peringkat negeri ini kukuh namun kita juga mengambil kira kedudukan kewangan di PBT-PBT yang ada supaya pembangunan di Negeri Selangor ini lebih merata tidak tertumpu hanya di perbandaran ataupun di Bandaraya juga sampai ke daerah-daerah yang lain. Saya juga telah mengambil beberapa insentif untuk mencadangkan baru-baru ini kepada pihak UPEN supaya memulakan inventori yang dicadangkan oleh Y.B. Damansara Utama berapa Balai Raya, berapa Dewan Orang Ramai, berapa naik taraf dan baiki. Saya sendiri telah memaklumkan kepada pihak UPEN supaya setiap

daerah dapat mengemukakan senarai Balai Raya di kampung-kampung baru, di kampung tradisi yang memerlukan naik taraf dan kita boleh siapkan satu peruntukan pada tahun 2017 bagi maksud berkenaan. Manakala di peringkat PBT kita minta supaya PBT mengemukakan inventori dewan orang ramai yang juga perlu dinaiktaraf bagi kepentingan rakyat di kawasan yang berkenaan. Jadi perkara ini merupakan satu perkara *on going process* yang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri. Namun ada juga *restriction* atau kekangan seperti yang dicadangkan Balai Polis, Balai Bomba. Saya kira kita tak mampu nak buat semua, ada batasannya. Kalau nak tunggu kita buat semua sekolah, hospital, balai bomba, tak lama lagi la, *Insyallah* tahun depan kita sampai ke Putrajaya dan kita boleh selesai semua masalah ini.

Yang kedua kita juga harus ingat Menteri yang baru dilantik KPKT ni dari Negeri Selangor tapi kalau Menteri yang dilantik dari Negeri Selangor tak dapat mempertahankan kepentingan rakyat Selangor saya ingat beliau harus meletakkan jawatan dan tidak perlu berada di situ, ya. Saya beri contoh baru-baru ini apabila Kerajaan Persekutuan nak mencadangkan pembangunan wilayah ataupun disebut konurbasi dan kita ada rundingan di peringkat negeri dengan pihak kementerian beberapa bulan yang lalu. Mereka mencadangkan ada konurbasi utara, konurbasi timur, barat, selatan tetapi bila sampai ke Selangor dia tidak mahu menggunakan istilah Selangor, dia guna konurbasi Kuala Lumpur. Maka sudah tentu lah kita bantah kerana 80% daripada komponen pembangunan di dalam konurbasi tersebut duduk dalam negeri Selangor. Apabila Majlis Fizikal Negara diadakan minggu lepas yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, saya lihat kertas yang dibentangkan masih menggunakan istilah Konurbasi Kuala Lumpur Nasional. Jadi saya bantah, saya kata kalau tak mahu guna istilah Selangor pun sekurang-kurangnya Konurbasi Lembah Klang. Sebelum ini kita lihat identiti Selangor hilang di KLIA. Sepatutnya gunalah istilah *Kuala Lumpur Sepang International Airport*. Tapi Yang Berhormat Dengkil tidak mempertahankan nama tersebut. Kalau kita lihat di Eropah, dia tak kat *London International Airport*, dia masih mempertahankan nama *Heathrow, London Heathrow International Airport*. Sepatutnya Yang Berhormat Dengkil, yang baik dengan Perdana Menteri, ya sahabat karib dan juga baik dengan isteri Perdana Menteri mencadangkan namanya *Kuala Lumpur Sepang International Airport*, adalah identiti Selangor tapi wakil rakyat UMNO tidak pertahankan kedaulatan Negeri Selangor. Saya yang terpaksa bahas dalam Majlis Fizikal Negara, depan Perdana Menteri saya kata, Perdana Menteri kami dah bantah, gunalah nama Konurbasi Selangor atau sekurang-kurangnya Konurbasi Lembah Klang dan saya sebut dan Perdana Menteri telah melantik seorang Menteri daripada Selangor tetapi tidak mempertahankan kepentingan Selangor. Akhirnya Perdana Menteri buat kali pertama tunduk dan bersetuju dengan nama itu ditukar kepada Konurbasi Lembah Kelang. Tapi yang pertahankan siapa? Kami. UMNO tak pertahankan kedaulatan rakyat Negeri Selangor. Jadi orang Selangor kena tahu perkara-perkara ini. Jadi berbalik kepada tadi kita setuju untuk memberikan peruntukan dalam bentuk pembangunan dan sebenarnya dalam beberapa perkara besar telah pun kita telah beri, setelah kita dengar perbahasan dalam Dewan Negeri, kita dengar Penyata-penyata, kan banyak

Penyata dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri, macam-macam Penyata ada, Penyata Air, Penyata Sampah, macam-macam, Penyata Denggi, kita ambil maklum dan antara perkara besar yang kita gunakan ialah kita bangunkan loji rawatan air yang menelan kos RM800 juta untuk kepentingan rakyat di negeri Selangor. Soal saya nak rumuskan dua perkara, satu soal sampah dan satu soal banjir. Cuma saya terpaksa menegaskan perkara ini dalam Dewan ini sementara saya faham Ahli-ahli Yang Berhormat ini memang pakar pembahas ya, boleh berpetah dengan baik, dengan hebat tetapi adalah sedikit nota sebagai panduan perbahasan. Kalau tidak ianya akan terbabas dan akan menyinggung banyak pihak yang tidak membantu dalam usaha kita untuk membangunkan. Saya dengar ada pihak yang menyatakan pegawai-pegawai kerajaan tidak memberikan kerjasama, pegawai-pegawai kerajaan terpaksa tergesa-gesa memanggil taklimat dan bertemu dengan Wakil Rakyat kerana takut Sidang Dewan akan bermula. Saya kira perkara-perkara ini tidak perlu sekiranya ada isu yang perlu kita bawa, bentangkan secara sopan, berfakta yang boleh kita bahaskan. Sebagai contoh apabila diserang JPS, saya bukan nak mempertahankan JPS atau pegawai-pegawai JPS tetapi untuk melontarkan tuduhan bahawa setelah lapan bulan tidak ada sebarang tindakan yang dibuat saya kira itu keterlaluan. Saya boleh beri fakta sebab semenjak saya mengambil alih hujung tahun 2014 apa perdebatan di antara JPS dan pihak Kerajaan Negeri dan juga dewan ketika itu kerana tidak ada satu dasar yang jelas siapa yang sewajarnya dan bertanggungjawab menguruskan kolam-kolam takungan. Ada pihak kata PBT, ada pihak kata JPS. Bertahun-tahun perkara ini tidak diselesaikan sehingga itu lah menjadi punca banjir kilat di dalam Negeri Selangor dan banyak kolam takungan tidak diselenggarakan kerana tidak ada pihak yang mahu mengambil tanggungjawab ini. Maka sekali lagi pada ketika itu kita mengambil ketetapan supaya JPS diberikan tanggungjawab untuk menyenggara kolam-kolam takungan dan juga membaiki kolam-kolam takungan. Semenjak 2014, 15 projek telah siap di daerah Klang dengan kos sebanyak RM19.16 juta. Sekarang ada 17 projek dengan pelaksanaan dengan kos RM103.9 juta yang dijangka siap pada tahun 2017. Pada tahun 2016 4 tender telah dianugerahkan kepada kontraktor yang bernilai RM55 juta. Secara khusus projek tebatan banjir Sungai Kandis dan projek tebatan banjir Hamzah Alang, Meru yang bernilai RM37 juta. Jadi projek-projek ini sedang berjalan tak mungkin projek ini boleh diselesaikan dalam tempoh satu atau 2 bulan tetapi yang penting keputusan telah dibuat dana telah diberikan pemantauan harus dilakukan supaya tidak ada kelewatan yang boleh menimbulkan masalah banjir kilat di masa yang akan datang. Begitu juga di Petaling, untuk makluman Taman Medan, projek tebatan banjir di Sungai Pelempas di Petaling, RM16 juta itu sedang dalam proses pelaksanaan dan untuk makluman Dewan juga bagi tahun ini semenjak kita putuskan siapa bertanggungjawab tentang kolam takungan Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya menggunakan Caruman Parit bagi menaik taraf kolam-kolam takungan. Kita telah luluskan 34 juta untuk tempoh 4 tahun bagi menaik taraf 314 kolam dan untuk menyenggara 80 kolam ini untuk penyelenggaraan telah pun kita berikan RM12 juta setahun bagi maksud yang berkenaan. Bagi Pembangunan Mesra Alam, bawah JPS, RM4.4 juta diberikan untuk naik taraf saluran bandar dan bagi

Rancangan Malaysia Ke 11 RM295 juta untuk mengatasi banjir yang melibatkan 35 projek tebatan banjir. Maka Kerajaan Negeri ingin menyatakan di sini masalah ini berlarutan terlalu lama, keputusan telah diambil. Sejumlah peruntukan diluluskan cuma saya setuju supaya JPS dan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memastikan projek-projek ini dapat mengikut jadual dan prosesnya mestilah telus dan terbuka untuk memastikan kerja-kerja ini siap pada tempoh yang ditetapkan dan memberikan kebaikan kepada rakyat. Begitu juga seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taman Medan tentang paip-paip lama, kita telah mulakan tetapi sekali lagi fakta yang harus kita ketahui ialah dalam Akta WHASIA yang diluluskan oleh Parlimen, aset ini diserahkan kepada PAP, kita hanya menjalankan operasi. Namun kalau kita nak tunggu PAP untuk meluluskan sejumlah wang bagi menggantikan paip-paip lama ini saya tak pasti bila kita boleh dapat. Kita telah mengenal pasti lebih 80 *hotspot* di seluruh Negeri Selangor desakan terlalu kuat untuk Kerajaan Negeri segera menukar paip-paip ini maka kita telah memulakan mengikut fasa di mana fasa pertama kita mulakan minggu lepas yang melibatkan kos RM30 juta lebih kurang yang terpaksa didahulukan oleh Kerajaan Negeri. Kita menjangkakan pada tahun depan kita akan memulakan fasa yang kedua yang mungkin akan menelan belanja RM50 juta bagi maksud yang sama. Apa yang saya nak tegaskan nak tukar paip ini sekali lagi bukan lah satu perkara yang boleh diselesaikan dalam 6 bulan. Kerajaan Negeri boleh meluluskan RM500 juta tetapi apakah kita boleh laksanakan dengan proses tender terbuka, pelantikan kontrak dan untuk memastikan paip-paip yang digantikan ini paip-paip yang berkualiti yang kita dapat bekalan secara tender terbuka untuk memenuhi prinsip ketelusan dan keterbukaan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menghargai Yang Amat terhormat Menteri besar berkongsi maklumat tersebut hanya saya bagi pihak rakyat di bawah mohon kalau sekiranya ada perkembangan terkini tu diturunkan maklumat tersebut supaya kita boleh sebarkan kepada rakyat supaya mereka tahu situasi kami juga ada jawapan kepada persoalan mengapa bekalan air terganggu, kenapa selalu paip pecah dan sebagainya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Saya kira itu satu perkara yang perlu diberikan perhatian, ini soal *engagement* dan komunikasi kita dengan Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga dengan rakyat tentang dasar-dasar dan keputusan yang telah kita buat. Satu lagi perkara yang saya lihat banyak dibahaskan ialah soal sampah. Saya amat bersetuju kita mesti menjalankan satu usaha yang berterusan untuk menyelesaikan masalah sampah tetapi sekali lagi untuk membebaskan situasi ini kepada satu individu atau satu pihak saya kira kurang adil. Saya faham saya sendiri mendapat banyak aduan melalui SMS dalam

tempoh musim perayaan baru-baru ini, memang itu satu perkara yang benar. Namun sebelum itu pun bukan satu nak mendakwa apa ni apa yang telah kita buat tetapi ketika itu saya berada di Mekah menunaikan umrah lebih awal daripada sebelum hari raya saya sendiri telah menghubungi Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan mengingatkan beliau secara terus supaya ada satu gesaan secara bertulis kepada PBT dan Pejabat Daerah. Pertama, saya minta ditingkatkan yang disebutkan sebagai kutipan sampah ini kalau sebelum ini seminggu dua kali atau tiga kali kita harus meningkatkan kekerapan sepanjang tempoh perayaan tersebut. Yang kedua saya juga mencadangkan ketika itu supaya masuk dalam surat itu mesti ada *back-up contractors* di kawasan-kawasan yang sering kita terima aduan seperti yang selalu disebut oleh Saudara Sekinchan tadi. Itu secara spesifik saya sebutkan dan yang ketiga saya minta supaya tempoh itu bukan pada hari raya pertama dan kedua sahaja saya minta seminggu sebelum raya dan seminggu selepas raya. Tarikh itu pun saya beri sendiri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri supaya satu surat pekeliling dikeluarkan segera kepada PBT dan pihak Pejabat Daerah. Namun saya setuju masalah itu masih ada, aduan masih diterima, saya tidak berpuas hati. Saya sendiri menghubungi Hebat Abadi tapi *to be fair to them*, pegawai-pegawai Hebat Abadi langsung tidak bercuti pada hari raya pertama dan hari raya kedua kerana mereka tahu kemarahan rakyat dan aduan yang begitu banyak dan berlaku perubahan kontraktor dalam tempoh yang sama maka mereka terpaksa mengambil tanggungjawab ini. Saya tidak mempertahankan mana-mana individu tetapi saya kira perkara ini mesti diselesaikan dengan satu *concerted effort*, kita semua mengambil tanggungjawab dan saya bercadang dalam sidang Dewan ini saya akan turun ke beberapa Daerah biarlah saya sendiri pantau keadaan kutipan sampah di Taman-taman Perumahan termasuk di Kampung-kampung yang perlu diselesaikan kerana peruntukan yang kita keluarkan itu besar namun kita belum mendapat hasil yang baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya kira itulah yang saya dapat kongsi pada petang ini namun saya sekali lagi ingin meminta semua Ketua-ketua Jabatan khususnya pihak yang mendengar sendiri tadi Perbahasan daripada Ahli-ahli yang banyak cadangan-cadangan yang dikemukakan sebahagian besar itu bagi saya adalah cadangan yang baik yang melibatkan soal pendidikan yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Panjang soal keselamatan, soal kebersihan banyak juga yang bahaskan soal pengangkutan awam tentang jajaran Bas *Smart* Selangor. Perkara-perkara ini perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Jabatan-jabatan dan saya minta supaya perkara ini dibawa dalam dialog Belanjawan yang akan kita anjurkan nanti supaya kita dapat memperhalusi cadangan tersebut dan kita dapat masukan dalam Belanjawan 2017 supaya Belanja Pembangunan itu dapat benar-benar dilaksanakan dengan lebih bertanggungjawab bagi kepentingan negeri dan rakyat di negeri Selangor. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Terima kasih Bukit Antarabangsa. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian ada pun di masa hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa:-

Dewan Yang Mulia ini mengesakan Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebahagian daripada rizab negeri untuk tujuan menambah baik tahap kebersihan. Menaik taraf kemudahan komuniti setempat dan meningkatkan sistem keselamatan demi menjamin kesejahteraan penduduk Negeri Selangor.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA yang tidak bersetuju sila katakan TIDAK. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 11 Tahun 2016 Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, EXCO-EXCO, Ahli Dewan Negeri dan semua kakitangan kerajaan yang saya raikan dan pemerhati Salam Sejahtera, Salam Bersih.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menyeru satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menyemak dan menambah baik semua Program Merakyatkan Ekonomi Selangor MES demi meningkatkan kecekapan dan kebajikan rakyat negeri Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, saya membawa Usul ini adalah untuk menyeru agar satu Jawatankuasa khas dapat ditubuhkan kerana sejak seperti apa yang kita sedia maklum sejak lapan tahun yang lalu Kerajaan yang ada sekarang ini telah begitu gigih melaksanakan pelbagai program merakyatkan ekonomi untuk kebajikan rakyat. Mandat yang diberikan oleh rakyat ini kita buat dengan baik dan tanggungjawab yang kita pikul kita laksanakan dengan baik dan apa yang kita tegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri telah mengurus tadbir dengan baik.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Pegawai-pegawai Kerajaan telah bekerja kuat, bertungkus-lumus siang sampai petang, pagi, siang, petang mereka bekerja dengan bertungkus-lumus seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebentar tadi walaupun pergi ke Umrah tetapi tetap buat perhatian di Negeri Selangor memberi arahan dan sebagainya tentang pembersihan sampah dan sebagai maknanya budaya kerja yang dilakukan oleh kerajaan baru ini kita telah berjaya menetap satu prinsip, iaitu prinsip bertanggungjawab keupayaan dan ketelusan., Akhirnya pengurusan-pengurusan di negeri Selangor kita semakin perbetulkan kalau dulu 2008 banyak kebocoran, boros, rasuah kebincangan berlaku di sana sini. Rakyat pada ketika itu tidur dalam keadaan desak dan dalam keadaan

kesengsaraan di mana berbagai-bagai skandal sapu balak, sapu pasir, sapu tanah semua berlaku Sapu tanah satu Malaysia pun berlaku pada ketika itu. Kita rasa syukur kerana perkara ini tidak berlaku pada pentadbiran Kerajaan yang baru ini maka dengan itu Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai oleh kerana rezab kita bertambah hasil seperti yang saya tegaskan tadi hasil bertambah dan Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus mengambil keperluan yang tinggi terhadap kebajikan rakyat maka Kerajaan Negeri telah melaksanakan program merakyatkan ekonomi Selangor iaitu hasil negeri untuk rakyat dan saya maklumat yang saya ada dan kita sedia maklum bahawa terdapat lebih kurang 21, 21 Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Antaranya kita telah melaksanakan seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan dikendalikan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) sehingga kini daripada 2008 hingga sekarang penerima daripada Tabung Warisan Anak Selangor ini sekarang sudah 235,022 orang dan kosnya menelan belanja RM21 juta. RM21 juta lebih RM21 juta itu hanya satu daripada 21.

Dan pada seterusnya kita telah buat Skim Mesra Usia Emas. Di mana Skim Mesra Usia Emas di mana ini adalah satu program khas khairat kematian di mana Ahli-ahli yang umur 60 boleh daftar penduduk tak kira Melayu, Cina, India tidak kira bangsa ini satu program yang tidak kira bangsa. Sebelum 2008 banyak program kerajaan mereka menekankan apa, saya ingin ingatkan kembali kepada Dewan Yang Mulia ini mereka menekankan ada kuota tertentu. Kuota sekian berapa peratus untuk sekian, sekian berapa peratus untuk sekian tetapi bahawa Kerajaan baru kita tak ada, kuota tak ada. Skim Mesra Usia Emas semua kita buka seluruhnya untuk rakyat Negeri Selangor yang Melayunya, Cinanya, India semua rakyat negeri Selangor Warga Emas umur 60 boleh daftar sebagai Ahli Skim Mesra Usia Emas. Apabila mereka satu hari nanti yang kita sedar bahawa semua termasuk saya sebagai Wakil Rakyat, semua Ahli-ahli Dewan, EXCO dan sebagainya kita adalah manusia kerdil insan biasa kita bukan masuk dan kita satu hari nanti akan kembali kepada penciptanya iaitu kembali ke rahmatullah. Apabila umur lebih 60 Tuan Timbalan Speaker, dia berhak warisnya iaitu Skim Mesra Usia Emas khairat kematian RM2,500 kita bayar secara 2 peringkat. Bayaran ini sekarang untuk makluman Dewan Yang Mulia ini bayaran sekarang kita dah penerima sehingga hari ini 73,260. Bayangkan 73,260 sudah menerima waris-waris yang menerima Skim Mesra Usia Emas dan belanjanya yang kita belanjakan RM179,324 belanjanya untuk Skim Mesra Usia Emas. Sehingga hari ini waktu ketika itu apabila dilaksanakan program sedemikian ramai khususnya dari pihak Pembangkang mereka bagi tahu rakyat bahawa jangan percayalah Kerajaan ini mereka buat benda-benda seperti ini tak dapat duit, jangan masuk ahli, tak payah isi borang waktu itu ada yang termakan sebaran yang dari mereka yang tak mahu isi borang dan tak nak daftar tetapi apabila Kerajaan negeri kita sabar dan tabah dan urus tadbir dengan baik akhirnya hari demi hari, minggu demi minggu, bulan demi bulan, tahun demi tahun sekarang bagaimana kita melaksanakannya rakyat yakin di bawah Skim Mesra Usia Emas antara skim yang paling mendapat sambutan di bawah pemimpin-pemimpin di bawah Akta Undi ini paling ramai suka dengan skim mesra usia emas. Kalau dulu ramai tak nak isi

borang sekarang mereka datang ke pejabat minta borang termasuklah JKPP dan termasuk JKPP daripada pembangkang, mereka datang MCA, Ketua Cawangannya pun datang. Ini menunjukkan bahawa program ini tak perlu yang MCA ini kita pun bagi, yang UMNO kita pun bagi, yang PAS pun kita bagi, DAP, Amanah semua PKR kita semua bagi. Tak macam program sebelum 2008 ramai rakyat selalu datang mengeluh kepada saya kalau bukan Ahli UMNO tak dapat. Datang nak minta permohonan Kerajaan prihatin kena isi borang UMNO dulu ah ini serius ramai beritahu saya tak masuk borang, tak isi borang UMNO tak boleh tak dapat. Ah syukur Alhamdulillah Tuan Timbalan Speaker, Kerajaan yang ada sekarang ini kita tak amalkan definisi seperti demikian, tak ada semua datang tanpa tanya siapa datang apa belakang parti. Ah engkau nak parti apa baru Mahathir pun tak apa. Tak ada masalah janji rakyat Negeri Selangor memenuhi kriteria maka kita akan bagi Skim Mesra Usia Emas pada waris yang telah daftar. Inilah Kerajaan Negeri Selangor yang kita tunjukkan boleh kita bandingkan dengan negeri-negeri yang lain Tuan Timbalan Speaker saya nak bagi Dewan Yang Mulia ini negeri-negeri lain mereka rakyat tanya-tanya bilalah negeri kita boleh dapat khairat kematian. Negeri Kelantan ada Selangor ada. Negeri Barisan Nasional *ilek* tak ada dengan izin tak ada, ah tapi ini Selangor ada. Saya di Negeri Selangor mewah.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Air Tawar, sila.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker bahawa program semua ini sebenarnya adalah standard baru. Sebenarnya Kerajaan pun dah ada program tersebut cuma cara sekarang secara telus kalau mereka duduk ini akan pergi ke Daerah kerana ikut cara-cara tertentu cuma perkara ini dipermudahkan. Ya dulu pun memang ada cuma nama bukan yang baru. Itulah makluman. Itu di negeri lain pun ada sebenarnya buka tak ada

Y.B. TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Jadi saya nak bagi tahu saya nak teruskan banyak nak upas mengenai ekonomi negeri Selangor ini kejayaan demi kejayaan. Kecemerlangan yang kita telah catat kita patut war-warkan kepada rakyat. Ramai rakyat di bawah mereka kurang maklumat kerana sebaran kita tak cukup. Menteri Besar tak boleh keluar melalui TV3 keluar TV3 yang cerita lain tak pernah sekali nampak yang baik. Yang Berhormat Ketua Pembangkang Yang Berhormat Kajang kalau nampak di TV pun mestilah tak baik, tak ada berita yang positif, pun negatif bagi bolehlah panjang EXCO pun tak ada yang positif Sungai Panjang dia hari, hari keluar siang malam, TV Kerajaan bagilah ruang kepada kami kadang-kadang bagi sampa hari ini sembilan tahun merdeka tetap dengan minda tolak ke muzium senang.

Tuan Timbalan Speaker, saya teruskan dengan Skim Mesra Usia Emas ini, jadi skim mesra usia emas antara yang terbaik sambutan paling ramai, rakyat terima,

sekarang ini mereka datang isi borang, minta borang di kampung-kampung dulu tak nak isi sekarang minta ah ini perkembangan positif dan seterusnya skim kesihatan wanita ktia pun ada, Pusat Dialisis Rakyat dan juga skim bantuan Asuhan Rakyat Si Kembar, TUNAS, ah TUNAS Skim Bantuan Tadika ini Kerajaan Negeri Selangor lah beri bantuan yang begitu banyak. Di Sekinchan saya bagi contoh, di Sekinchan ada 16 Tadika termasuk Tadika Integrasi, Tadika Mufakat, Tadika Kemas dia tak nak daftar sebab dia Kemas dia condong sangat kepada Pembangkang Barisan Nasional maka mereka ada keimbuhan kepada kepartian mereka tidak mahu. Tak apalah antara tadika-tadika yang lain termasuk Tadika MCA ah Mawah dia pun datang, pun datang sebab apa kita beri bantuan kepada pelajar-pelajar, anak-anak yang baru masuk umur 6 tahun. Kita bagi subsidi, skim bantuan tadika ini RM50 satu kepala, RM50. Di Sekinchan Teochew buat Tadika beratus orang anak murid pelajar-pelajar di Sekinchan tak seperti Shah Alam beratus-ratus oleh kerana kos tidak begitu tinggi terkawal RM70 satu kepala untuk Tadika. Kerajaan bayar RM50, RM50 maknanya penjaga ataupun ibu bapa hanya perlu bayar RM20, RM20 Melayu, Cina, India seluruhnya dapat. Setiap bulan paling kurang RM16,000 atau RM17,000 akan di peruntukan untuk skim-skim ini di Sekinchan. Dan sekarang pun ada gaduh kerana kita ada sedikit kelewatan, bergaduh kata mereka tidak dapat tadika, kerana mereka tidak membuat permohonan. Sekarang berlumba-lumba rakyat datang buat permohonan. Inilah bagaimana kita jaga daripada tua, mesra usia emas, daripada warga tua kita jaga sampai anak kecil pun kita jaga. Yang tua kita jaga, yang anak kecil pun kita jaga. Itu skim bantuan tadika. Dan sekarang ni skim bantuan tadika, berapa kita belanja. Sudah RM29,700.00, 573 peserta. Iaitu anak-anak yang menerima. Walaupun baru setahun dua, tetapi sudah RM29,000.00 dan RM12,475,217.00 sudah dibelanjakan, sudah dibelanjakan. Seterusnya, saya nak tekankan juga Jom *Shopping* Warga Emas, Ibu Tunggal. Jom *Shopping* Warga Emas, Ibu Tunggal ini, antara program MES yang cukup menarik perhatian warga-warga emas dan ibu tunggal. Kita bukan sahaja mesra warga emas, ibu tunggal, tinggal pun, tinggal tak ada. Ibu tunggal pun kita mesra. Mesra kerana apa. Kerana kita nak jaga kebajikan mereka. Dan kita bawa untuk *shopping*. Dan sebelum ini ada macam-macam, er, er, keluhan mengatakan Skim Mesra Usia Emas ini bagus tetapi kita kena tunggu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Damansara minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kota Damansara dah berdiri dah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Kota Damansara.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dengan merah, merah.. okey lah..

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sekinchan kalau bercakap kan, *too perfect lah, perfect* sangat. Macam seolah-olah semua betul. Saya tengok, kagumlah. Kalau yang dengar ni, dia orang terpegunlah kan. Saya cuma sikit

nak tanyalah dengan Sekinchan, kadang-kadang memanglah bercakap tu memang indah belaka. Tapi pelaksanaan tu, macam mana di bawah, contoh kan, program untuk memberi kebajikan kepada ibu tunggal, Jom *Shopping* kepada ibu tunggal. Adakah semua ibu tunggal yang berada di negeri Selangor ini, mendapat manfaat dalam program tersebut. Ha, ini yang saya, nak tanyalah dengan Sekinchan. Sebab setahu saya, ramai saja, ibu tunggal di kawasan saya yang tak dapat juga, apa ni, Skim Bantuan Jom *Shopping* kepada ibu tunggal. So, cakap tu, cakap tu kena, cakap tu kena berhati-hati lah. Jangan cakap tu, macam apa orang kata, lebih sudu daripada kuah. Cakap tak serupa bikin lah Sekinchan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

YB. TUAN NG SUEE LIM: Ya, kita, terima kasih, Kota Damansara ya... yang mencerah. Saya nak bagi tahu, oleh sebab pelaksanaan ini semesti ada masalah kadang-kadang. Itu memang ada. Dan soal ibu tunggal tak dapat, mereka tak dapat *shopping* dan sebagainya. Ada ibu tunggal yang kaya raya. Mereka tak nak pergi. Ada.. Mereka kata tak payah, bagi lain orang. Ada juga. Jadi macam-macam lah. Macam-macam alasan pun ada. Tapi walau bagaimanapun semua kelemahan itu kita ambil kira. Oleh sebab itulah saya bawa usul ini. Menambahbaik... ha... jadi nanti selepas ini, selepas saya kupas seluruhnya, saya akan cadangkan bagaimana penambahbaikan. Sabar, Kota Damansara, sabar, sabar. Sebab sabar itu sebahagian daripada iman, ya. Seterusnya, saya, nak pergi ke Jom *Shopping* ya, seperti yang saya katakan tadi, ramai, sebelum ini ramai warga emas, mereka mengadu kenapa kerajaan tak bagi kita sikit, sebelum kita meninggal. Boleh kita rasa, rasa dulu. Kalau tidak, waris yang rasa. Tapi kita nampak angka, angka nampak. Kat bank, ada angka, tapi dia dah pergi meninggalkan kita. Ha.. inilah, *Innalillah*, apa nak buat ya. Walau bagaimanapun, Tuan Timbalan Speaker, saya nak bagi tahu, dalam dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri prihatin, kita fikir macam mana nak bantu sebelum mereka meninggalkan kita. Kita satu hari pun meninggal juga. Hanya berputar di dunia ini buat sementara waktu. Yang Berhormat Sabak begitu juga. Kita tak ada yang lebih daripada itu. Kalau masa dah sampai, sampai. Sayonara, *good bye*. Jadi kita fikirkan akhirnya kerajaan putus, keputusan bagi Jom *Shopping*, bagi bawa mereka bergilir-gilir. Mengikut *term*. Bergilir-gilir pergi ke *shopping*. Pergi mana? Pergi Giant, Econsave, Tesco dan sebagainya. Bagi RM100.00. Supaya mereka dapat merasai. Mereka kadang-kadang terharu, mereka beri tahu saya, hooo, anak saya pun tak bawa saya pergi shopping. Yang Berhormat dengan ketua kampung bawa. Ini kerajaan bagus. Ini bukan kita cakap. Tapi ini respon daripada, ha,, warga emas. Anak dia sibuk di Kuala Lumpur, kerja, sibuk di Shah Alam, kerja. Tak ada masa nak menemani. Tapi yang ada masa, Wakil Rakyat dan ketua kampung dari Kerajaan Negeri Selangor. Inilah antara cara kita buat. Dan berapa Jom *Shopping* kita dah buat. Walaupun sekarang dah berhenti, kita akan teruskan. Dah 109,000 dah terima manfaat. Dan peruntukannya lebih RM10,000,000.00 sudah digunakan. Seterusnya, tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang pun ada. Seterusnya insentif perkahwinan belia. Ha tengok. Yang

duduk di estet, Yang Berhormat Kota Alam Shah tentu tahu perkara tentang, skim anak-anak pekerja ladang. Pun ada. Dan insentif perkahwinan, kita tahulah, sekarang kos saraan hidup. Tinggi ya.. tinggi.. kenapa tinggi. Yang Berhormat Sabak. Kerana kita ada satu Kerajaan Persekutuan yang zalim. Sebab mereka laksanakan satu cukai. Cukai GST yang zalim. Cukai ini, menekan rakyat. Bukan tekan satu minggu. Kalau satu minggu, biar dia tekan. Dia tekan bertahun-tahun. Daripada pagi, petang, malam, larut malam nak makan pun kena tekan, 6%. Ini menghantui kita, dino, dino. Dengan izin, Tuan Timbalan Speaker. Hari-hari menghantui kita. Inilah cukai zalim. Dan yang paling saya tidak boleh terima, walaupun pelaksanaan cukai GST ini, bagi nak menyelamatkan negara kononnya. Tapi mereka boros di Amerika dan sebagainya. Dilakukan oleh apa,, jabatan kehakiman Amerika, dah dedah.. dulu kata tak ada, tipu lah, inilah, apa, *donation* dari arab, pak arab.. sekarang arab dah tak ada.. meneng saja.. meneng.. arab dah tak cakap, tak ada.. mana arab.. tak arab dah... yang ada.. Amerika, Jho Low, Riza Aziz. Ha.. ni sapa, saya pun tak kenal.. ini tokoh-tokoh ni, yang jadi perompak dana negara kita. Perompak.. tapi mereka masih boleh sokong. Bagi tau la. Letak jawatan. Dan Putrajaya. Sekarang, satu Malaysia kita nak kerahkan. Nak cari *officer no. One*. Malaysia *officer*, kita nak jejak. Macam *Pokemon Go*. Kita nak cari raksasa yang curi duit kita. *Pokemon go.. go..* mana.. kita cari-cari, satu hari,, *Insyallah* kita akan dapat cari. Ha.. dengan izin. Perompak, ya, penyangak itu kita mesti boleh cari. Tak apa, hari ini, mereka boleh gunakan kuasa. Tutup, boleh, gunalah, ya. AG ke, Hakim ke, apa ke, guna. Tapi, sependai-pandai tupai melompat, akhir tiba juga, akhirnya jatuh juga. Saya yakin. Tak lama dah, tak lama dah. Dan seterusnya, oleh sebab, insentif perkahwinan ini, belia ini, kita jaga, bukan saja yang tua, anak kecil masuk tadika, dan anak baru nak berkahwin ini, kita pun jaga. Bagi ang pau. Bagi insentif perkahwinan. RM500.00 anak Selangor, yang lelaki RM500.00, yang perempuan RM500.00, RM1,000.00 kalau dia anak Selangor, lelaki dan perempuan. Mana nak cari kerajaan macam ini. Umur 35, boleh dapat. Kalau macam saya, tak layaklah. Lebih sikit. Sabak, ya, lebih sikit, Sabak dah lama-lama, tak layaklah. Dia dah terlebih, tak layak. Itu tak apa. Insentif perkahwinan ini, ramai anak muda suka. Tapi ada kelemahan. Nanti saya akan bagi, kenapa. Tapi secara keseluruhannya, insentif perkahwinan ini mendapat sambutan. Maknanya kita jaga, yang tua, yang muda, dan yang kecil, kita jaga. Seluruhnya yang perempuan, yang lelaki. Semua kita jaga. Seterusnya ada lagi, pusat khidmat krisis sehati, bekalan, ha... ada satu lagi yang paling penting juga. Bekalan air percuma 20 meter padu. Ha.. ini, antaranya, daripada Kerajaan Negeri Selangor sejak 2009 sehingga sekarang. Seluruh rakyat Selangor yang punya meter individu. Saya masih ingat waktu itu, tahun 2008, 2009, apabila kerajaan nak bagi air percuma 20 meter padu. Sindiran, sinis, daripada, waktu itu, sungai panjang, bukan sungai panjang yang baru. Sungai yang baru ini, baru saja. Sungai panjang yang dulu, mantan menteri besar, daripada seri serdang dulu. Macam-macam mereka lemparkan kepada kita. Kerajaan negeri akan bankrap, bankrap, dalam tempoh satu tahun, kerana bagi air percuma. Tetapi sampai hari ini, 2016, jelas terbukti Kerajaan Negeri Selangor, kukuh dan tak bankrap, rizab 4.1 bilion. Air tetap kita berikan kepada rakyat. Ini, kerajaan baru, berkat dapat kerajaan

reformasi, berkatnya. Jadi yang kat Putrajaya itu, tunggu masa saja. Ha.. kalau kita muafakat, membawa berkat, tunggu masa. Ha.. tunggu masa. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada idea bagaimana nak perbetulkan kebusukan sampah-sampah di Putrajaya. Sampah-sampah itu patut dibersihkan. Dan seterusnya, kita ke, yang air percuma ni. Saya bagi angka la.. oleh kerana dia besar, kerana dia besar, gedi. 1,200,770,665 sampai hari ini dah 1,200,000,000. Maknanya lapan tahun, kalau kita bahagikan setiap tahun, lebih kurang 150,000,000 untuk air percuma. Setahun 150,000,000. Begitu besar nya kita untuk air percuma. Dan rakyat dapat. Cuma sekarang yang *complain*, mereka tak ada meter individu sahaja. Ha, itu yang mereka buat aduan.

Dan seterusnya, Tuan Timbalan Speaker, kita ada SkimMikro, Selangor SkimSel, Mikrokredit, dan sebagainya, MIMBAR dan WALLA, kita dah tukar dah perkemaskan, kita tukar dan kita perkemaskan, perkasakan dengan Yayasan Hijrah Selangor. Sekarang kita ada pinjaman Hijrah. Hijrah ini dia bantu. Mana ada satu kerajaan yang boleh bantu rakyat. Mereka nak berniaga karipap, nasi lemak, roti canai, kuew teow di kampung-kampung. Ya.. jahit kain di rumah, mereka nak dapat dana RM 2,000.00, RM3,000.00, nak pinjam dengan kawan. Kawan tak ada. Nak pinjam dengan bank, tak ada dokumen. Sebab tak ada apa-apa pendapatan. Macam mana mereka nak dapat pinjaman. Akhirnya jalan yang mereka ada, nak pinjam dengan apa, yang UMNO tu apa, TEKUN. TEKUN, dia bukan ahli UMNO. Sebab nak ke TEKUN, kena ahli UMNO, tak UMNO, tak masuk UMNO, tak TEKUN. Dia kena masuk UMNO, baru TEKUN. Jadi rakyat biasa yang tak masuk UMNO, mereka dipinggirkan. Jadi akhirnya bagaimana,

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker,,,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagaimana, wah...melenting dia..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Air Tawar, minta...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Melenting dia.. tapi hakikat itulah...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Saya juga ADUN. Dan peminjam-peminjam TEKUN pun bukan juga di kalangan daripada ahli UMNO, kerana dari parti-parti lain pun saya terima. Saya tak ada masalah. Janganlah diburuk-burukkan tentang peminjam TEKUN ini. Saya harap, seperti Kota Damansara, cakap biarlah berlapik. Jangan pakai bantai saja. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Okey, Sungai Air Tawar dia tak tahan, UMNO kena bantai. Tapi UMNO memang dah lama kena bantai. Minta maaf. Memang dia dah lama teruk. Dulu kini dan selamanya. Tak apa, saya teruskan dengan soal pinjaman. Sapa nak bagi pinjaman. RM2,000.00, RM3,000.00. Akhirnya satu jalan alternatif iaitu pinjam dengan ah long, pinjaman dengan sahabat-sahabat ah long. Banyak *sticker*, telefon, bayaran murah dan sebagainya. Semua *sticker*, melekat di sini di sana. Pinjam dengan ah long, mereka tolong, tapi, bunganya, ribanya terlalu tinggi. Terlalu tinggi, kalau Islam ini tidak menepati syaria. Tak betul juga. Sepatutnya tidak boleh pinjam. Tetapi terpaksa, kerana terpaksa pinjam. RM2,000.00 akhirnya dapat, mungkin RM1500.00,

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Pohon mencelah Sungai Panjang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Panjang minta mencelah. Sila Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Saya lihat Sekinchan banyak sangat hari ini tak buat *homework*. Dan saya minta dia buat perbandingan. You tau tak, yang Hijrah ini mengenakan faedah pengurusan sebanyak 8%, berbanding dengan TEKUN hanya 4%. Kemudian dia cuba lagi buat perbandingan dengan ahlone. Dan saya fikir kenyataan, saya juga suka bersama dengan Sungai Air tawar, banya yang kami sokong bukan di kalangan parti UMNO. Saya ingat kenyataan-kenyataan orang Sekinchan, saya ingat, apa dia... Tidak, tidak dia wangi... saya ingat Sekinchan ni, kena hati-hati la dah banyak sangat. Dan saya juga nak bagi tau Sekinchan, saya bukanlah hebat sangat, sebab Sekinchan terlalu banyak sangat kenyataan yang silap-silap tak betul, hanya memburukkan Sekinchan untuk jangka masa panjanglah. Saya ingatlah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kita nampak,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak apa Sekinchan, Sekinchan boleh jawab esok...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: oohh... masa dah habis... besoklah..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 4.30 petang. Saya tangguhkan dewan sehingga esok, Selasa, 2 Ogos 2016, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)